

**MASALAH AKHLAK DAN HUBUNGANNYA DENGAN
KEFAHAMAN AKIDAH: KAJIAN TERHADAP PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI DAERAH JELI,
KELANTAN**

NOOR SHAHEDAH BINTI JOHARI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**MASALAH AKHLAK DAN HUBUNGANNYA DENGAN
KEFAHAMAN AKIDAH: KAJIAN TERHADAP PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI DAERAH
JELI, KELANTAN**

NOOR SHAHEDAH BINTI JOHARI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : NOOR SHAHEDAH BINTI JOHARI
No. Pendaftaran/Matrik : IGB 150047
Nama Ijazah : IJAZAH SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

“MASALAH AKHLAK DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEFAHAMAN AKIDAH: KAJIAN TERHADAP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI DAERAH JELI, KELANTAN”

Bidang Penyelidikan: PEMIKIRAN ISLAM (AGAMA)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**MASALAH AKHLAK DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEFAHAMAN
AKIDAH: KAJIAN TERHADAP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DI DAERAH JELI, KELANTAN**

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai masalah akhlak dan hubungannya dengan akidah, kajian terhadap pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan. Kajian ini dijalankan terhadap 225 orang responden yang sedang berada di tingkatan empat di lima buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan. Mereka merupakan masyarakat Melayu yang terdiri daripada responden lelaki dan perempuan yang mempunyai latar belakang yang pelbagai. Objektif utama kajian ini adalah untuk membincangkan konsep akhlak dan akidah serta perkaitan antara kedua-duanya menurut perspektif Islam. Objektif kedua kajian ini adalah untuk menjelaskan masalah akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan. Objektif yang ketiga dalam kajian ini adalah untuk menganalisis masalah akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan dan melihat hubungannya dengan kefahaman akidah pelajar. Metodologi kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah kajian lapangan. Kajian perpustakaan menggunakan kaedah dokumentasi iaitu dengan mengumpul data dan maklumat berpandukan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah akhlak dan hubungannya dengan akidah Islam. Manakala dalam kajian lapangan pula, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik, temubual dan kaedah observasi untuk mendapatkan data terperinci berkenaan masalah akhlak dan kefahaman pelajar mengenai akidah Islam. Kajian ini merupakan satu kajian yang berbentuk kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara sikap pelajar terhadap akhlak dengan kefahaman akidah [$r, .692^{**}; P= .05$] pada tahap signifikan .05(2-tailed). Manakala amalan akhlak pelajar dengan kefahaman akidah juga menunjukkan nilai [$r, .670^{**}; P= .05$]. Hal ini turut menjelaskan bahawa amalan akhlak yang baik menunjukkan bahawa pelajar faham mengenai akidah yang sepatutnya

diamalkan oleh seorang Muslim. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap dan amalan pelajar mempunyai hubungan yang kuat dengan kefahaman akidah dalam kalangan pelajar. Implikasi kajian ini adalah agar dapat memberi kesedaran kepada pihak-pihak yang tertentu supaya dapat memainkan peranan penting dalam membendung masalah akhlak dalam kalangan pelajar dengan meneliti perkaitan utama kepada munculnya masalah ini iaitu akidah. Pengkaji percaya jika wujudnya akidah yang jitu dalam diri seseorang pelajar itu sekali gus mereka akan berakhlak dengan akhlak yang mulia. Pengkaji berpendapat, seseorang yang berakhlak dengan akhlak yang mulia merupakan satu manifestasi akidah yang jitu dan teguh yang wujud dalam diri seseorang individu.

Kata kunci: Masalah Akhlak, Akidah, Hubungan, Kefahaman, Pelajar

**MASALAH AKHLAK DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEFAHAMAN
AKIDAH: KAJIAN TERHADAP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DI DAERAH JELI, KELANTAN**

ABSTRACT

This study is about the Morality problems and its relationship with the Creed: a study on the national secondary school students in Jeli district, Kelantan. This study was conducted on 225 respondents who were in the form of four in five national secondary schools in the district of Jeli, Kelantan. They were mainly from Malay community consisting of male and female respondents with diverse backgrounds. The main objective of this research is to study the concept of morality and creed and its relationship from Islamic perspective aspect. This study mainly to illustrates and analyses the moral problems among students in the national secondary school in the Jeli district, Kelantan in order to find their relationship to the understanding of the creed among them. Researcher uses library methods and field methods in this research. For library study, researcher used documentation to collect data based on documents that's related to moral problems and Islamic creed. While in field study which include questionnaires, interviews and observation methods are used to obtain detailed data on moral problems performed by students. This study is conducted in quantitative form to know the problem of student morality and its relation to the Islamic Creed. The results for this study showed that there was a significant positive relationship between student attitudes towards morals and the understanding of Islamic Education [$r, .692^{**}; P= .05$] at a significant level of .05 (2-tailed). Meanwhile, the practice of student morality with the understanding of moral learning in Islamic Education shows the value of [$r, .670^{**}; P= .05$]. The findings show that students' attitude and practice have a strong relationship with the understanding of creed among students. The implication of this study is to give awareness to certain parties in order to play an important role in curbing moral problems among students by examining the main reason of the emergence on this problem which

is creed. Researchers believe that if there is a good creed in their self automatically they will behave with good morals. This is because the character of a good moral is a manifestation of the creed that exists within their self.

Keywords: Morality Problems, Creed, Relationship, Understanding, Students.

Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT di atas segala peluang, kelapangan, kesempatan dan anugerah masa yang telah dianugerahkan untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Pertamanya, terima kasih tak terhingga buat abah dan mak tercinta dan Johari bin Mahmud dan Hanisah binti Osman yang banyak memberi pengorbanan dan banyak membantu dari pelbagai sudut terutamanya sokongan yang tidak berbelah bagi dan membantu dari sudut kewangan. Tidak dilupakan juga kepada kakandaku Nurul Syuhada binti Johari yang banyak memberi tunjuk ajar dalam menghasilkan kajian ini dan juga adik beradik lain yang banyak memberi nasihat dan dokongan serta memahami tuntutan dan keperluan seorang pelajar..

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini. Penghargaan buat penyelia saya Dr. Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman yang banyak membantu dan memberi idea dan tunjuk ajar dalam segala urusan kajian ini. Tidak lupa juga, kepada rakan-rakan perjuangan dan barisan pensyarah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam serta kakitangan bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Seterusnya penghargaan juga ditujukan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Jeli yang banyak membantu membekalkan maklumat bagi memudahkan pengkaji melakukan kajian ini di sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan. Seterusnya, ucapan terima kasih kepada pihak sekolah yang memberikan kerjasama yang secukupnya bagi melancarkan perjalanan kajian ini.

Akhir sekali, segala kerjasama dan jasa baik yang telah dicurahkan oleh kalian semua pasti tidak ternilai harganya oleh pengkaji melainkan ia pastinya di bawah kiraan

Allah SWT membalas segala jasa baik kalian. Semoga kajian ini dapat dimanfaatkan bersama bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga untuk masyarakat.

Noor Shahedah Binti Johari
Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

No, 67
Kampung Bukit Selar
Kuala Balah, 17610
Jeli, Kelantan

017-9516099

nurshahedah@gmail.com

Universiti Malaya

DAFTAR KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
ABSTRAK	ii-iii
ABSTRACT	iv-v
PENGHARGAAN	vi-vii
DAFTAR KANDUNGAN	viii-xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv-xv
SENARAI KEPENDEKAN	xvi
1.0 BAB I: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	2-6
1.3 Pernyataan Masalah	6-9
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Definisi Tajuk	10-13
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	13-14
1.8 Kepentingan Kajian	14-16
1.9 Ulasan Kajian Lepas	16-27
1.10 Metodologi Kajian	27-28
1.10.1 Reka Bentuk Kajian	28-30
1.10.2 Metode Pengumpulan Data	30-33

1.10.3 Populasi dan Persampelan Kajian	33-36
1.10.4 Instrumen Kajian	36-37
1.10.5 Kajian Rintis	37-38
1.10.6 Metode Analisis Data	38-39
1.11 Kesimpulan	40-41
2.0 BAB II: HUBUNGAN ANTARA AKHLAK DAN AKIDAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	
2.1 Pengenalan	42
2.2 Konsep Akidah Menurut Islam	42
2.2.1 Pengertian Akidah Islam	42-46
2.2.2 Sumber Akidah Islam	46-51
2.2.3 Perbahasan Tentang Akidah Islam	51-54
2.2.4 Prinsip-prinsip Akidah Islam	54
2.2.4.1 Beriman kepada Allah SWT	54-57
2.2.4.2 Beriman kepada Rasul AS	57-59
2.2.4.3 Beriman kepada Malaikat	59-63
2.2.4.4 Beriman Kepada Kitab	63-66
2.2.4.5 Beriman Kepada Hari Akhirat	67-69
2.2.4.6 Beriman kepada Qada" dan Qadar	69-72
2.2.5 Kedudukan Akidah Menurut Pandangan Islam	72-74
2.3 Konsep Akhlak Menurut Islam	75
2.3.1 Pengertian Akhlak Islam	75-80
2.3.2 Sumber Akhlak Islam	80-82
2.3.3 Ciri-ciri Akhlak Islam	83-84
2.3.4 Kedudukan Akhlak menurut pandangan Islam	84-86

2.4	Akhlak dan Hubungannya dengan Akidah	86-90
2.5	Peranan Akidah Islam Kehidupan Muslim	90-92
2.6	Kesimpulan	92-93

3.0 BAB III: MASALAH AKHLAK PELAJAR

3.1	Pengenalan	94
3.2	Masalah Akhlak semasa di Sekolah	96
3.2.1	Ponteng Sekolah	96-99
3.2.2	Vandalisme Terhadap Peralatan Sekolah	99-100
3.2.3	Merokok	100-104
3.3	Masalah Akhlak berkaitan Aktiviti Sosial Lain	104
3.3.1	Cinta Monyet dan Salah Laku Seksual	104-106
3.3.2	Perlumbaan Haram	106-108
3.3.3	Penyalahgunaan Dadah	108-112
3.4	Masalah Akhlak berkaitan Tanggungjawab Agama	112
3.4.1	Pengabaian Solat Fardu Dan Solat Jumaat	112-115
3.4.2	Minum Arak/Alkohol	115-119
3.5	Masalah Akhlak Dan Kaitannya Dengan Akidah Islam	119-120
3.6	Kesimpulan	120-121

4.0 BAB IV: ANALISIS DESKRIPTIF DAN INFERENSI HUBUNGAN AKHLAK DENGAN KEFAHAMAN AKIDAH

4.1	Pengenalan	122
4.2	Maklumat Demografi	122-123
4.2.1	Profil Peribadi Responden	123-124
4.2.2	Profil Latar Belakang Keluarga Responden	124-126

4.3 Kefahaman Akhlak Dalam Pembelajaran Pendidikan Islam, Sikap Pelajar Terhadap Akhlak, Amalan Akhlak Pelajar Dan Kefahaman Tentang Akidah	126-127
4.3.1 Kefahaman Pembelajaran Akhlak Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah	127-130
4.3.2 Sikap Pelajar Terhadap Akhlak	130-133
4.3.3 Amalan Akhlak Pelajar	133-136
4.3.4 Kefahaman Tentang Akidah Islam	136-139
4.3.5 Masalah Akhlak dan Hubungannya dengan Akidah	140-141
4.9 Kesimpulan	141-142
5.0 BAB V: PENUTUP	
5.1 Pengenalan	143
5.2 Ringkasan Kajian	144
5.3 Rumusan Dan Kesimpulan	144-147
5.4 Cadangan Dan Saranan	147-150
5.5 Kesimpulan	150
BIBLIOGRAFI	151-159
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	HALAMAN	
Jadual 4.1	Profil Peribadi Responden	124
Jadual 4.2	Profil Latar Belakang Keluarga Responden	125-126
Jadual 4.3	Skor Min Untuk Keseluruhan Pemboleh ubah	126
Jadual 4.4	Skor Min dan Tahap Kefahaman Pembelajaran Akhlak dalam Pendidikan Islam	127
Jadual 4.5	Kefahaman Pembelajaran Akhlak dalam Pendidikan Islam	128-129
Jadual 4.6	Skor Min dan Tahap Sikap Pelajar Terhadap Akhlak	130
Jadual 4.7	Sikap Pelajar terhadap Akhlak	130-132
Jadual 4.8	Skor Min dan Tahap Amalan Akhlak Pelajar	134
Jadual 4.9	Amalan Akhlak Pelajar	134-135
Jadual 5.0	Skor Min dan Tahap Kefahaman tentang Akidah	136
Jadual 5.1	Kefahaman tentang Akidah	137-138
Jadual 5.2	Analisis Korelasi Antara Sikap dan Amalan Akhlak dengan Kefahaman Akidah Pelajar	140
Jadual 5.3	Guilford's Rules of Thumbs	141

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: Surat Pengesahan Tajuk Disertasi

LAMPIRAN 2: Surat Akaun Menjalankan Penyelidikan

LAMPIRAN 3: Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan EPRD

LAMPIRAN 4: Surat Kebenaran PPD

LAMPIRAN 5: Borang Soal Selidik

Universiti Malaya

PANDUAN TRANSLITERASI

a. Konsonan

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	ا, ء	a, ,,	القرآة	Al-Qirā`ah
2.	ب	B	بَاعَ ج	Ba`atha
3.	ت	T	تَابَ	Tāba
4.	ث	Th	حَوَابَ	Thawāba
5.	ج	J	جَعَلَ	Ja`ala
6.	ح	H	حَلَبَ	Ḥalaba
7.	خ	Kh	خَطَبَ	Khaṭaba
8.	د	D	دَفَعَ	Dafa`a
9.	ذ	Dh	ذَهَبَ	Dhahaba
10.	ر	R	رَجَعَ	Raja`a
11.	ز	Z	زَرَعَ	Zara`a
12.	س	S	سَوَّعَ	Sami`a
13.	ش	Sh	شَفَّعَ	Shafa`a
14.	ص	Ş	صَعَّدَ	Şa`ada
15.	ض	D	ضَلَّلَ	ḍalala
16.	ط	T	طَعَنَ	Ṭala`a
17.	ظ	Z	ظَهَرَ	ẓafara
18.	ع	,,	عَلَى	,,alayh
19.	غ	Gh	غَفَرَ	Ghafara
20.	ف	F	فَلَّحَ	falaḥa
21.	ق	Q	قَلَّمَ	Qalama
22.	ك	K	كَتَبَ	Kataba
23.	ل	L	لَعَبَ	La`iba
24.	م	M	مَنَّعَ	Mana`a
25.	ن	N	نَالَ	nāla
26.	ه	H	هَدَمَ	Hadama
27.	و	W	وَعَدَ	Wa`ada
28.	ي	Y	يَلَّمُ	Ya`lamu
92	ة	h,t	زَهْرَةَ	zahrah

b. Vokal Panjang

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	ا, آ	Ā	قَالَ	qāla
2.	إِ	Ī	إِيمَانٍ	īmān
3.	و	Ū	مُوسَى	mūsā

c. Vokal Pendek

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	فتحة (----)	A	نَاصِرًا	našara
2.	كسرة (----)	I	نَاصِرًا	nāšira
3.	ضمة (----)	U	يَنْصُرُ	yanšuru

d. Diftong

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	أَوْ	Aw	أَوَابًا	awwāba
2.	أَيَّامًا	Ay	أَيَّامًا	ayyāma
3.	إِيَّاكَ	Iy	إِيَّاكَ	iyyāka

Catatan:

Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab telah menjadi sebutan bahasa Melayu dieja mengikut perkataan bahasa Melayu seperti ulama, ilmiah, al-Quran, hadith dan lain-lain.

SENARAI KEPENDEKAN

No.	Kependekan	Kepanjangan
1.	AS	„Alayhi Salām
2.	bil.	Bilangan
3.	c.	Cetakan
4.	Dr.	Doctor
5.	ed.	Edit
6.	et.al	Lain-lain pengarang bersama
7.	H	Hijriyyah
9.	Ibid.	Rujukan pada tempat yang sama
22.	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
10.	M	Masihi
21.	m.	Meninggal Dunia
8.	n.n	Tiada nama
20.	no. hadith	Nombor Hadith
23.	PDRM	Polis Di Raja Malaysia
11.	Prof.	Professor
12.	RA	<i>Raḍiya Allah Anh/ Raḍiya Allah Anha</i>
13.	SAW	<i>Ṣallallah „daihi wa Sallam</i>
15.	Sdn. Bhd	Sendirian Berhad
14.	SWT	<i>Subḥanū wa Ta‘ālā</i>
16.	t.t	Tanpa Tahun
17.	t.t.p	Tanpa Tempat Penerbit
18.	terj.	Terjemahan
19.	w.	Wafat

BAB I: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Akhlak merupakan satu perkara yang sangat penting kepada setiap individu, keluarga, masyarakat, negara dan juga sesebuah tamadun di dunia ini. Akhlak juga memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan setiap individu secara khususnya. Hal ini kerana akhlak menentukan tingkah laku dan perbuatan sama ada baik atau sebaliknya. Akhlak mulia semestinya akan dipuji manakala akhlak yang terkeji akan dibenci.

Kesempurnaan akhlak adalah tujuan utama perutusan baginda Rasulullah SAW. Akhlak yang sempurna merupakan gambaran kepada ketulusan akidah yang dimiliki oleh seseorang individu. Menurut Islam, akidah, akhlak dan syariat merupakan tiga tunjang utama dalam pembentukan masyarakat yang mulia. Ketiga-tiga aspek ini mestilah selari dan seterusnya pembinaan masyarakat yang bertamadun akan dapat di capai.

Namun begitu, walaupun semua manusia mengetahui prinsip akhlak ini tetapi masih ramai yang gagal mempraktikkannya dalam kehidupan harian mereka. Hal ini terbukti apabila masyarakat kita pada hari ini dicemari dengan pelbagai krisis masalah akhlak yang merangkumi tingkah laku dan perbuatan yang tidak bermoral seperti berkelakuan tidak sopan di tempat awam, sumbang mahram dan zina yang akhirnya menyebabkan kelahiran anak luar nikah. Perkara ini menggambarkan masyarakat kita pada hari ini sedang berhadapan dengan masalah keruntuhan akhlak yang sangat serius. Perkara ini telah meletakkan kestabilan dan masa depan negara kian terancam kerana majoriti akhlak buruk ini melibatkan anak-anak remaja yang bakal menjadi pemimpin negara suatu masa nanti. Masalah ini perlu di kawal dan diatasi dengan kadar segera supaya perkara ini tidak menjadi satu barah dalam negara.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Persoalan tentang akhlak dan pembentukan peribadi yang baik merupakan satu tajuk yang dibincangkan oleh manusia sejak bermulanya tamadun di kalangan manusia. Kemuliaan sesuatu umat bukan hanya bergantung pada ilmu yang tinggi tetapi ia juga bergantung pada kemurniaan akhlak yang dimiliki. Seseorang manusia itu tidak akan sempurna tanpa mempunyai akhlak yang tinggi.¹

Di samping itu, akhlak merupakan satu perkara yang amat penting kepada setiap individu dan akhlak juga merupakan suatu yang mesti dilaksanakan oleh setiap Muslim.² Sesungguhnya, untuk berakhlak dengan akhlak yang baik, seseorang Muslim itu mestilah mempunyai akidah yang jitu dalam diri. Akidah boleh merangsang dan memotivasikan seseorang Muslim untuk berkelakuan dengan kelakuan yang baik dan mengamalkan amalan yang mulia dalam kehidupannya.³

Justeru itu, akidah dan akhlak merupakan dua perkara penting yang perlu difahami oleh setiap Muslim. Kedua-duanya merupakan gabungan yang bersifat fitrah daripada Islam sendiri. Keperluan untuk memahami kedua-duanya sangat penting bukan sahaja dari sudut agama, malah penting juga untuk manusia mencapai kehidupan yang tenang, aman dan bahagia. Sesungguhnya, kesemua perkara itu menjadi matlamat semua manusia di dunia ini.⁴

Dalam pembangunan diri manusia, akhlak merupakan komponen yang sangat penting terutama dalam membentuk tamadun manusia. Justeru itu, pembangunan insan yang berakhlak mulia telah dijadikan matlamat utama dalam sistem pendidikan negara.

¹ Siti Norlina Muhamad et al., "Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh" (makalah, "Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme SIVIC Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 4-6 September 2004)

² Azlina Muhammad, "Faktor Salah Laku Dalam Kalangan Remaja: Kajian di Raudhatul Sakinah" (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2012).

³ Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi, "Sejauhmana Bahan Bacaan Mempengaruhi Pemahaman Akidah Remaja: Satu Kajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)" (makalah, Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasis 2014, Kuala Lumpur, 4-5 Mac 2014).

⁴ *Ibid.*

Matlamat ini jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan⁵. Jika dilihat dalam perspektif matlamat pendidikan Islam dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dicatatkan adalah untuk melahirkan insan kamil (seimbang) dan insan yang berakhlak mulia.⁶ Walau bagaimanapun, masalah pembentukan akhlak remaja di sekolah telah menjadi satu fenomena yang membimbangkan.⁷

Masalah akhlak yang melibatkan pelajar sekolah menjadi salah satu cabaran besar dalam pendidikan khususnya yang berkaitan dengan keruntuhan dan salah laku di kalangan pelajar sekolah sama ada di peringkat rendah atau menengah. Masalah akhlak dalam kalangan pelajar ini menunjukkan peningkatan yang sangat membimbangkan.⁸ Perkara ini terbukti apabila masalah akhlak ini telah menjadi tajuk utama di dada akhbar-akhbar tempatan.

Pada masa kini, tingkah laku golongan pelajar dan remaja khususnya semakin mencabar dengan pelbagai masalah di negara. Gambaran keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar-pelajar sekolah dan remaja pada masa kini di semua peringkat digambarkan menerusi perlakuan seks bebas, kehamilan anak luar nikah, pembuangan bayi, kesalahan juvana, penagihan dadah, pembakaran sekolah dan sebagainya semakin meningkat.⁹ Jelaslah, perkara ini tidak dapat disangkal lagi kerana masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak khususnya yang berkaitan dengan pelajar.¹⁰

⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4* (Selangor: Dawama Sdn Bhd, 2002), iv.

⁶ Ahmad Mohd. Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1997), 128.

⁷ Zaharah Hussin dan Ab. Halim Tamuri, "Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Pendidikan Akhlak," dalam *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, ed. Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 153

⁸ Bernama, "Jenayah di Kalangan Pelajar Membimbangkan" 29 Mac 2014, diakses pada 15/12/2016 <http://www.sinarharian.com.my/nasional/jenayah-di-kalangan-pelajar-sekolah-membimbangkan-1.265173>

⁹ Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, "Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka," *Journal of Education Psychology & Counselling* 1 (Mac 2011), 115-140.

¹⁰ Dr. Tengku Elmi Azlia Tengku Muda, Dr. Nor Adha Binti Abdul Hamid, Aziziah Binti Mat Rashid, Norul Huda Binti Bakar dan Norashikin binti Azmi, "WAR 08 Kesalahan Akhlak dan Perkaitannya

Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, masalah akhlak para remaja terutama di negara kita kelihatannya semakin hari semakin serius dan kian meningkat hari demi hari. Mereka ini bukan sahaja mengalami masalah akhlak seperti budaya melepak, ponteng sekolah, pergaduhan dan budaya samseng, menyamun, merompak, peras ugut, merogol, kegiatan pelacuran dan penagihan dadah tetapi turut melibatkan pengabaian akhirat secara khusus seperti meninggalkan solat lima waktu, meninggalkan puasa di bulan Ramadan, perzinaan, perjudian, budaya seks rambang, *gay*, *lesbian*, melahirkan anak luar nikah serta sanggup membunuh anak-anak luar nikah itu.¹¹ Pada pengamatan penulis, masalah akhlak ini amat berkaitan dengan akidah dalam diri seseorang Muslim itu. Jika pegangan akidah dalam diri Muslim itu jitu dan kuat, pengkaji percaya masalah akhlak seperti ini akan dapat dielakkan dan diperangi.

Kadar penglibatan remaja dan pelajar sekolah dalam masalah akhlak juga boleh dilihat menerusi statistik mengenai salah laku disiplin murid yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran dalam tempoh 5 tahun (2008-2012) menjangkau kepada 107,191 orang yang merangkumi 10 jenis kesalahan disiplin. Sebanyak 17,343 daripadanya adalah ponteng sekolah, 14,321 daripadanya berunsurkan jenayah dan 14,298 daripadanya adalah merokok. Lebih membimbangkan, 73.09 peratus merupakan pelajar sekolah menengah yang akan menduduki peperiksaan penting.¹² Di samping itu juga, terdapat juga kes juvana yang melibatkan kanak-kanak yang berusia tujuh tahun kerana terlibat dengan pelbagai jenayah.¹³

Selain daripada itu, terdapat juga statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2010 yang menunjukkan kes remaja yang lari daripada rumah meningkat dengan angka yang mencatatkan sebanyak 4,097 remaja yang

dengan Faktor Kematangan, Kerohanian dan Kesedaran Kendiri Individu,” (makalah, World Academic and Research Congress, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9-10 Disember 2015).

¹¹ *Ibid.*

¹² Nasrudin Hassan, “Jenayah Menular Dikalangan Pelajar,” *Sinar Harian*, 22 Ogos 2013.

¹³ Hg Hk Azh, “Usia Tujuh Tahun Sudah Terlibat dengan Jenayah,” *Bernama*, 08 Februari 2006.

membabitkan usia seawal 13 hingga 17 tahun.¹⁴ Seterusnya, kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah yang membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun. Hal ini dapat dibuktikan dengan statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada tahun 2013 berbanding hanya 3,700 kes pada tahun 2012 lalu yang membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes.

Malah, angka kegiatan jenayah berat golongan remaja yang tamat sekolah pula mencatatkan peningkatan ketara sehingga 137 peratus kepada 2,011 kes berbanding hanya 849 kes dicatatkan pada tahun 2012. Kategori jenayah berat ini turut dikaitkan dengan remaja bawah umur yang berusia antara 12 hingga 17 tahun. Angka direkodkan turut meningkat kira-kira 47 peratus di seluruh negara dan terdapat juga daripada mereka terlibat dengan kes bunuh dan rogol.¹⁵ Perkara ini begitu membimbangkan, jika perkara ini tidak dibendung daripada sekarang tidak mustahil peningkatan demi peningkatan jenayah juvana saban tahun.

Menurut pengkaji, kemelut moral masyarakat hari ini kebanyakannya berpunca daripada krisis pegangan akidah. Masalah akhlak ini sudah dibincangkan berdekat lamanya. Mereka ini kelihatan seolah-olah tidak takut dengan ancaman seksa hidup di akhirat dan tidak pula tertarik dengan tawaran hidup di dunia. Semua ini menunjukkan kepercayaan kepada rukun iman yang sepatutnya menjadi tunjang kehidupan tidak diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.¹⁶

Penglibatan remaja dalam masalah akhlak yang semakin serius ini semuanya berpunca daripada beberapa faktor dalaman dan luaran antaranya ialah diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya, kurangnya pengamalan agama dan juga media Massa. Daripada faktor-faktor penglibatan mereka dalam masalah akhlak yang

¹⁴ "Bicara Agama, Masalah Moral Remaja," *Utusan Online*, 26 Disember 2012.

¹⁵ "Statistik Moral Remaja Kita," *MyMetro* 11 Mac 2015.

¹⁶ *Ibid.*

dinyatakan, jelas menunjukkan masalah akhlak bukanlah suatu penyakit yang biasa, tetapi ia sudah menjadi kudis yang semakin bernanah dalam masyarakat. Masalah akhlak di kalangan pelajar hari ini sebahagian besarnya berpunca daripada kurang kefahaman mengenai ajaran Islam.¹⁷

Merujuk kepada perkara ini, jelaslah bahawa penolakan dan kurangnya penghayatan ke arah cara hidup Islam akan membawa kepada masalah akhlak yang merosakkan manusia. Sekiranya gejala seumpama ini tidak dibendung, maka sudah pasti gejala ini akan berpanjangan dan menular daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Akibatnya, masyarakat akan mengalami masalah disebabkan kegagalan untuk melahirkan generasi yang bermaruah dan berakhlak mulia.

Menyedari hakikat ini, pengkaji terpanggil untuk melakukan kajian mengenai masalah akhlak di kalangan pelajar dan hubungannya dengan akidah. Seperti yang diketahui, akhlak Islam yang mengemukakan didikan kesopanan hidup bersumberkan rangsangan iman merupakan satu-satunya alternatif yang terbaik dan berkesan dalam usaha membentuk peribadi Muslim sejati selari dengan hasrat falsafah pendidikan kebangsaan untuk melahirkan insan yang baik dari sudut jasmani, rohani, emosi dan intelek.

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah akhlak seharusnya diberikan perhatian yang sepatutnya tertutamanya yang melibatkan pelajar sekolah. Hal ini kerana, jika perkara ini tidak diberi perhatian daripada sekarang tidak mustahil suatu hari nanti perkara ini akan makin sukar untuk diubati. Malah, masalah akhlak pelajar ini bukan sahaja melibatkan pelajar yang hidup di kota-kota besar tetapi ia juga telah menjangkiti ke setiap pelosok negeri di Malaysia.

¹⁷ Dr. Amran Kasimin, "Punca Keruntuhan Akhlak," *Utusan Online*, 21 Jun 2009.

Masalah akhlak yang melibatkan pelajar di Kelantan turut tidak dikecualikan. Hal ini terbukti apabila perkara ini dicetak dan didedahkan menerusi media cetak. Menurut akhbar tempatan, jumlah kes rogol di Kelantan meningkat sebanyak 26 peratus pada tahun 2009 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2008. Lebih mengejutkan peningkatan sebanyak 60 peratus gadis bawah umur yang menjadi mangsa rogol. Menurut statistik polis Kelantan pada tahun 2009, seramai 23 orang mangsa berusia di bawah 12 tahun diikuti seramai 165 mangsa berusia antara 13 hingga 16 tahun manakala selebihnya berumur 16 tahun ke atas. Berdasarkan kenyataan Ketua Polis Kelantan, Datuk Abdul Rahim Hanafi berkata, dalam tempoh Januari sehingga Disember tahun 2009 sebanyak 313 kes berbanding 250 kes pada tahun sebelumnya. Tambah beliau lagi, punca masalah tersebut di sebabkan ibu bapa tidak memainkan peranan dan kurangnya pengawasan terhadap anak-anak mereka sehingga sebahagian besar yang menjadi mangsa rogol adalah kanak-kanak bawah umur.¹⁸

Selain itu juga, menurut Ketua Polis Negeri Kelantan lagi, beliau menyatakan statistik jenayah di Kelantan kes yang membabitkan remaja di bawah umur semakin meningkat. Menurut beliau, bagi tempoh 5 tahun sejak 2005, daripada 10,530 tangkapan yang dibuat, 2,743 orang merupakan remaja bawah umur 18 tahun. Malah, bagi tempoh yang sama juga seramai 1,952 remaja bawah umur ditangkap kerana penyalahgunaan dadah.¹⁹ Seterusnya, menurut akhbar tempatan, terdapat satu kes di Jeli, Kelantan yang melibatkan remaja 17 tahun antara yang ditahan oleh pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) daerah Jeli dalam satu serbuan yang melibatkan penyalahgunaan dadah.²⁰

Di samping itu juga, akhbar tempatan melaporkan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan bahawa sekolah di negeri Kelantan merupakan antara sekolah yang tertinggi yang di bawah kategori 3 iaitu yang

¹⁸ n.n "Kes Rogol Di Kelantan Meningkat," *Utusan Online*, 4 Januari 2010.

¹⁹ Bernama "Jenayah Juvana Meningkat Di Kelantan," *Mstar*, 3 Februari 2010.

²⁰ Wartawan Sinar Harian, "Remaja 17 Tahun Antara Lima Ditahan," *Sinar Harian*, 23 November 2015.

melibatkan isu dadah.²¹ Kes ini menjadi bukti bahawa masalah akhlak remaja berada pada pihak yang begitu membimbangkan tidak kira tempat atau masa.

Kajian mengenai masalah akhlak pelajar sekolah menengah di Kelantan tidak banyak di lakukan oleh pengkaji terdahulu khususnya di daerah Jeli, Kelantan. Pada pengamatan pengkaji, Daerah Jeli merupakan salah satu daerah yang agak terperosok di negeri Kelantan. Menurut Pegawai Pendidikan Daerah Antidadah, Encik Muhammad Rozani Pawan Chek terdapat banyak kes yang berlaku di daerah Jeli ini tidak didedahkan kepada umum. Menurut beliau lagi, disebabkan oleh permukaan muka bumi yang berbukit di kawasan ini mendorong kepada masalah penyalahgunaan dadah di Daerah ini terutamanya yang melibatkan pelajar sekolah.

Selain itu, kedudukan daerah Jeli bersebelahan dengan sempadan dengan negara Thailand juga menjadi salah satu faktor wujudnya permasalahan ini. Hal ini kerana, sempadan di negeri ini terkenal dengan aktiviti penyuludupan dadah, senjata api dan lain-lain. Di samping itu, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai peratusan disiplin murid mengikut bilangan murid dan kes bagi sekolah menengah sekolah-sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Jeli bermula daripada tahun 2014 hingga terkini menunjukkan masalah ponteng sekolah mempunyai jumlah kesalahan yang tertinggi iaitu sebanyak 194 kesalahan. Kemudiannya diikuti dengan masalah merokok yang melibatkan sebanyak 71 kesalahan. Seterusnya kelakuan kurang sopan/bidap sebanyak 32 kesalahan dan 31 kesalahan yang melibatkan tingkah laku jenayah pelajar di sekolah. Di samping itu, kesalahan lain melibatkan vandalisme, penyalahgunaan dadah, buli, tingkah laku lucah, kenakalan dan kekemasan diri.

²¹ Hariz Mohd, "Revealed: Full list of 402 Malaysian schools with disciplinary, drug issues," *New Straits Times*, 17 Ogos 2017.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan bahawa terdapat dua sekolah di bawah daerah Jeli perlu diberikan perhatian kerana tersenarai diantara sekolah yang terlibat dengan masalah pelajar disiplin pelajar.²² Berdasarkan laporan ini menunjukkan terdapatnya masalah disiplin pelajar yang berlaku di daerah Jeli agak membimbangkan terutamanya masalah ponteng sekolah menunjukkan jumlah kesalahan yang tertinggi. Disebabkan perkara itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk membuat kajian di tempat ini untuk memberi pendedahan kepada umum bahawa tempat ini juga patut diberi perhatian oleh pihak yang berwajib.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji masalah akhlak yang berlaku dalam kalangan pelajar dan juga mengukur tahap kefahaman mereka terhadap asas-asas akidah Islam. Kemudiannya, pengkaji akan menganalisis masalah akhlak pelajar dan juga meneliti perkaitannya dengan akidah.

1.4 Persoalan Kajian

- 1) Apakah konsep akhlak dan akidah dan perkaitan antara kedua-duanya menurut perspektif Islam?
- 2) Apakah masalah akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan dan tahap kefahaman mereka terhadap akidah Islam?
- 3) Apakah hubungan di antara masalah akhlak dengan akidah pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan?

²² Adi Namri Sidek, "Negeri Manakah Yang Mempunyai Jumlah Sekolah Bermasalah Paling Tinggi di Malaysia?," laman sesawang *Illuminasi*, dikemaskini pada 17 Ogos 2017, dicapai pada 30 Oktober 2017, <https://Illuminasi.Com/Writer/6>.

1.5 Objektif Kajian

- 1) Mengkaji konsep akhlak dan akidah dan menjelaskan perkaitan antara keduanya menurut perspektif Islam.
- 2) Mengkaji masalah akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan dan kefahaman mereka terhadap akidah Islam.
- 3) Menganalisis masalah akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan dan hubungannya dengan akidah.

1.6 Definisi Tajuk

Penggunaan istilah dalaman sesuatu kajian perlu digariskan secara konkrit dan terperinci mengenai maksud tertentu bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin akan berlaku kelak. Sehubungan itu, di sini penyelidik akan menggariskan beberapa definisi istilah berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik. Dalam latihan ilmiah ini, pengkaji telah memilih tajuk “*Masalah Akhlak dan Hubungannya dengan Kefahaman Akidah: Kajian Terhadap Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan*”. Sehubungan itu pengkaji ingin menerangkan pengertian tajuk untuk membolehkan pembaca memahami kajian ilmiah ini dengan lebih mendalam.

1.6.1 Pengertian Masalah

Perkataan “masalah” bermaksud sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan).²³ Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan terus kepada masalah-masalah akhlak yang wujud di kalangan pelajar.

²³ Kamus Dewan ed. Baru (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 804, entri “masalah”

1.6.2 Pengertian Akhlak

Akhlak bermaksud budi pekerti, perilaku.²⁴ Menurut kamus dewan akhlak bermaksud budi pekerti, kelakuan, tabiat, watak.²⁵ Perkataan “akhlak” ialah jamak dari *khuluq*.²⁶ Ertinya tingkah laku, tabiat perangai, bentuk keperibadian. Sebagai istilah agama ia bererti sikap rohaniah yang melahirkan perilaku dan perbuatan manusia terhadap Tuhan, manusia dan diri sendiri.²⁷ Akhlak dalam English bermaksud *innate disposition* yang membawa makna kecenderungan semula jadi. Perkara ini merujuk kepada etika.²⁸

Akhlak dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu akhlak *mahmudah* dan akhlak *madzmumah*. *Mahmudah* bererti terpuji. Jadi akhlak *mahmudah* bermaksud budi pekerti yang baik tentu disenangi diri sendiri dan orang lain. Akhlak *mahmudah* adalah seperti berikut *amanah, as Shidiq, al Ghufron, attawa" dhu, qanaah, al haya"u* dan lain-lain lagi.²⁹

Manakala akhlak *madzmumah* bererti budi pekerti yang tercela. Iaitu perilaku yang tercela mestilah berusaha untuk tidak melakukannya kerana ia merugikan diri sendiri dan di benci orang lain. Akhlak *madzmumah* boleh dikategorikan seperti khianat, *al-bahlu, hasad*, fitnah, mengumpat, mengadu domba dan lain-lain lagi.³⁰

Akhlak menurut Ibnu Miskawayh ialah keadaan jiwa yang mendorong atau mengajak untuk melakukan perbuatan-perbuatan tanpa berfikir dan dipertimbangkan terlebih dahulu.³¹ Sementara itu menurut Abdul Karim Zaidan, akhlak ialah nilai dan sifat-sifat yang tertanam dalam jiwa, seterusnya seseorang itu mempertimbangkan

²⁴ Drs. Munib Hr. Sulistri, *Istilah Agama Islam Populer* (Indonesia: Pt. Hanindita Widya Pratama Jogjakarta, 2002), 265.

²⁵ Kamus Dewan ed. Baru (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 19, entri “akhlak”

²⁶ Dr. Iman Abdul Mukmin Sa'aduddin, *Meneladani Akhlak Nabi Membangun Kepribadian Muslim* (Bandung: Pt Remaja Rosdakarya, 2006), 15.

²⁷ Drs. Sidi Gazalba, *Pola Ajaran dan Amal Islam* (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang), 125.

²⁸ Gordon D. Newby, *A Concise Encyclopedia of Islam* (United Kingdom: Oneworld Publication, 2002), 24.

²⁹ *Ibid*, 265.

³⁰ *Ibid*, 268.

³¹ Drs Musthafa Kamal Pasha, *Qalbun-Salim Hiasan Hidup Muslim Terpuji* (Jogjakarta: Citra Karsa Mandiri, 2002), 9.

dengan menilai perbuatan baik atau buruk dan kemudiannya membuat pilihan sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya.³²

1.6.3 Pengertian Hubungan

Kamus Dewan mendefinisikan hubungan sebagai sambungan, rangkaian, kaitan, pertalian dan sangkut paut.³³ Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada masalah akhlak dan kaitannya dengan akidah.

1.6.4 Pengertian Akidah

Menurut kamus Dewan akidah bermaksud kepercayaan, keyakinan.³⁴ Manakala, dalam terminology English bermaksud creed yang membawa erti kepercayaan³⁵ Akidah berasal daripada bahasa Arab yang berasal dari kata kerja *aqada*. *Aqada* bererti simpulan. Ia diguna untuk fizikal dan juga spiritual seperti tali, jual dan janji. Apabila di katakan "simpul tali" bererti ia di ikat di antara satu sama lain dengan kukuh dan kuat.³⁶

Menurut istilah umum, aqidah membawa maksud satu keputusan yang terkeluar dari dalam hati sanubari seseorang dengan sungguh-sungguh sewaktu menentukan sesuatu perkara, sama ada keputusan yang diambil itu benar atau salah. Sekiranya keputusan yang diambil itu benar dan tepat maka ia adalah aqidah yang benar, seperti beriktikad dengan keesaan Allah SWT. Sebaliknya kalau salah, batil atau palsu maka salahlah aqidah tersebut, seperti beriktikad Allah SWT atau Tuhan itu lebih daripada satu sebagaimana yang diyakini oleh sebahagian manusia.³⁷

³² *Ibid.*, 9.

³³ Kamus Dewan ed. Ketiga (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 466, entri "hubungan"

³⁴ Kamus Dewan ed. Ketiga (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 21, entri "akidah"

³⁵ *Ibid.*, 30.

³⁶ Dr. Johari Mat, "Karya-Karya Aqidah Islam: Satu Tinjauan Ringkas Terhadap Penulisannya Sepanjang Zaman," *Jurnal Usuluddin* 8, no. 3 (1998), 25.

³⁷ *Ibid.*, 26.

1.6.5 Pengertian Pelajar

Menurut kamus Dewan Pelajar ialah orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya. Selain itu, pelajar juga merupakan orang yang mengaji (menyelidiki ilmu).³⁸ Dalam kajian ini pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli Kelantan.

Secara keseluruhannya, kajian ini memfokuskan kepada masalah-masalah yang berkaitan dengan akhlak yang negatif yang wujud dalam kehidupan pelajar masa kini. Kemudiannya, pengkaji akan meneliti dengan lebih mendalam mengenai tahap kefahaman asas-asas akidah dalam diri pelajar. Setelah itu, pengkaji akan menganalisis perkaitan antara masalah akhlak pelajar dengan asas-asas akidah yang wujud dalam diri pelajar dengan melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman asas-asas akidah dengan masalah akhlak pelajar.

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Batasan kajian ialah bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai situasi masalah bagi memudahkan sesuatu kajian yang dijalankan dengan batasan yang lebih kecil, tetapi bersifat *in-depth*.³⁹ Dalam kajian ini pengkaji membataskan kajian kepada perkara-perkara berikut:

- i. Kajian ini ditumpukan kepada lima (5) buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan sebagai populasi kajian.
- ii. Sebanyak 226 pelajar tingkatan 4 sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan menjadi sampel kajian ini yang secara tidak langsung dapatan kajian mewakili kepada keseluruhan pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah

³⁸ Kamus Dewan Edisi Ketiga, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 18, entri "ajar"

³⁹ Abdul Fatah Abdul Malek dan Mohd. Majid Konting, *Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan*, ed. Ke-4 (Universiti Putera Malaysia: Fakulti Pengajian Pendidikan, 1993), 161.

- Jeli, Kelantan. Kaedah persampelan yang digunakan oleh pengkaji mengikut jadual saiz sampel yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan.
- iii. Kajian ini terbatas kepada pelajar tingkatan 4 di seluruh sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan yang menjadi populasi kajian ini.
 - iv. Kajian ini tertumpu pada beberapa aspek penting sahaja yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu masalah akhlak dan perkaitannya dengan akidah. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan masalah akhlak pelajar kepada empat bahagian utama iaitu pertama masalah akhlak di sekolah seperti ponteng sekolah, merokok, melawan guru dan vandalisme terhadap peralatan sekolah. Masalah akhlak yang kedua ialah penglibatan pelajar terhadap aktiviti yang berunsur seks atau lucah seperti melayari laman web lucah, hubungan seks bebas dan sebagainya. Seterusnya ialah masalah penglibatan pelajar terhadap masalah sosial seperti lumba haram, penyalahgunaan dadah, lari dari rumah lain-lain lagi. Masalah akhlak yang terakhir ialah masalah berkaitan dengan agama seperti pengabaian solat fardu, pengabaian solat Jumaat bagi lelaki, minum arak dan sebagainya.
 - v. Kemudiannya, pengkaji akan melihat kepada punca masalah akhlak pelajar dengan menghubungkan perkara tersebut dengan tahap kefahaman asas-asas akidah dan pengamalannya dalam kehidupan seharian pelajar.

1.8 Kepentingan Kajian

Akhlak adalah dasar ajaran Islam yang termasuk di bawah ihsan seperti dalam hadith riwayat Umar RA atau dikenali dengan hadith Jibril.⁴⁰ Jibril telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang ihsan, maka baginda menjelaskan ihsan sebagai “*kamu*

⁴⁰ Nazneen binti Ismail dan Nurzatil Ismah bt Azizan, “Perspektif Islam dalam Pembentukan Akhlak Masyarakat” (makalah, International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2015, Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015).

beribadah kepada Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya, maka jika kamu tidak dapat melihat-Nya sesungguhnya Dia (Allah SWT) melihat kamu”. (Riwayat Muslim).

Akhlak atau ihsan ini wujud dalam diri manusia dengan wujudnya Islam dan Iman dalam diri seseorang itu. Ia merupakan satu tingkatan tertinggi atau disifatkan sebagai membawa maksud Islam sepenuhnya. Hal ini kerana seseorang itu sampai kepada satu keadaan merasa dirinya sentiasa diperhatikan Allah SWT sama ada dalam melakukan ibadah khusus mahupun menjalani kehidupan seharian.⁴¹ Sehubungan itu, pengkaji amat yakin bahawa akhlak yang mulia datangnya daripada kekuatan akidah dan ketakwaan dalam diri seseorang terhadap Allah SWT.

Kajian ini menurut pengkaji penting dijalankan sebagai satu pencerahan kepada umum mengenai masalah akhlak seseorang itu dan kaitannya dengan akidah seseorang itu. Pengkaji amat berharap melalui kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam. Antara kepentingan kajian ini ialah membolehkan pihak berwajib seperti pihak sekolah lebih peka terhadap pelajar-pelajar yang cenderung kepada masalah akhlak di sekolah khususnya. Selain daripada itu, pengkaji mengharapkan dengan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelajar secara khususnya.

Antara sumbangan lain yang boleh diberikan kepada masyarakat ialah dapat memberi panduan kepada pihak yang bertanggungjawab seperti keluarga, pemimpin, pihak sekolah, ahli korporat dalam menghadapi serta mengurus permasalahan akhlak dan disiplin pelajar yang semakin kronik hari demi hari. Di samping itu, kajian ini secara tidak langsung dapat dijadikan panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menambah baik dasar dan polisi dalam pendidikan. Perkara ini sekaligus selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadikan pembangunan insan yang berakhlak mulia sebagai matlamat utama dalam sistem pendidikan negara. Selain itu, kajian ini dapat menyingkap kedudukan sebenar pelajar-

⁴¹ *Ibid.*

pelajar Melayu khususnya yang beragama Islam mengenai kedudukan mereka dalam menghayati nilai-nilai Islam yang sebenar.

Di samping itu, harapan pengkaji agar dengan wujudnya kajian ini dapat membuka mata semua pihak terutamanya PPD Jeli agar mengambil langkah yang berterusan bagi membendung masalah akhlak yang melibatkan pelajar di daerah ini. pengkaji yakin dan percaya bahawa banyak perkara yang boleh di lakukan oleh jabatan ini untuk membendung masalah ini. Diharapkan dengan wujudnya kajian seperti ini dapat membuka mata semua pihak bahawasanya masalah ini perlu dibendung dan diatasi bagi mengelakkan permasalahan ini berterusan dan menjadi semakin parah.

1.9 Ulasan Kajian Lepas

Pengkaji akan membincangkan mengenai ulasan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Hal ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kajian ini telah di kaji sebelum ini dan secara tidak langsung akan menjadi rujukan untuk pengkaji semasa membuat kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian yang dilakukan sebelum ini dilakukan dalam bentuk kajian ilmiah, disertasi, penulisan tesis dan jurnal. Penulisan yang berkenaan dan yang berkaitan akan menjadi sumber rujukan dan sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam membuat kajian ini. Secara umumnya, kajian-kajian tersebut mengenai perkaitan antara akhlak dengan akidah dan juga mengenai masalah akhlak yang berlaku di sekolah-sekolah di Malaysia. Secara tidak langsung, kajian-kajian utama tersebut menjadi tema utama terhadap kajian-kajian terdahulu.

i. Akhlak dan Akidah

Siti Norlina Muhamad, Mohd Nasir Ripin dan Mohd Dani Muhamad (2004) yang membincangkan mengenai akhlak Muslim.⁴² Menurut pengkaji pembentukan akhlak masyarakat berasaskan ajaran agama akan menjamin kualiti insan yang lebih beretika dan berakhlak tinggi. Pembentukan akhlak sangat penting kerana berkait rapat dengan iman. Menurut pandangan pengkaji, usaha untuk memupuk akhlak yang baik di tengah budaya materialisme dan hedonisme bukanlah satu tugas yang mudah. Di sebabkan itu, kajian ini membincangkan mengenai pendekatan tokoh akhlak Islam yang terkemuka iaitu Ibnu Miskawayh dalam menghadapi keruntuhan akhlak masyarakat pada zamannya iaitu zaman terputusnya wahyu dan bimbingan terus dari Allah SWT dan Rasul SAW sebagai panduan masyarakat hari ini.

Untuk mengatasi masalah akhlak di kalangan masyarakat pada zaman itu, Ibnu Miskawayh telah mengemukakan satu etika tentang contoh hidup yang tinggi dan murni sebagai hamba Allah SWT iaitu pegangan agama yang mantap, usaha dari individu, mengetahui hakikat jiwa manusia, menjalani hidup bermasyarakat, bersahabat dengan orang yang baik dan mengambil berat terhadap rawatan rohani.

Asmawati bte Suhid (2005)⁴³ dalam jurnalnya mengatakan bahawa pendidikan akhlak merupakan wadah penting untuk mengenal pasti permasalahan akhlak dan seterusnya melahirkan manusia yang baik. Menurut beliau lagi, penekanan pendidikan akhlak dalam pendidikan Islam ialah amat jelas. Hal ini kerana, pendidikan Islam bertujuan membangun dan melahirkan insan secara bersepadu dan seimbang sebagai hamba Allah SWT di muka bumi ini. Artikel ini membincangkan mengenai beberapa persoalan yang berkaitan dengan pemantapan komponen akhlak terkini dalam era

⁴² Siti Norlina Muhamad, Mohd Nasir Ripin dan Mohd Dani Muhamad, "Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh" (makalah, " Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme SIVIC Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 4-6 September 2004).DRS

⁴³ Asmawati bte Suhid, "Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi," *Jurnal Kemanusiaan* 6 (2005), 95-103.

globalisasi khususnya di peringkat prauniversiti. Hasil dapatan menunjukkan pendidikan Islam berperanan secara langsung dalam mendidik dan membentuk individu Muslim yang berakhlak dan beriman.

Manakala, Ahmad Munawar, Zakaria Stapa dan Siti Aishah (2012)⁴⁴ yang telah melakukan kajian mereka dengan mengatakan Islam terdiri daripada tiga perkara asas yang meliputi akidah, syariah dan akhlak. Kesemua komponen ini telah mencorakkan seluruh kehidupan umat Islam dan memberi sumbangan yang sangat signifikan terhadap perkembangan tamadun manusia secara keseluruhannya. Di Malaysia, ketiga-tiga asas ini berjalan dengan serentak dengan menjadi tunggak ajaran Islam dalam pembentukan budaya dan cara hidup dalam masyarakat Melayu. Artikel ini membincangkan mengenai hubungan Islam dengan pembentukan jati diri bangsa Melayu melalui pendekatan naratif hasil analisis daripada dokumen-dokumen sejarah dan dapatan-dapatan penyelidikan semasa. Hasil kajian mendapati wujud hubungan yang signifikan antara Islam dan jati diri masyarakat Melayu.

Seterusnya, Norsaleha Mohd. Salleh, Ab. Halim Tamuri dan Salleh Amat (2013)⁴⁵ menyatakan dalam konteks sosial, akidah merupakan tunjang yang berperanan melahirkan individu yang mempunyai keyakinan tinggi kepada Allah SWT dan seterusnya mampu membentuk jiwa yang tenang dan rohani yang seimbang dengan amalan hidup dan tingkah laku. Hal ini kerana sifat dan nilai yang ada dalam akidah Islam itu sendiri menekankan aspek-aspek keimanan, kerohanian, keilmuan, penghayatan dan amalan bagi melahirkan individu yang seimbang emosi, rohani dan akalunya dengan amalan dan tingkah laku fizikalnya. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Seterusnya, kajian ini melaporkan tentang kesahan dan kebolehpercayaan

⁴⁴ Ahmad Munawar, Zakaria Stapa dan Siti Aishah, "Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu," *Jurnal Hadhari Spesial Edition*, (2012), 143-154.

⁴⁵ Norsaleha Mohd. Salleh, Ab. Halim Tamuri dan Salleh Amat, "Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penghayatan Akidah," *International Journal of Islamic Thought* 3 (2013), 71-80.

instrumen penghayatan akidah yang melibatkan tiga domain utama iaitu kefahaman, perasaan dan amalan pelajar terhadap akidah Islam.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Seri Kartini Jurami dan Fariza Md Sham (2013)⁴⁶ juga mengatakan Pendidikan Islam bukan sahaja berperanan untuk memberi ilmu pengetahuan ajaran Islam tetapi juga berperanan membentuk peribadi dan tingkah laku pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden kajian dari aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian lapangan yang menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu mengedarkan soal selidik, temu bual responden dan melalui observasi. Data yang telah di diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *SPSS* dan dapatan kajian dipaparkan dan dihuraikan menggunakan kaedah deskriptif. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh adalah baik.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi (2014)⁴⁷ akidah merupakan tunjang utama dalam menentukan nilai dan membentuk keperibadian seseorang Muslim. Hasil daripada akidah yang mantap seterusnya akan diterjemahkan melalui akhlak. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti bahan bacaan remaja yang berupaya mempengaruhi pemahaman akidah seperti pengetahuan rukun Iman, rukun Islam, bacaan dalam solat dan sebagainya. Metode soal selidik dan temu ramah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati kurangnya pendedahan bahan bacaan berunsur ilmiah memandu kepada kerapuhan iman seterusnya menyebabkan pelajar terjerumus dalam kancuh perlakuan akhlak yang tidak sihat.

⁴⁶ Seri Kartini dan Fariza Md Sham, "Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh," *Jurnal Islamiyyat* 35 (1) (2013), 29-38.

⁴⁷ Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi, "Sejauhmana Bahan Bacaan Mempengaruhi Pemahaman Akidah Remaja: Satu Kajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)"(makalah, Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasis 2014, Kuala Lumpur, 4-5 Mac 2014).

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Rohana Tan dan Norhasni Zainal Abiddin (2014)⁴⁸ mengenai hubungan akidah, akhlak dan hubungannya dengan tingkah laku belia di institusi pengajian tinggi. Artikel ini membincangkan mengenai konsep, definisi remaja dan belia, konsep akhlak, konsep akidah dan hubungannya dengan tingkah laku belia. Di samping itu, dalam kajian ini, pengkaji turut membincangkan tentang teori tingkah laku manusia iaitu teori Psianalisis, Teori Pembelajaran Sosial dan Teori Tingkah Laku Islam. Menurut pengkaji, teori ini berkaitan dengan psikologi, proses pembelajaran dan sebab musabab manusia itu bertingkah laku sedemikian rupa. Oleh sebab itu, menurut pengkaji lagi dengan memahami konsep belia, akhlak, akidah dan teori-teori berkaitan dengan perkembangan remaja dan belia dan teori tingkah laku manusia secara tidak langsung dapat membantu memberi gambaran umum tentang persoalan tingkah laku dan masalah belia atau remaja. Dapatan kajian menunjukkan, tingkah laku yang positif dan negatif ada kaitannya dengan amalan dan penerapan nilai-nilai akhlak dan akidah.

Dalam sebuah kajian yang dijalankan oleh Nazneen binti Ismail dan Nurzatil Ismah bt Azizan (2015),⁴⁹ menurut pengkaji akhlak yang sempurna merupakan gambaran kepada ketulusan akidah yang dimiliki oleh seseorang individu itu. Justeru, penekanan untuk berakhlak mulia melibatkan tiga dimensi iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Dalam penulisan ini, pengkaji mengupas mengenai perspektif Islam dalam pembentukan masyarakat berdasarkan surah al-Hujurat. Surah ini membicarakan soal tatacara sebuah masyarakat itu berakhlak.

⁴⁸ Rohana Tan dan Norhasni Zinal Abiddin, "Akidah, Akhlak dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Belia di Institusi Pengajian Tinggi," *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran* 1, no.1 (2014), 64.

⁴⁹ *Ibid.*

Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Zaharah Husin, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar dan Nurulrabiah Mat Noh (2015)⁵⁰ yang membincangkan mengenai akhlak ke arah pembentukan masyarakat lestari. Menurut mereka, pembentukan akhlak dan moral amat penting dalam konteks pembentukan Masyarakat Lestari. Pembangunan akhlak dan moral adalah wajib ditekankan kerana perkara ini merupakan suatu elemen penting dalam membentuk modal insan ke dalam diri setiap insan. Oleh itu, menurut perspektif Islam, terdapat tiga tunjang utama yang menjadi teras kepada masyarakat lestari iaitu akidah, syariat dan akhlak. Menurut pengkaji, jika dilihat lebih mendalam Islam berjaya melahirkan masyarakat lebih harmoni berasaskan tiga tunjang utamanya.

Selain daripada itu, kajian yang dilakukan oleh Ahmad Munawwar Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi (2016)⁵¹. Menurut pengkaji, akidah daripada perspektif Islam diibaratkan seperti tunjang bagi seponon pokok. Kuat tunjang-nya, maka secara tidak langsung seponon pokok itu menjadi kuat. Begitu juga dengan seorang Muslim, apabila akidahnya mantap, maka kuat juga kekuatan diri sebagai Muslim sehingga mampu menjadi seorang Mukmin yang bertakwa, beramal soleh dan berakhlak mulia. Maka sebaliknya berlaku jika dalam diri seorang Muslim itu lemahnya akidah dan secara tidak langsung menyebabkan buruknya akhlak, ibadah dan adab.

Dapatan kepada kajian ini mendapati surah ini menyentuh beberapa aspek tunjang dalam hidup bermasyarakat mencakupi akhlak orang beriman dengan Rasulullah saw, kepentingan meneliti kesahihan berita, mendamaikan antara saudara beragama, larangan bersikap angkuh, prasangka, mengumpat, ketinggian takwa sebagai nilai dan pengukuhan iman. Kesemua aspek ini perlu di ambil berat oleh masyarakat kini untuk mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan harian.

⁵⁰ Zaharah Husin et al., "Pembangunan Akhlak dan Moral Ke Arah Masyarakat Lestari," *Al-Hikmah* 7 (2) (2015), 72-87.

⁵¹ Ahmad Munawwar Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi, *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (Skudai Johor: UTM Press, 2016).

Walau bagaimanapun nilai-nilai Islam yang wujud boleh terhakis kesan daripada cabaran-cabaran semasa. Oleh itu, menurut pengkaji setelah meneliti artikel ini, ternyata asas-asas ajaran Islam sememangnya telah menapak terlalu lama dalam masyarakat Melayu. Sehubungan itu, tidak hairanlah jika umat Islam berpegang kepada tiga tunggak asas Islam ini mampu untuk mencapai keharmonian hidup dalam masyarakat. Namun, kesan daripada era globalisasi dan cabaran-cabaran semasa ini nilai-nilai ajaran ini amat mudah terhakis jika tiada usaha yang bersungguh-sungguh untuk memeliharanya. Perkara ini terbukti jika kita meneliti kepada wujudnya masalah akhlak khususnya dalam kehidupan remaja pada masa kini.

Hasil dapatan kajian ini mendapati isu moral atau akhlak bukan hanya terhad kepada aktiviti sosial semata-mata tetapi wujud juga dalam setiap aktiviti manusia yang lain seperti politik, ekonomi dan sebagainya. Menurut pengkaji lagi, keruntuhan akhlak yang berpunca daripada kemerosotan nilai-nilai akhlak boleh di atasi melalui peningkatan kualiti kehidupan keluarga. Perkara ini boleh dilaksanakan melalui penghayatan terhadap tuntutan Islam dalam kehidupan seharian dan juga penekanan terhadap disiplin dan tingkah laku yang baik dan berakhlak.

ii. Masalah Akhlak Pelajar

Normah Ahmad (2003) telah membuat kajian ilmiah yang bertajuk *Masalah keruntuhan Akhlak di Kalangan Pelajar: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Ugama (A) Ma'ahad Muhammadi Tanah Merah Kelantan*.⁵² Kajian yang dilakukan oleh beliau bertujuan untuk mengenal pasti salah laku yang dilakukan oleh pelajar, faktor-faktor keruntuhan akhlak di kalangan pelajar dan meninjau pandangan guru-guru dan pelajar mengenai masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar sekolah. Pengkaji menggunakan metode temu bual, metode observasi, metode soal selidik dan dokumentasi untuk mendapatkan

⁵² Normah Ahmad, "Masalah Keruntuhan Akhlak di Kalangan Pelajar: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Ugama (A) Ma'ahad Muhammadi Tanah Merah Kelantan" (Kajian Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, 2003).

hasil kajian. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat lima jenis salah laku yang menjadi punca keruntuhan akhlak pelajar. Salah laku itu seperti ponteng sekolah, bercinta, merokok, melawan guru dan tidak hadir ke sekolah. Hasil kajian ini juga mendapati kebanyakan pelajar tidak mempunyai masalah peribadi. Manakala, ibu bapa pula amat mementingkan pelajaran dan akhlak anak-anak mereka.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Azizi Yahaya (2008)⁵³ membincangkan mengenai masalah sosial. Menurut pengkaji, situasi kehidupan hari ini adalah sangat membimbangkan kerana terdapat kes-kes yang melibatkan keruntuhan akhlak remaja yang cenderung kepada budaya barat yang negatif. Masalah ini bukan sahaja di hadapi di Malaysia, malah perkara ini merupakan satu fenomena tingkah laku sehingga menyebabkan perkara-perkara tersebut dipanggil sebagai masalah sosial. Pengkaji mendapati jika ketua keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk anak-anak mereka, secara langsung segala ancaman yang boleh merosakkan akidah, keruntuhan akhlak, kepincangan rumah tangga, pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah, perzinaan dan segala-galanya dapat di atasi dengan baik.

Di samping itu, Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan (2009)⁵⁴ juga telah membuat kajian mengenai masalah akhlak di kalangan pelajar. Ddalam kajian ini, pengkaji membincangkan mengenai pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar pelajar. Masalah disiplin pelajar tidak boleh dipandang ringan kerana sekolah merupakan tempat proses pembelajaran dan pengajaran berlaku serta memerlukan suasana yang kondusif supaya keberkesanan kedua-dua proses tersebut dapat dimanfaatkan oleh pelajar.

⁵³ Azizi Yahaya, "Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja: Satu Cabaran," dalam *Remaja dan Tingkah Laku*, (Skudai Johor: UTM Press, 2008), 289-299.

⁵⁴ Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes," *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (2), (2009), 1-14.

Namun, terdapat pelajar melakukan kesalahan disiplin berulang kali tanpa rasa takut dengan hukuman yang bakal diterima. Kumpulan pelajar ini dikategorikan sebagai pelajar bermasalah disiplin tegar. Tingkah laku mereka tentunya akan memberi kesan kepada pelajar lain di bilik darjah. Menyedari masalah ini, kajian ini dilakukan di sebuah sekolah menengah di pinggir bandar raya Kuala Lumpur. Kajian ini dilakukan dengan memilih 10 pelajar yang bermasalah disiplin tegar yang terdiri daripada pelajar lelaki yang beragama Islam. Satu program yang menggunakan pendekatan Islam telah dilakukan bagi tujuan pemulihan tingkah laku pelajar tersebut. Hasil dapatan kajian mendapati pendekatan Islam telah berjaya memulihkan pelajar bermasalah disiplin tegar tersebut.

Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi dan Mascilla binti Hamzah (2011)⁵⁵ telah melakukan kajian yang bertujuan untuk mengetahui hubungan antara gaya keibubapaan dengan salah laku pelajar di sebuah sekolah rendah di pinggir bandar Johor Bahru. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada salah laku pelajar serta gaya keibubapaan yang di amalkan oleh ibu bapa responden. Kemudiannya, dapatan kajian ini menunjukkan salah laku vandalisme yang paling dominan bagi salah laku kenakalan. Manakala, salah laku buli adalah salah laku yang paling dominan bagi salah laku verbal. Seterusnya, gaya autoritatif merupakan gaya keibubapaan yang paling dominan yang diamalkan oleh ibu bapa responden manakala tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian anak mereka di sekolah adalah berada pada tahap yang tinggi.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Aminuddin bin Hehsan dan Siti Noor bt Muhamad (2010) yang berkaitan dengan masalah akhlak pelajar.⁵⁶ Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat persepsi pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah, Kelantan terhadap disiplin dan faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan

⁵⁵ Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi dan Mascilla binti Hamzah, "Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah dan Hubungannya dengan Gaya Keibubapaan," *Journal of Education Psychology and Counselling 1* (Mac 2011), 77-93.

⁵⁶ Aminuddin bin Hehsan dan Siti Noor bt Muhamad, "Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini: Satu Kajian di Maahad Ahmadi Tanah Merah" (tesis ijazah, Universiti Teknologi Mara, 2010), 1-10.

disiplin pelajar. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah terhadap cara-cara yang dapat meningkatkan tahap dan mutu disiplin pelajar dengan lebih berkesan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Kemudian, data dianalisis menggunakan perisian *SPSS* bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. dapatan jadual dipersembahkan dalam bentuk jadual. Hasil dapatan kajian mendapati responden memberikan persepsi yang positif terhadap aspek yang dikaji iaitu berkaitan dengan disiplin, faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin pelajar dan cara-cara yang dapat meningkatkan tahap dan mutu disiplin pelajar dengan lebih berkesan.

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham dan Salasiah Hanin Hamjah (2013)⁵⁷ mengenai ciri-ciri remaja berisiko suatu kajian literatur telah menjelaskan mengenai konsep remaja berisiko dan mengenal pasti ciri-ciri remaja berisiko. Kaedah kajian yang telah dilakukan ini berbentuk kualitatif, suatu kajian berdasarkan kajian-kajian dan penyelidikan yang lepas menerusi dokumen, jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan perbincangan mengenai ciri-ciri remaja berisiko. Hasil kajian pengkaji telah mendapati bahawa ciri-ciri remaja berisiko yang paling dominan dalam kalangan remaja berisiko ialah mereka yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang sosioekonomi yang rendah dan tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu-bapa, ahli keluarga, masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama dalam menentukan pola akal dan perlakuan remaja bagi menghindari kemudaratan.⁵⁸

⁵⁷ Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham dan Salasiah Hanin Hamjah, "Ciri-Ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur," *Jurnal Islamiyyat* 35(1) 111-119 (2013).

⁵⁸ *Ibid.*

Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak (2014)⁵⁹ telah melakukan kajian mengenai masalah pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab berlakunya gejala seks dalam kalangan pelajar dan bagaimana pelajar boleh terlibat dengan perlakuan seks tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan temu bual merupakan kaedah yang digunakan sebagai instrumen kajian. Manakala, kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan iaitu seramai dua orang informan. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian mendapati antara faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar terlibat dengan gejala seks ialah faktor ibu bapa, pegangan agama yang longgar, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh teknologi. Di samping itu, motif peribadi sosial, pergaulan bebas dan tekanan perasaan menjadi antara sebab pelajar boleh terlibat dengan gejala hubungan seks.

Secara keseluruhannya, dalam kajian ini didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara salah laku pelajar di sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan pelajar di sekolah. Di samping itu juga, kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku pelajar di sekolah dengan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa. Akan tetapi, kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan dengan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan pelajar di sekolah.

Berdasarkan kajian-kajian lampau secara keseluruhannya, didapati terdapat kajian yang membincangkan mengenai akhlak Islam dan juga akidah Islam secara terperinci. Di samping itu juga, terdapat juga kajian yang membincangkan mengenai masalah akhlak pelajar di sekolah. Dari tinjauan di atas, pengkaji mendapati masih tiada kajian yang dilakukan mengenai masalah akhlak pelajar sekolah menengah terutamanya di daerah Jeli Kelantan dengan mengaitkan masalah akhlak pelajar dengan pegangan

⁵⁹ Mohammad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak, "Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes" (makalah, Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, Universiti Malaysia Sabah, 11 Disember 2014).

akidah pelajar secara khusus yang menjadi faktor kepada pencetus perlakuan manusia kini. Disebabkan hal itu, pengkaji merasakan kajian ini perlu dilakukan bagi memberikan gambaran yang lebih terperinci mengenai perkaitan antara masalah akhlak dengan pegangan akidah Muslim itu.

1.10 Metodologi Kajian

Metodologi kajian antara bahagian yang paling penting untuk menentukan hala tuju sesuatu kajian. Terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian antaranya metode pengumpulan data, populasi dan persampelan, sumber data dan seterusnya metode analisis data. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah atau prinsip yang di gunakan dalam sesuatu kegiatan (usaha).⁶⁰

Metodologi ialah satu sistem metode atau prinsip-prinsip yang digunakan dalam disiplin tertentu.⁶¹ Perkataan metodologi berasal daripada bahasa Yunani iaitu „*metodos*“ yang membawa maksud cara dan „*bgos*“ yang membawa maksud ilmu.⁶² Sehubungan itu, metodologi bermaksud ilmu tentang cara atau kaedah penyelidikan.⁶³ Dalam bidang kajian, metodologi adalah satu faktor yang amat penting untuk dititikberatkan kerana ianya merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi tumpuan utama dalam kajian.⁶⁴

⁶⁰ Sheikh Othman bin Sheikh Salim. *Kamus Dewan Edisi Baru* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 826.

⁶¹ British Dictionary, “Definition of Methodology” laman sesawang Dictionary.com, dicapai pada 1 November 2016, <http://www.dictionary.com/browse/methodology?s=t>.

⁶² Koentjaraningkat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: PT-Gramedia, 1986), 16.

⁶³ A.S. Hornby, *Oxford Fajar* (Kuala Lumpur: Pustaka Fajar, 2001), 1152.

⁶⁴ *Ibid.*

Reka bentuk kajian juga perlu dititik beratkan oleh pengkaji dalam melakukan kajian selain daripada kaedah dan pendekatan penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji.⁶⁵ Menurut pengkaji yang mengatakan bahawa Babbie, E menyatakan dalam bukunya yang bertajuk *Experiment: Practice of Social Research, 2010* memberi erti tentang reka bentuk kajian yang merujuk kepada bentuk pendekatan pengumpulan data yang ingin digunakan.⁶⁶

1.10.1 Reka Bentuk kajian

Reka bentuk kajian merupakan suatu teknik atau kaedah tertentu bagi memperoleh maklumat yang tertentu. Reka bentuk kajian ini berfungsi sebagai panduan untuk mendapatkan jawapan yang jelas terhadap persoalan kajian yang di kaji oleh pengkaji. Setiap kajian saintifik menggunakan metodologi yang sesuai bagi mendapatkan hasil kajian yang menepati objektif kajian yang digariskan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah deskriptif yang menggabungkan pendekatan kualitatif untuk mencapai objektif pertama dan objektif kedua serta pendekatan kuantitatif untuk objektif ketiga.

Sehubungan itu, dalam kajian ini pengkaji telah memilih untuk memilih pendekatan kuantitatif untuk mencapai objektif ketiga. Kajian jenis kuantitatif ialah berdasarkan kategori kuantiti seperti menggunakan angka, skor, kekerapan.⁶⁷ Metode penyelidikan kuantitatif bermaksud jenis penyelidikan yang menggunakan rancangan pengkajian berdasarkan prosedur statistik atau dengan kata lain dari kuantifikasi (butiran mengikut jumlah unit dan angka) untuk mengukur pemboleh ubah (variabel)

⁶⁵ Haris Abd Wahab dan Siti Hajar Abu Bakar Ah, "Asas Penyelidikan Lapangan," dalam *Kaedah Penyelidikan Kerja Sosial Pengalaman Di Lapangan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 12.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Skudai: Penerbit Teknologi Malaysia, 1999), 34.

penyelidikannya.⁶⁸ Data penyelidikan kuantitatif dikemukakan dalam bentuk jadual, graf atau carta.⁶⁹

Justeru itu, dalam melaksanakan kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dan korelasi. Kajian tinjauan bersifat mendatar dan deskripsi yang di hasilkan meluas merangkumi banyak pemboleh ubah atau ciri-ciri yang menjelaskan subjek kajian berkenaan. Penemuan-penemuan bagi kajian yang berbentuk penerokaan ini akan diperincikan oleh kajian-kajian lain kemudiannya.⁷⁰ Kaedah tinjauan bermaksud pengkaji akan mengambil data dalam sesuatu masa yang tertentu menggunakan soal selidik.

Manakala, pendekatan korelasi bermaksud, satu kajian yang melihat hubung kait atau pengaruh antara satu faktor dengan faktor yang lain menggunakan ujian statistik korelasi. Kajian korelasi ini hanya mengukur hubung kait antara dua pemboleh ubah dan ia juga hanya menerangkan kekuatan kaitan sama ada signifikan atau tidak.⁷¹ Berdasarkan objektif dalam kajian ini, setelah membuat sedikit penelitian adalah amat bersesuaian untuk pengkaji menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan pendekatan korelasi kerana dalam kajian ini pengkaji ingin melihat hubungan antara masalah akhlak dengan akidah pelajar.

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif iaitu menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah akhlak pelajar dan kefahaman mereka terhadap asas-asas akidah Islam. Dapatan kajian ini akan di perolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden. Seterusnya, maklumat yang diterima akan dianalisis secara deskriptif. Data jenis deskriptif

⁶⁸ Kamarul Azmi Jasmi, "Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial" (makalah, Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 Puteri Resort Melaka, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Baru, 28-29 Mac 2012).

⁶⁹ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009), 25.

⁷⁰ *Ibid.* 27.

⁷¹ *Ibid.* 46.

menerangkan pola sampel seperti taburan kekerapan, min, median, mod dan peratusan⁷². Ini kerana data jenis kuantitatif sesuai bagi penyelidikan yang menggunakan instrumen soal selidik dan ujian untuk mendapatkan maklumat kajian.

1.10.2 Metode Pengumpulan Data

Dalam menyelesaikan kajian ini, pengkaji menggabungkan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan (*library research*) dan penyelidikan lapangan (*field research*). Manakala untuk mendapatkan data, pengkaji akan menggunakan dua bentuk data iaitu data primer (*primary*) dan data sekunder (*secondary*). Data primer ialah data-data yang dikumpul melalui soal selidik. Manakala data sekunder adalah data yang dikumpulkan melalui wawancara, pemerhatian dan dokumen.

Penulisan ilmiah ini sebahagian besarnya memerlukan proses pembacaan dan penelitian terhadap buku-buku ilmiah, artikel-artikel yang diambil dari buku-buku, internet, kajian disertasi, kertas-kertas kerja serta bahan bacaan yang berkaitan dengan kajian ini. Dengan menggabungkan beberapa metode ini menjadikan kajian ini lebih sempurna. Metode yang pengkaji akan gunakan dalam kajian ini seperti berikut:

1) Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah satu kaedah pengumpulan data dengan mengkaji dokumen yang berkaitan dan ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Data yang diperlukan untuk menjawab kepada persoalan kajian dalam bentuk dokumen memerlukan pengkaji mendapatkannya dengan mendapatkannya di perpustakaan.⁷³

⁷² Mohamad Najib Abdul Ghafar, "*Penyelidikan Pendidikan*", 42.

⁷³ Rianto Adi, *Metodologi Penelitian Sosial dan Hukum* (Jakarta: Granit, 2004), 61.

Metode dokumentasi bermaksud kaedah pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan persoalan kajian.⁷⁴ Dalam penulisan ini ialah dokumen termasuk hasil penyelidikan yang tidak diterbitkan seperti tesis, disertasi, minit mesyuarat, fail-fail rasmi, manuskrip yang tersimpan di arkib dan juga catatan peribadi.⁷⁵ Pengkaji akan menggunakan beberapa buah perpustakaan untuk membuat rujukan terhadap tajuk kajian bagi mencapai objektif dan persoalan kajian.

2) Metode Soal selidik

Soal selidik diertikan sebagai rangkaian soalan yang distrukturkan berasaskan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikenal pasti untuk menghasilkan sejumlah data bagi menjelaskan masalah yang dikaji.⁷⁶ Metode soal selidik ini menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat dan kemudiannya pengkaji membuat analisis daripadanya. Soal selidik ialah salah satu kaedah atau metode yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini. Soal selidik ialah satu rangkaian soalan yang dibentuk khas dari orang tertentu pada masa tertentu.⁷⁷

Soal selidik ialah kaedah yang paling mudah untuk mendapatkan maklumat penyelidikan.⁷⁸ Instrumen soal selidik adalah sesuai untuk pengukuran efektif bagi tujuan mengetahui kecenderungan, sikap, persepsi dan sebagainya. Penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian menjadi asas untuk pengumpulan data dalam kajian tinjauan.⁷⁹ Metode yang diguna pakai oleh pengkaji ialah dengan mengedarkan borang

⁷⁴ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 108.

⁷⁵ Idris Awang, "Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam" 69.

⁷⁶ *Ibid.* 77.

⁷⁷ Idris Awang, *Penyelidikan Jenis dan Metode*, (Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya, 1998), 67.

⁷⁸ Majid, "Kaedah Penyelidikan Pendidikan," 202.

⁷⁹ Muhammad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1999), 116.

soal selidik yang telah disediakan kepada responden. Metode soal selidik ini digunakan bagi memudahkan pengkaji mengumpul data responden secara tepat.⁸⁰ Kaedah ini memerlukan penyelidik datang ke lokasi kajian bagi membolehkan soal selidik dapat dikumpulkan secara seratus peratus.

3) Metode Observasi

Metode observasi atau pemerhatian ialah kaedah pengumpulan data dengan kaedah pengamatan secara sengaja dan sistematik terhadap objek yang dikaji. Data ini dapat menjawab persoalan kajian dengan kaedah pemerhatian terhadap objek yang dikaji. Dalam hal ini panca indera pengkaji amat diperlukan seperti melihat dan mendengar. Seterusnya, hasil daripada pengamatan tersebut, pengkaji akan mencatatkan maklumat seterusnya menganalisis data tersebut.⁸¹

Observasi juga suatu pemerhatian yang dilaksanakan ke atas satu keadaan yang telah dikenal pasti hasil dari satu perancangan yang teliti. Pemerhatian ini akan menghasilkan satu deskripsi yang terperinci tentang keadaan yang berkenaan bagi membolehkan pengkaji memahaminya secara mendalam.⁸² Metode ini merupakan proses penelitian yang dapat menghasilkan maklumat-maklumat yang diperlukan tanpa memerlukan pembiayaan yang besar. Pengalaman yang sedia ada pada pengkaji yang berkaitan dengan subjek yang dikaji boleh dinilai sebagai metode pemerhatian. Kaedah ini juga dinamakan sebagai teknik pengamatan.⁸³

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ Rianto Adi, "Metodologi Penelitian Sosial dan Hukum," 70.

⁸² Idris Awang, "Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam" 74.

⁸³ Zainal Mat Saat, *Pengantar Statistik* (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985), 8.

4) Metode Temu bual

Metode temu bual ialah metode untuk mendapatkan keterangan ataupun pendirian secara lisan daripada responden. Temu bual merupakan teknik mendapatkan maklumat penyelidikan secara langsung oleh penyelidik dengan responden. Temu bual didefinisikan sebagai perbualan dua hala atau *face to face* dan dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat dari responden secara lisan.⁸⁴

Temu bual ialah salah satu metode pengumpulan data dengan menggunakan kaedah komunikasi antara penemu bual (pengkaji) dengan sumber data (responden). Bentuk pengumpulan data ini boleh dilakukan secara langsung atau secara tidak langsung. Temu bual dilakukan kerana pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang tepat daripada responden dan hanya responden yang paling mengetahui tentang diri mereka sendiri. Hanya dengan kaedah temu bual maklumat dapat dikumpul kerana tidak terdapat cara lain untuk mengetahui tentang diri responden.⁸⁵

Bagi mendapatkan maklumat mengenai masalah akhlak pelajar di sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan, pengkaji akan menemu bual beberapa orang guru di bahagian disiplin di setiap sekolah untuk menyokong data yang diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden. Dalam temubual ini pengkaji menggunakan metode temubual tidak berstruktur bagi mendapatkan pandangan guru-guru mengenai masalah akhlak pelajar.

1.10.3 Populasi dan Persampelan kajian

Pemilihan sampel kajian merupakan suatu kerja yang rumit, kompleks dan mengambil masa. Hal ini disebabkan seseorang pengkaji itu memilih satu kumpulan individu yang kecil bilangannya dan individu yang dipilih itu pula hendaklah mewakili keseluruhan populasi yang lebih besar bilangannya. Dalam erti kata lain, data yang dapat

⁸⁴ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2011), 128.

⁸⁵ Rianto Adi, "*Metodologi Penelitian Sosial dan Hukum*" 72.

dikumpulkan daripada individu yang kecil bilangannya itu secara relatifnya mestilah dapat memberi gambaran tentang populasi yang dikaji.⁸⁶

Takrif populasi adalah terdiri daripada penjumlahan cerapan yang kita kehendaki. Manakala sampel ialah subset bagi populasi.⁸⁷ Sampel adalah sumber untuk mendapatkan data.⁸⁸ Sampel ialah sebahagian daripada populasi yang dikaji untuk mendapatkan maklumat yang mewakili kepada populasi. Sampel juga dikenali sebagai responden yang diambil oleh pengkaji untuk melakukan soal selidik. Manakala, populasi ialah sekumpulan individu, objek atau item yang diambil oleh sampel untuk mengukur dalam sesuatu kajian.⁸⁹

Tujuan pengambilan sampel dilakukan adalah untuk melakukan kesimpulan tentang populasi yang diambil oleh sampel. Kaedah ini lebih mudah untuk digunakan dalam kajian dibandingkan dengan mengambil keseluruhan responden daripada jumlah yang amat besar.⁹⁰ Persampelan dilakukan kerana sukar untuk mengkaji populasi dalam kuantiti yang besar. Dengan melakukan persampelan yang diambil daripada populasi yang besar pengkaji itu akan mendapat gambaran sebenar mengenai keseluruhan populasi kajian.^{91 92}

Populasi dalam kajian ini tertumpu pada pelajar tingkatan 4 pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan yang kesemuanya mempunyai 5 buah sekolah menengah kebangsaan. Rasional pemilihan pelajar tahun lima sebagai sampel adalah berpandukan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang tidak menggalakkan pengambilan pelajar daripada kelas peperiksaan menjadi sampel kajian

⁸⁶ Prof. Madya Dr. Abu Hassan Othman, "Masalah Penyelidikan di Kota: Suatu Analisa Ringkas," dalam *Kaedah Penyelidikan Sosial*, ed. Wan Hashim, Ting Chew Peh dan Shamsul Amri Baharuddin (Petaling Jaya: Inverta Print Sdn. Bhd, 1980), 2.

⁸⁷ Ronald E. Walpole, *Pengenalan Statistik*, terj, Mohd. Nawi Abd Rahman (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 164-165.

⁸⁸ Mohamad Najib Abdul Ghafar, "Penyelidikan Pendidikan" 37.

⁸⁹ Mohd Ghani Awang, Noryanti Muhammad dan Suriya Kumar Sinnaduai, *Research Design & Data Analysis in Social Science Research*, (Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2012), 31.

⁹⁰ *Ibid.*, 31.

⁹¹ Rianto Adi, "Metodologi Penelitian Sosial dan Hukum," 101.

⁹² Mohamad Najib Abdul Ghafar, "Penyelidikan Pendidikan" 37.

kerana dibimbangi akan mengganggu pengajaran dan pembelajaran mereka. Manakala jumlah sampel kajian yang akan diambil mengikut jadual saiz Krejcie dan Morgan.⁹³ Dalam kajian yang pengkaji akan lakukan ini populasi responden sebanyak 507, jadi mengikut jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan, pengkaji mendapati jumlah populasi dalam kajian ini tidak sama dengan jadual yang ditetapkan oleh Krejcie dan Morgan. Justeru itu, pengkaji membuat keputusan untuk merujuk jumlah yang hampir sama kajian ini iaitu dengan merujuk kepada populasi 500 responden. Menurut Krejcie dan Morgan jika populasi seramai 500 responden, maka sampel yang diperlukan ialah sebanyak 217 responden.

Kajian ini menggunakan kaedah rawak berkelompok untuk menentukan sampel kajian. Pengkaji memilih lima (5) buah sekolah di daerah Jeli menggunakan kaedah rawak berkelompok. Berdasarkan kaedah rawak berkelompok pengkaji mengelompokkan lima (5) buah sekolah di daerah Jeli, Kelantan. Hal ini kerana, kajian yang melibatkan sekolah tidak sesuai untuk menggunakan kaedah rawak mudah. Sampel berkelompok merupakan sampel yang dipilih berdasarkan kelompok daripada populasi.⁹⁴

Pengkaji memilih persampelan rawak berkelompok kerana melibatkan kelompok sekolah dan bukannya secara individu. Hal ini sebagaimana yang di cadangkan dalam Noraini Idris iaitu persampelan rawak berkelompok merupakan sebuah kumpulan yang dipilih secara rawak dan bukannya individu. Manakala setiap individu pelajar dalam kumpulan yang terpilih dijadikan sebagai sampel kajian.⁹⁵

Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah rawak mudah dalam menentukan bilangan pelajar yang diambil sebagai sampel kajian. Pengkaji memilih kaedah persampelan kerana terdapat beberapa faedah dalam persampelan rawak berkelompok.

⁹³ Robert V. Krejcie dan Daryle W. Morgan, "Determining Sample Size For Research Activities," *Journal Educational and Psychological Measurement* 30, (1970), 607-610.

⁹⁴ Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Skudai: Penerbit UTM, 1999). 38.

⁹⁵ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Selangor: McGrawHill, 2013), 121.

Antaranya ialah kaedah ini dapat mengurangkan kesukaran dalam membuat rangka persampelan. Selain itu, mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi menjalankan penyelidikan.⁹⁶

1.10.4 Instrumen kajian

Instrumen kajian untuk data kuantitatif ialah soal selidik.⁹⁷ Instrumen soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang merangkumi beberapa item berdasarkan objektif kajian. soal selidik biasanya digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar.

Soalan bebas jawab (terbuka) ialah soalan isikan tempat kosong. Manakala soalan senarai semak ialah soalan jenis *Thurston* di mana responden hanya memberi jawapan dengan menanda salah satu pilihan jawapan. Soalan skala kadar pula menggunakan soalan *likert* di mana responden memilih jawapan daripada satu *kontinuum* (satu ruang).⁹⁸

Melalui soal selidik ini, pengkaji akan memperoleh maklumat tentang latar belakang pelajar, maklumat tentang kefahaman pelajar terhadap akidah Islam, sikap mereka terhadap akhlak dan amalan akhlak mereka. Instrumen kajian atau soal selidik ini memberikan lima jawapan berdasarkan Skala Likert lima point dengan skor yang diberikan seperti dalam jadual di bawah.

⁹⁶ Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 76.

⁹⁷ Keith F Punch, *Developing Effective Research Proposals* (London: Sage Publications Ltd, 2000), 57.

⁹⁸ Mohamad Najib Abdul Ghafar, "*Penyelidikan Pendidikan*" 88.

Jawapan	Skala
Sangat tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Sederhana Setuju (SS)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Kesemua item yang digunakan dalam soal selidik tersebut adalah item berbentuk negatif dan positif. Pengelasan skor dilakukan dalam soal selidik ini berdasarkan objektif kajian ini.

1.10.5 Kajian Rintis

Bagi kajian dalam skala yang besar, kajian rintis digalakkan untuk mengukuhkan kesahan dalam instrumen kajian⁹⁹. Disebabkan perkara itu, satu kajian rintis (*pilot test*) telah di jalankan pada bulan September 2017 kepada 30 orang responden sebelum borang soal selidik sebenar diedarkan. Kajian rintis ini bagi memastikan kaedah yang akan dilaksanakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta mampu mengumpul data sebagaimana yang diperlukan.

Bagi menguji kesahan instrument kajian soal selidik yang mengandungi lima bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D dan bahagian E telah diedarkan kepada 30 orang pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd Ali di Negeri Johor. Pengkaji telah mewakili seorang guru untuk mengedarkan borang soal selidik ini.

Kajian rintis ini dilakukan untuk melihat sama ada pelajar dapat memahami maksud item-item di dalam borang soal selidik tersebut. Kajian rintis ini juga bertujuan untuk memperbaiki instrument kajian dari segi pembentukan item, kesesuaian bahasa dan bagi mendapatkan anggaran masa yang diambil untuk menjawab soal selidik ini.

⁹⁹ Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd, 2013),196.

Masa yang diambil untuk menjawab soal selidik dalam kajian rintis ini ialah selama 30 minit.

Nilai alpha yang diperolehi dalam kajian rintis yang dijalankan ini ialah .864. Di dalam Noraini Idris¹⁰⁰ Guilford dan Fructer mencadangkan bahawa indeks kebolehpercayaan dalaman sesuatu ujian adalah paling memuaskan jika bernilai sekitar .7. Manakala menurut Pallant pula, nilai indeks alpha sebanyak .7 atau keatas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh atau lebih. Oleh itu, kajian rintis yang telah dilakukan oleh pengkaji didapati mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana melebihi nilai .7.

1.10.6 Metode Analisis Data

Setelah pengkaji memperoleh data-data dan maklumat melalui beberapa metode pengumpulan data. Pengkaji seterusnya menggunakan metode tertentu dalam menganalisis data dan maklumat yang telah dikumpul. Setelah kesemua data dikumpulkan, penganalisan data dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan perisian *IBM SPSS statistics*.

Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS statistics*. Keputusan data akan dipersembahkan dengan menggunakan dua jenis ujian statistik. Iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, min, median, mod dan peratusan. Manakala, statistik inferensi membolehkan penyelidik membuat andaian tentang populasi dan perlu memenuhi kriteria seperti perwakilan data.¹⁰¹ Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan perwakilan data yang berbentuk korelasi untuk melihat hubungan antara masalah akhlak dan akidah pelajar. Selain itu, pengkaji akan menggunakan metode induktif dan metode deduktif untuk menganalisis data.

¹⁰⁰ *Ibid.*, 177

¹⁰¹ *Ibid.* 42.

a) Metode Induktif

Metode induktif ialah metode untuk membuat kesimpulan berdasarkan kepada data yang bersifat khusus untuk mendapatkan kesimpulan yang bersifat umum.¹⁰² Induktif bermaksud kesimpulan dibuat daripada pemerhatian am.¹⁰³ Dalam erti kata lain metode induktif ialah satu proses menghuraikan, menganalisis atau membuat kesimpulan data yang membawa kepada pencapaian kesimpulan daripada data atau maklumat yang bersifat khusus kepada kesimpulan yang bersifat umum.

Kaedah ini amat membantu pengkaji untuk mengeneralisasikan kajian yang di lakukan di tempat yang khusus untuk dilihat sebagai sesuatu yang umum. Secara umumnya, dalam kajian ini masalah akhlak yang di lakukan pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli secara tidak langsung turut menggambarkan masalah akhlak yang berlaku di negara ini.

b) Metode Deduktif

Metode deduktif pula kaedah menganalisis data yang menghasilkan kesimpulan yang bertunjangkan pada data-data yang bersifat umum dan seterusnya membuat kesimpulan yang bersifat khusus.¹⁰⁴ Dalam erti kata lain, deduktif ialah kesimpulan yang dibuat daripada pemerhatian umum kepada khusus.¹⁰⁵

Pengkaji menggunakan metode induktif ini dalam bab 3 dan bab 4 untuk menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai dapatan kajian yang telah pengkaji lakukan. Sebagai contoh, masalah akhlak merupakan sesuatu yang umum yang berlaku di semua tempat tetapi dalam kajian ini pengkaji lebih memfokuskan kepada masalah akhlak yang berlaku secara spesifik di sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan.

¹⁰² Rianto Adi, "*Metodologi Penelitian Sosial dan Hukum*," 143.

¹⁰³ Mohamad Najib Abdul Ghafar, "*Penyelidikan Pendidikan*" 5.

¹⁰⁴ *Ibid.*, 130.

¹⁰⁵ Mohamad Najib Abdul Ghafar, "*Penyelidikan Pendidikan*" 5.

1.11 Kesimpulan

Kajian ini akan dilaporkan dalam lima bab. Penulisan bab satu akan menyentuh paparan pendahuluan yang membincangkan latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi tajuk, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas dan metodologi kajian.

Bab dua iaitu hubungan antara akhlak dan akidah menurut perspektif Islam penulis pengkaji akan melakukan kajian literature tentang akhlak dan akidah. Dalam bab ini, konsep akhlak dan konsep akidah akan dincangkan dari segi definisi, dalil, ciri-ciri, kedudukan akhlak dan akidah dalam Islam dan pandangan ulama mengenai keduanya. Seterusnya, bab ini akan mengupas mengenai akhlak dan hubungannya dengan akidah secara lebih mendalam. Akhirnya, bab ini turut akan membincangkan mengenai peranan akidah Islam dalam kehidupan muslim.

Bab tiga iaitu masalah akhlak pelajar merupakan satu bab yang akan mengupas tentang masalah-masalah akhlak yang melibatkan pelajar sekolah secara terperinci. Bab ini akan dibincangkan mengenai masalah akhlak dengan lebih terperinci dari pelbagai sumber seperti kajian Ilmiah, akhbar, buku-buku ilmiah sebagai pembuktiaan bahawa wujudnya masalah akhlak seperti ini yang melibatkan pelajar sekolah. Secara umumnya, masalah tersebut akan di kategorikan kepada empat masalah utama. Yang pertama ialah masalah akhlak di sekolah seperti ponteng sekolah, melawan guru, vandalisme terhadap peralatan sekolah dan melanggar peraturan sekolah. Yang kedua ialah masalah akhlak yang berkaitan dengan aktiviti seks atau lucah iaitu percintaan, melayari web lucah dan melakukan seks bebas. Yang ketiga ialah masalah akhlak yang berkaitan dengan aktiviti social lain seperti lumba haram dan penyalahgunaan dadah. Yang terakhir ialah masalah akhlak yang berkaitan dengan tanggungjawab agama iaitu pengabaian solat fardu dan pengabaian solat jumaat bagi lelaki, minum arak, meninggalkan puasa Ramadan dengan sengaja dan memandang rendah terhadap hukum Islam.

Bab empat ialah bab analisis kajian deskriptif dan inferensi hubungan akhlak dengan kefahaman akidah. Analisis kajian ini akan merangkumi demografi responden, kefahaman responden terhadap akhlak dan akidah Islam, sikap pelajar terhadap akhlak, amalan akhlak pelajar, kefahaman pelajar tentang akidah Islam dan bahagian akhir pengkaji akan menganalisis hubungan antara masalah akhlak dengan akidah pelajar.

Bab lima ialah bab yang terakhir dalam kajian ini. Bab ini akan mengupas tentang ringkasan mengenai hasil kajian ini. Selain itu, pengkaji akan membuat rumusan dan kesimpulan yang menyeluruh mengenai kajian ini. Sebagai penutup kajian ini, pengkaji akan menyatakan beberapa cadangan dan saranan penting kepada pihak yang berwajib untuk terus mengekang dan menyelesaikan masalah akhlak yang melibatkan pelajar secara khususnya.

BAB II: HUBUNGAN ANTARA AKHLAK DAN AKIDAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

2.1 Pengenalan

Akhlak, akidah dan syariat merupakan tiga tunjang utama dalam agama Islam. Seseorang itu digelar Muslim yang sejati apabila di dalam dirinya lengkap ketiga-tiga komponen ini. Namun begitu, mustahil bagi seseorang itu untuk menjadi individu yang sejati tanpa wujudnya contoh yang boleh diikuti dan dicontohi sepanjang zaman. Rasulullah SAW adalah pesuruh Allah SWT yang begitu sempurna yang harus dijadikan contoh oleh Muslim untuk memastikan dirinya menjadi Muslim yang sejati. Rasulullah SAW membawa bersamanya akhlak, akidah dan syariat yang harus diikuti oleh Muslim sepanjang zaman. Justeru itu, di dalam bab dua ini akan membincangkan mengenai konsep akhlak dan konsep akidah menurut Islam, akhlak dan hubungannya dengan akidah dan peranan akidah Islam dalam kehidupan Muslim.

2.2 Konsep Akidah Menurut Islam

2.2.1 Pengertian Akidah Islam

(a) Dari Segi Bahasa

Perkataan akidah berasal dari ungkapan bahasa Arab „*aqadi*“ (إِقْدَانٌ, *ya 'qidu*) (إِقْدَانٌ „*aqdan*“ (عَقْدًا), yang membawa erti simpulan atau ikatan^{106 107}. Ikatan Berdasarkan istilah akidah ini merupakan suatu ikatan kepercayaan yang tersimpul dalam hati manusia. Berdasarkan istilah dari sudut bahasa ini, akidah tidak semestinya merujuk kepada

¹⁰⁶ Ramli Awang, *Akidah dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan* (Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2012), 146.

¹⁰⁷ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Dasar Akidah Muslim* (Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2011), 6.

akidah yang sahaja kerana terdapat juga akidah yang salah yang dipanggil akidah *fāsid*.¹⁰⁸

Berdasarkan ayat al-Quran:

وَمِن شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿١١٣﴾

Al-Falaq 113:4

Terjemahan: Dan dari kejahatan makhluk-makhluk Yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan).

Firman Allah SWT mengenai perkara ini juga berbunyi:

وَلِكُلِّ جَعَلْنَا مَوَالِي مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ ۚ وَالَّذِينَ عَقَدَتْ

أَيْمَانُكُمْ فَأَتَوْهُمْ نَصِيحَتَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا ﴿٣٣﴾

Al-Nisa' 4:33

Terjemahan: Dan bagi tiap-tiap (lelaki dan perempuan Yang telah mati), Kami telah tetapkan orang-orang Yang berhak mewarisi peninggalannya Iaitu ibu bapa dan kerabat Yang dekat. dan mana-mana orang Yang kamu telah membuat ikatan setia Dengan mereka (untuk bantu-membantu Dalam masa kecemasan dan kesusahan) maka berikanlah kepada mereka bahagiannya. Sesungguhnya Allah sentiasa menyaksikan tiap-tiap sesuatu.

(b) Dari segi Istilah

Akidah merupakan sesuatu yang perkara yang diyakini dan dianuti oleh seseorang.¹⁰⁹

Perkataan akidah bila diungkapkan sebagai „akidah Islam“ atau „akidah keimanan“ membawa maksud ikatan kepercayaan serta keimanan yang *jāzam* kepada Allah SWT

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ Ab. Latif Muda dan Rosmawati bt Ali @ Mat Zin, “Perbahasan Akidah Islam”, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd, 2007), 2.

tanpa sebarang syak atau ragu.¹¹⁰ Perkara ini jelas apabila keyakinan telah masuk ke dalam hati manusia, tiada seorang pun yang boleh menggugat keyakinan itu kerana ianya telah tersimpul mati di dalam hati manusia itu.¹¹¹ Bukti kepada perkara itu dapat dilihat dari kepatuhannya dalam melaksanakan apa jua tindakan yang diikrarkan dalam pengakuan *lā ilaha illāllah*.¹¹²

Akidah ialah *taṣḍiq* (membenarkan sesuatu khabar ghaib) dengan cara yang pasti tanpa syak atau ragu. Ia juga bermaksud iman seperti dikatakan – yakni saya berkeyakinan (beriktikad begini). Ertinya saya percaya (beriman) dengannya. Dalam maksud yang sama perkataan iman juga digunakan dengan makna *taṣḍiq* (membenarkan) seperti yang diungkapkan: iaitu mempercayai dengan sesuatu, membenarkan dengannya secara sungguh-sungguh tanpa ragu dan tanpa ada rasa syak.¹¹³

Akidah juga disebut sebagai iman kerana iman ialah kepercayaan yang meresap ke dalam hati yang tiada keraguan dan syak mengenainya dan mempengaruhi seluruh aspek kehidupan manusia. Menurut Yusuf al-Qaradawi, iman bukan sekadar ucapan yang keluar daripada bibir, lidah atau keyakinan dalam hati semata-mata tetapi keimanan yang sebenar merupakan suatu akidah atau kepercayaan memenuhi hati tanpa bercampur syak dan sebarang keraguan.¹¹⁴ Di dalam konsep yang sebenar, akidah di dalam Islam sentiasa ditujukan kepada asas iman dan tauhid kerana iman dan tauhid merupakan asas bagi agama Islam. Tanpa asas ini, Islam seseorang itu akan rosak dan binasa.¹¹⁵

¹¹⁰ Ramli Awang, et al., Akidah dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan,” 148.

¹¹¹ Kamarul et al., “Dasar Akidah Muslim,”6

¹¹² Ramli et al., Akidah dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan,”” 148

¹¹³ *Ibid.*, 149

¹¹⁴ Kamarul et al., “Dasar Akidah Muslim” 8.

¹¹⁵ Nawi @ Mohd. Nawi Haji Ismail, *Pemurniaan Akidah Islamiah* (Kota Bharu: Percetakan & Perniagaan Nik Daud Sdn.Bhd, 2006), 5.

Akidah juga merupakan roh bagi setiap orang, dengan berpegang teguh padanya seseorang itu akan hidup dalam keadaan baik dan menggembirakan. Namun, jika seseorang itu meninggalkannya akan matilah semangat kerohanian dalam kehidupannya. Ia bagaikan cahaya dan apabila seseorang itu buta maka sudah pasti dia akan tersesat dalam liku-liku kehidupannya. Malahan tidak mustahil bahawa dia akan terjerumus dalam lembah-lembah kesesatan.¹¹⁶ Dalam perkara ini Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

أَوْ مَن كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَن
 مَّثَلُهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا ۚ كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا
 يَعْمَلُونَ ﴿١٢٢﴾

Al-An'am 6:122

Terjemahan: Dan Adakah orang Yang mati (hatinya Dengan kufur), kemudian Kami hidupkan Dia semula (dengan hidayah petunjuk), dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) Yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara Yang benar Dengan Yang salah, dan dapatlah) ia berjalan Dengan suluhan cahaya itu Dalam masyarakat manusia, (adakah orang Yang demikian keadaannya) sama seperti Yang tinggal tetap di Dalam gelap-gelita (kufur), Yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah (sebagaimana iman itu diperlihatkan keelokannya kepada orang-orang Yang beriman), diperlihatkan pula pada pandangan orang-orang Yang kafir itu akan keelokan apa Yang mereka telah lakukan (dari perbuatan kufur dan Segala jenis maksiat).

¹¹⁶ Sayid Sabiq, *Akidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman* (Bandung: CV Penerbit Diponegoro Bandung, 2001), 21.

Terdapat tiga elemen utama yang perlu dititikberatkan bagi merealisasikan iman itu dalam erti kata yang sebenar. Elemen tersebut ialah keyakinan dalam hati dengan menerima dan membenarkannya dengan setulus hati, pengakuan dengan lidah dan menzahirkannya dalam amalan seharian. Seterusnya, iman ini akan melahirkan rasa kecintaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW melebihi makhluk lain.¹¹⁷

Selain itu, akidah merupakan satu hubungan yang kuat diantara makhluk dan penciptanya. Hubungan itu sukar untuk ditafsirkan kerana ia melibatkan hubungan hati dan jiwa. Jelas di sini bahawa akidah ialah satu perkara yang berkaitan dengan perbuatan hati manusia dan merupakan keimanan yang tidak berbelah bagi.¹¹⁸ Akidah yang kuat dalam diri mampu menjadi benteng pertahanan dalam diri Muslim dalam menghadapi kehidupan yang penuh pancaroba di dunia ini. Akidah yang kuat dalam diri mampu menjamin kehidupan yang baik bukan sahaja di dunia malah juga di akhirat.

2.2.2 Sumber Akidah Islam

Islam sebuah agama yang dikuti oleh penganutnya dengan bersumberkan dalil yang pasti dan yakin. Akidah yang benar hendaklah bersumberkan wahyu iaitu al-Quran dan hadith. Jumhur ulama telah bersepakat dalam menetapkan sumber-sumber akidah yang utama ialah al-Quran dan hadith mutawatir yang kedua-duanya merupakan sumber akidah yang berbentuk yakin dan pasti. Kedua-dua sumber ini tidak menimbulkan perbincangan dalam kalangan ulama.¹¹⁹

Semenjak kewujudan Adam dan Hawa di muka bumi ini, perkara ini membuktikan bahawa manusia memerlukan peraturan hidup yang sesuai dengan fitrah mereka. Manusia memerlukan peraturan hidup yang boleh memberikan keadilan yang selari dengan sifatnya sebagai insan yang memandu mereka ke arah kebaikan. Oleh itu,

¹¹⁷ Sayid Sabiq, "Akidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman" 9.

¹¹⁸ Ab. Latif Muda dan Rosmawati bt Ali @ Mat Zin, "Perbahasan Akidah Islam" 7-8.

¹¹⁹ *Ibid.*, 58.

perkara ini perlu kepada satu peraturan yang boleh meninggalkan kesan kepada jiwa sehingga mampu mengawal segala tingkah laku, perasaan dan pemikiran.¹²⁰

Allah SWT telah menanamkan akidah dan keimanan di dalam hati nabi Adam AS agar dapat menentang segala hasutan iblis yang telah bersumpah untuk menyesatkan Adam AS dan anak cucunya. Manusia tidak mungkin akan mencapai darjat kesempurnaan untuk menjadi mukmin sejati selagi mereka tidak menentukan peraturan, ideologi dan jalan hidup mereka sendiri. Oleh itu, setiap manusia di dalam dirinya semestinya memerlukan suatu keyakinan atau kepercayaan terhadap kebenaran sesuatu perkara yang akan dijadikan anutan yang di sebut juga sebagai akidah bagi mencapai hakikat tersebut.¹²¹

Akidah di dalam Islam merupakan asas iman dan tauhid dalam konsepnya yang sebenar. Hal ini kerana akidah tauhid ialah satu ikatan perjanjian dan kepercayaan yang menyeluruh kepada hakikat keesaan dan kekuasaan Allah SWT.¹²² Asas dan sumber akidah Islam berdasarkan dua perkara pokok yang menjadi tunjang utamanya. Dari dua perkara inilah lahirnya cabang-cabang yang lain. Bahkan bukan sekadar perkara itu, malah keseluruhan kegiatan dan aktiviti yang wujud dalam Islam merupakan jelmaan daripada dua asas utama tersebut. Tanpa pegangan kepada kedua-dua asas ini tidak akan wujud apa yang dikatakan sebagai berakidah dengan akidah Islam. Asas tersebut ialah mentauhidkan Allah SWT dan mentauhidkan jalan kepada-Nya.¹²³

Mentauhidkan Allah SWT bermaksud hanya ada satu Tuhan sahaja yang mencipta dan yang wajib di sembah, tiada sesuatu pun yang bersekutu dengan-Nya, tiada yang bersekutu dengan *sifat*-Nya, *af'āl*-Nya serta *asmā'*-Nya. Dia sahaja yang bersifat dengan seluruh sifat kesempurnaan, keindahan, kebesaran dan Dia tidak

¹²⁰ Nawi @ Mohd Nawi Haji Ismail, *Pemurnian Akidah Islam: Analisis terhadap Ajaran Salah* (Kota Bharu: Percetakan & Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd, 2006), 1.

¹²¹ *Ibid.*

¹²² *Ibid.*, 5.

¹²³ Ramli et al., "Akidah dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan" 83-84.

memiliki sifat kekurangan atau yang berlawanan dengan sifat kesempurnaan atau kesempurnaan nama-nama Allah SWT (*al-Asmā' al-Husnā*).¹²⁴

Manakala, mentauhidkan jalan kepada-Nya bermaksud tidak terdapat ketetapan (hukum) dalam kehidupan manusia selain dari ketentuan-Nya. Tiada cara untuk bertaqarrub (menghampirkan diri) kepada-Nya melainkan dengan apa yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. Tidak wujud jalan untuk sampai kepada-Nya dalam apa jua bentuk ibadah melainkan dengan cara yang telah ditunjukkan contoh oleh pesuruh-Nya iaitu jalan Sunnah Nabi Muhammad SAW.¹²⁵

Al-Quran membincangkan yang berkaitan dengan akidah dalam pelbagai aspek. Al-Quran menjadikan asas ketuhanan sebagai perbincangan akidah kemudiannya diikuti dengan penjelasan mengenai ketuhanan, juga menjelaskan mengenai rasul dan lain-lain yang berkaitan dengannya.¹²⁶

(a) al-Quran

فَلَمَّا جَاءَ السَّحَرَةُ قَالُوا لِفِرْعَوْنَ أَإِنِّ لَنَا لَأَجْرًا إِن كُنَّا نَحْنُ الْغَالِبِينَ ﴿٤١﴾
قَالَ نَعَمْ وَإِنَّكُمْ إِذَا لَمِنَ الْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٢﴾ قَالَ هُمْ مُوسَى الْقُوا مَا أَنْتُمْ
مُلْقُونَ ﴿٤٣﴾ فَأَلْقَوْا حِبَاهُمْ وَعَصِيَّهُمْ وَقَالُوا بِعِزَّةِ فِرْعَوْنَ إِنَّا لَنَحْنُ
الْغَالِبُونَ ﴿٤٤﴾ فَأَلْقَى مُوسَى عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ ﴿٤٥﴾ فَأَلْقَى
السَّحَرَةُ سَجَدِينَ ﴿٤٦﴾ قَالُوا ءَأَمْنَا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٧﴾ رَبِّ مُوسَى وَهَارُونَ
﴿٤٨﴾ قَالَ ءَأَمَنْتُمْ لَهُ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ط إِنَّهُ لَكَبِيرُكُمْ الَّذِي عَلَّمَكُمْ

¹²⁴ *Ibid.*, 84

¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ Mohd Sabri bin Ismail, *Isu-isu Kontemporari Akidah dan Dakwah* (Batu Pahat: Penerbit Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, 2004), 78.

السِّحْرَ فَلَسَوْفَ تَعْمُونَ^ع لَأَقْطَعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ مِّنْ خَلْفٍ وَلَا صَلْبِنَاكُمْ

أَجْمَعِينَ ﴿٥١﴾ قَالُوا لَا ضَيْرَ إِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا مُنْقَلِبُونَ ﴿٥٢﴾ إِنَّا نَطْمَعُ أَنْ يَغْفِرَ

لَنَا رَبُّنَا خَطِيئَتَنَا أَن كُنَّا أَوَّلَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

Asy-Syu'araa' 26: 41-51

Terjemahan: Maka ketika Ahli-ahli sihir itu datang, berkatalah mereka kepada Firaun: "Benarkah Kami akan beroleh upah, kiranya Kamilah orang-orang Yang menang?" Firaun menjawab: "Benar, (kamu akan mendapatnya) dan Sesungguhnya kamu Dengan itu akan menjadi dari orang-orang Yang dekat kepadaku". Nabi Musa berkata kepada mereka: "Campakkanlah dahulu apa Yang kamu hendak campakkan". Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: "Demi kekuasaan Firaun, Sesungguhnya sudah tetap Kamilah orang-orang Yang akan menang". Kemudian Nabi Musa pula mencampakkan tongkatnya, tiba-tiba tongkatnya itu menelan apa Yang mereka pura-pura adakan (dengan sihir mereka). Maka (Kemenangan Nabi Musa menjadikan) Ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri: sujud, sambil berkata: "Kami beriman kepada Tuhan sekalian alam, "Tuhan Nabi Musa dan Nabi Harun". Firaun berkata: "Patutkah kamu beriman kepadanya sebelum Aku izinkan kamu? Sesungguhnya Dia lah (Musa) ketua kamu Yang mengajar kamu ilmu sihir; oleh itu kamu akan mengetahui kelak (akibatnya). Demi sesungguhnya, Aku akan memotong tangan dan kaki kamu Dengan bersilang kemudian Aku akan memalang kamu semuanya". Mereka menjawab: "(Ugutanmu itu) tidaklah menjadi hal! Sesungguhnya Kami (tidak gentar), kerana kepada Tuhan Kamilah kembalinya kami. "Sesungguhnya Kami amat berharap supaya Tuhan Kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana Kamilah orang-orang Yang mula-mula beriman (dalam peristiwa ini)"

Ayat ini menjelaskan bagaimana ketika iman telah sebatu dalam diri ahli sihir, tiada satu pun seksaan yang boleh memisahkan mereka daripada tetap teguh dengan Islam.¹²⁷

(b) al-Hadith

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ، أَخْبَرَهُ قَالَ: أَخْبَرَنِي أَبُو سُفْيَانَ بْنُ حَرْبٍ، " أَنَّ هِرَاقِلَ، قَالَ لَهُ: سَأَلْتُكَ هَلْ يَزِيدُونَ أَمْ يَنْقُصُونَ؟ فَزَعَمْتَ أَنَّهُمْ يَزِيدُونَ، وَكَذَلِكَ الْإِيمَانُ حَتَّى يَتِمَّ، وَسَأَلْتُكَ هَلْ يَرْتَدُّ أَحَدٌ سَخَطَةً لِدِينِهِ بَعْدَ أَنْ يَدْخُلَ فِيهِ؟ فَزَعَمْتَ أَنْ لَا، وَكَذَلِكَ الْإِيمَانُ، حِينَ تُخَالِطُ بِشَاشَتِهِ الْقُلُوبَ لَا يَسْخَطُهُ أَحَدٌ"

Terjemahan: Sesungguhnya „Abdullah berkata, “Abu Sufyan bin Harb menceritakan bahawa sesungguhnya Hiraql berkata,. “Aku bertanya kepadamu, “Adakah mereka (pengikut Muhammad SAW) bertambah atau berkurang. Lalu kamu mempercayai bahawa jumlah mereka (yang beriman itu) bertambah. Demikianlah iman sehingga sempurna (maksud perutusan). Kemudian aku bertanya kepadamu, “Adakah dalam kalangan mereka murtad dalam keadaan benci kepada agama (yang dibawa oleh) nya selepas dia memeluk Islam. Lalu kamu percaya bahawa itu tidak mungkin ada. Demikianlah iman ketika telah tersimpul padu dalam lubuk hati tidak ada seorang pun yang akan membencinya (meninggalkannya).”¹²⁸

Menerusi hadith ini jelaslah apabila keyakinan telah masuk ke kdalam hati manusia, tiada seorang pun yang mampu menggugat keyakinan itu kerana keyakinan itu telah tersimpul mati dalam lubuk hati manusia.¹²⁹ Kesempurnaan iman dengan amal

¹²⁷ Kamarul et al., “Dasar Akidah Muslim”8

¹²⁸ Hadith Riwayat al-Bukhāri, Kitāb Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Bāb So‘āl Jibrīl al-Nabi SAW, no.Hadith 19.

¹²⁹ Kamarul et al., “Dasar Akidah Muslim”6

perbuatan ditegaskan oleh „Umar „Abd al-„Aziz dalam suratnya kepada „Adi bin „Adi yang berbunyi:

إِنَّ لِلْإِيمَانِ فَرَائِضَ، وَشَرَائِعَ، وَحُدُودًا، وَسُنَنًا، فَمَنْ اسْتَكْمَلَهَا اسْتَكْمَلَ
الْإِيمَانَ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَكْمِلْهَا لَمْ يَسْتَكْمِلِ الْإِيمَانَ

Terjemahan: sesungguhnya iman itu mempunyai perkara fardu, syariat dan had batasan dan perkara sunat. Oleh itu, sesiapa yang ingin menyempurnakan iman tetapi tidak ingin menyempurnakan perkara tersebut, nescaya dia tidak akan dapat menyempurnakannya.¹³⁰

2.2.3 Perbahasan tentang Akidah Iman

Syahadah merupakan asas penting kepada Muslim kerana ia menentukan keislaman dan keimanan seseorang. Namun begitu, terdapat syarat untuk melengkapkan syahadah. Sebagaimana yang telah disepakati oleh dalam kalangan jumah Ahli al-Sunnah iaitu mestilah disebut dengan lidah, mengakui dalam hati serta melakukan segala tuntutan yang dipertanggungjawabkan keatas mukalaf.¹³¹

Disebabkan itu, sekiranya seseorang itu hanya mengakui dengan lidah tetapi hatinya tidak mengakui kebenaran yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW atau dia menghalalkan sesuatu yang telah nyata pengharamannya dan ketika itu juga syahadahnya terbatal.¹³² Perkara ini dinyatakan dalam al-Quran dengan firman Allah SWT:

¹³⁰ Hadith Riwayat Al-Bukhāri, Kitab Ṣahīb al-Bukhāri, Bāb Qawluhu al-Nabi SAW, no.Hadith 10.

¹³¹ Ab. Latif Muda dan Rosmawati bt Ali @ Mat Zin, “Perbahasan Akidah Islam” 94.

¹³² *Ibid.*

إِنَّمَا النَّسِيءُ زِيَادَةٌ فِي الْكُفْرِ يُضَلُّ بِهِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُحْلُونَهُ عَامًا
 وَنُحْرُمُونَهُ عَامًا لِيُؤَاطِفُوا عِدَّةَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فَيَحْلُوا مَا حَرَّمَ اللَّهُ نَسِيءَ
 لَهُمْ سُوءٌ أَعْمَلِهِمْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٧٧﴾

Al-Taubah 9:37.

Terjemahan: Sesungguhnya perbuatan mengundurkan (kehormatan itu dari satu bulan ke satu bulan Yang lain) adalah menambah kekufuran Yang menjadikan orang-orang kafir itu tersesat kerananya. mereka menghalalkannya pada satu tahun dan mengharamkannya pada tahun Yang lain, supaya mereka dapat menyesuaikan bilangan (bulan-bulan Yang empat) Yang telah diharamkan Allah (berperang di dalamnya); Dengan itu mereka menghalalkan apa Yang telah diharamkan oleh Allah. perbuatan buruk mereka itu dihias dan dijadikan indah (oleh Syaitan) untuk dipandang baik oleh mereka. dan (ingatlah) Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang Yang kafir.

Perkara ini juga jelas dapat dilihat lagi menerusi beberapa ayat al-Quran lain serta hadith Rasulullah SAW yang menunjukkan ke dua-dua perkara ini saling berkait antara satu sama lain. Sebagaimana firman Allah SWT:

* قَالَتِ الْأَعْرَابُ ءَأَمْنَا قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ
 الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلِتْكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا
 إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١١٠﴾ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ
 لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ءَأُولَئِكَ هُمُ
 الصَّادِقُونَ ﴿١١١﴾

Terjemahan: Orang-orang "Arab" berkata: "Kami telah beriman". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke Dalam hati kamu berkatalah sahaja: ` Kami telah Islam '. Dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah SWT dan rasul-Nya (zahir dan batin), Allah SWT tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu, kerana Sesungguhnya Allah SWT Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". Sesungguhnya orang-orang Yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang Yang percaya kepada Allah SWT dan rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang Dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah SWT; mereka itulah orang-orang Yang benar (pengakuan imannya).

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, iman itu mempunyai tiga unsur iaitu yang pertama ialah *al-tasdiq* atau yakin dan membenarkan di dalam hati, yang kedua ialah berikrar serta ucap dengan lidah dan yang ketiga ialah beramal dengan anggota sama ada amalan itu adalah amalan kebajikan atau meninggalkan kejahatan. Sesiapa yang gugur dalam dirinya ikrar dia akan dikira sebagai seorang yang kufur atau kafir. Manakala sesiapa yang tidak melaksanakan amal dia merupakan seorang yang *fāsiq*. Seterusnya, sesiapa yang mempunyai ketiga-tiga unsur tersebut dalam diri, dia dikira sebagai orang yang selamat dan dijanjikan dengan syurga dengan rahmat dan izin Allah SWT.¹³³

¹³³ Ab. Latif Muda dan Rosmawati bt Ali @ Mat Zin, "Perbahasan Akidah Islam" 97.

2.2.4 Prinsip-prinsip Akidah Islam

Prinsip akidah dalam agama Islam terdiri daripada enam kepercayaan yang utama. Ia juga dikenali dalam Islam sebagai Rukun iman. Prinsip-prinsip kepercayaan yang dimaksudkan ialah beriman kepada Allah SWT, beriman kepada rasul, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada hari akhirat dan beriman kepada qada' dan qadar.

2.2.4.1 Beriman kepada Allah SWT

Sesungguhnya beriman kepada Allah SWT ialah merupakan roh bagi agama Islam dan dasar akidah secara keseluruhannya seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran dan hadith Rasulullah SAW. Melalui beriman kepada Allah SWT seseorang itu boleh membina keyakinan dalam diri serta berakhlak dengan akhlak yang baik. Al-Quran menceritakan tentang rukun iman dan yang bersangkutan dengannya menjadikan keimanan kepada Allah SWT merupakan asas yang paling utama.¹³⁴ Justeru itu, melalui beriman kepada Allah SWT kita boleh membina keyakinan yang teguh terhadap Allah SWT.¹³⁵ Firman Allah SWT dalam al-Quran:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ

وَمَلَأَتْ سِيْرَهُمْ وَكُتِبَ لَهُمْ وَرُسُلِهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِمْ وَقَالُوا سَمِعْنَا

وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

Al-Baqarah 2:285

Terjemahan: Rasulullah SAW telah beriman kepada apa Yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang Yang

¹³⁴ Yusuf Al-Qardawi, *Pengertian Tauhid* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1987), 11.

¹³⁵ Samsul Bahri et al., *Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar* (Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh, 2012), 9.

beriman; semuanya beriman kepada Allah SWT, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang Dengan Yang lain Rasul-rasulnya". mereka berkata lagi: Kami dengar dan Kami taat (Kami pohonkan) keampunanMu Wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali".

Rasulullah SAW ketika ditanya tentang iman beliau bersabda (di dalam hadith Jibrail)¹³⁶:

الإِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَلِقَائِهِ، وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثِ
الْآخِرِ.

Terjemahan: Iman ialah percaya kepada Allah SWT, malaikat, kitab-kitab, para rasul AS dan ari akhirat.¹³⁷

Seperti yang dibincangkan di atas, beriman kepada Allah SWT ialah merupakan perkara yang paling asas dalam Islam. Setiap rukun akidah yang lain pula mengikut dan bersandar kepadanya. Setelah kamu beriman kepada Allah SWT, seterusnya ialah beriman kepada malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, pertemuan-Nya serta perhitungan-Nya. Kemudian kepada qada" dan qadar-Nya. Beriman kepada semua ini merupakan cabang daripada beriman kepada Allah SWT.¹³⁸

Lahirnya Islam sebagai satu agama dan tata cara kehidupan manusia adalah berpaksikan kepada kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT yang menjadi sumber dan tempat rujukan kepada semua perkara.¹³⁹ Kesempurnaan akidah atau keimanan manusia terhadap Allah SWT menurut perspektif Islam ialah terdiri daripada pengakuan

¹³⁶ Yusuf Al-Qardawi, "Pengertian Tauhid" 12.

¹³⁷ Hadith Riwayat al-Bukhāri, Kitāb Sahīh al-Bukhāri, Bāb Qawlu: Anna Allah SWT ,inda ,ilm al-Sā`ah, no.Hadith 4777.

¹³⁸ *Ibid.*

¹³⁹ Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 100.

lidah, keyakinan di hati dan pembuktian pengakuan dan keyakinan tersebut menerusi pelaksanaan ibadah, syariah dan peraturan serta seluruh sistem yang ditetapkan dalam Islam.¹⁴⁰

Konsep keimanan manusia terhadap Allah SWT dan pengiktirafan mereka terhadap kekuasaannya diserlahkan menerusi pengabdian diri kepada Tuhan Yang Satu, bukan selain dari-Nya dan juga pembebasan dirinya daripada tunduk kepada pelbagai tuhan lain yang dianggap mempunyai kekuatan-kekuatan tertentu.¹⁴¹ Dalam menjelaskan konsep kepercayaan kepada Allah SWT sebagai asas prinsip akidah Islam, al-Quran menjelaskan:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ
لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

Al-Ikhlâs 112:1-4

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah SWT Yang Maha Esa; "Allah SWT Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakan; "Dan tidak ada sesiapaupun Yang serupa dengan-Nya".

Konsep kepercayaan kepada Allah SWT adalah kepercayaan yang boleh diterima oleh akal manusia berdasarkan fakta bahawa wujudnya alam ini yang membuktikan wujudnya Zat Yang Maha Berkuasa dalam pentadbiran-Nya. Malah, menurut perspektif Islam, Tuhan Yang Maha Berkuasa tersebut ialah Allah SWT, tuhan yang memiliki segala sifat kesempurnaan.¹⁴²

¹⁴⁰ *Ibid.*

¹⁴¹ *Ibid.*

¹⁴² Ab. Aziz Mohd Zin et al., "Tamadun Islam dan Tamadun Melayu" 101.

Beriman kepada Allah SWT ialah beriman kepada wujudnya Allah SWT. Di samping itu, beriman kepada keesaan-Nya dari sudut *rubūbiyyah* dan *ulūhiyyah* serta nama-nama-Nya yang baik dan sifat-sifat-Nya yang mulia. Daripada sifat-sifat-Nya lahirlah sifat-sifat kesempurnaan dan bersih daripada sifat-sifat kekurangan. Wujudnya Allah SWT ialah satu hakikat yang tidak dapat diragukan lagi, malah ianya satu hakikat yang amat nyata.¹⁴³

Beriman kepada Allah SWT dapat dirumuskan bahawa beriman dengan kewujudan Allah SWT merupakan satu pertalian yang kukuh di antara Allah SWT dan hamba-Nya. Manusia merupakan makhluk yang paling mulia dan hati merupakan semulia-mulia perkara yang terdapat di dalam tubuh manusia. Keimanan pula merupakan semulia-mulia sifat yang wujud di dalam hati manusia. Manakala, keimanan yang sebenar ialah akidah yang timbul di dalam hati seseorang yang didorong oleh perasaan kasih kepada Allah SWT yang melebihi perasaan kasih terhadap dunia ini.¹⁴⁴

2.2.4.2 Beriman kepada Rasul

Kepercayaan kepada rasul ialah prinsip akidah yang kedua dalam Islam. Sebagaimana kepercayaan kepada keesaan Allah SWT diiktiraf sebagai asas utama dan pertama dalam akidah Islam, kepercayaan kepada rasul pula diiktiraf sebagai asas kedua dalam prinsip akidah Islam. Hal ini kerana kepercayaan asas yang kedua mempunyai perkaitan atau pertalian dengan asas yang utama.¹⁴⁵

Menurut perspektif Islam, rasul merupakan mereka yang menyampaikan risalah Allah SWT kepada manusia untuk menunjukkan kepada manusia jalan yang betul dan benar yang perlu diikuti dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Berdasarkan keterangan ini, konsep kepercayaan kepada rasul AS dalam akidah Islam ialah merangkumi kepercayaan manusia terhadap perutusan para rasul AS yang dipilih oleh

¹⁴³ Yusuf Al-Qardawi, "Pengertian Tauhid" 13.

¹⁴⁴ Said Haji Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah* (Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah, 1996), 110.

¹⁴⁵ *Ibid.*

Allah SWT dalam kalangan manusia untuk menyampaikan risalah-Nya kepada manusia. Para rasul AS membawa risalah yang satu, iaitu Islam.¹⁴⁶

Keimanan kepada para rasul dalam prinsip akidah Islam bermaksud keimanan kepada para rasul AS, para nabi AS dan kepada kitab-kitab yang di bawa oleh mereka. Berdasarkan penjelasan ini, sekiranya manusia beriman dan yakin kepada perutusan rasul AS oleh Allah SWT, sekali gus mereka meyakini bahawa manusia ialah makhluk dan mempunyai taraf yang sama dan juga dicipta oleh tuhan yang sama. Risalah Allah SWT yang diturunkan kepada rasul AS dan nabi AS hanya satu dan Allah SWT mendidik manusia agar menuruti jalan kebenaran dengan menggunakan satu metod iaitu menerusi perutusan para rasul AS.¹⁴⁷ Kefahaman terhadap konsep dan prinsip ini akan memberi kesan yang mendalam kepada hati umat Islam sepanjang zaman bahawa mereka adalah pewaris tunggal para rasul AS.

Beriman kepada rasul-rasul AS mempunyai hikmah yang sangat besar bagi seseorang. Antaranya ialah, dengan beriman kepada keberadaan dan kebenaran rasul-rasul AS Allah SWT seseorang itu akan semakin meyakini betapa Allah SWT sangat menyayangi manusia. Allah tidak hanya menganugerahkan nikmat kehidupan malah Allah SWT mengirinkan utusan-Nya secara berterusan untuk membimbing manusia. Selain itu, seseorang itu akan merasakan semakin bersyukur kerana perutusan rasul kepada manusia merupakan salah satu nikmat kehidupan yang diperlukan dalam kehidupan manusia.¹⁴⁸

Selain itu, seseorang itu juga akan merasa kasih dan cinta kepada hamba-hamba Allah SWT yang terpilih sebagai orang yang mulia dan soleh yang telah terbukti sebagai orang-orang yang terbaik pada zamannya. Justeru itu, seseorang itu akan mempunyai seseorang yang boleh diteladani dan diikuti dalam kehidupan hariannya

¹⁴⁶ *Ibid.*

¹⁴⁷ *Ibid.*, 102.

¹⁴⁸ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 34

untuk menjadi lebih baik.¹⁴⁹ Tanpa bimbingan Allah SWT manusia akan sombong, bongkak, tamak, angkuh, pemalas, lemah semangat dan sebagainya yang mana semua sifat-sifat yang dapat menjatuhkan martabat manusia. Disebabkan perkara itu, manusia memerlukan rasul AS yang boleh yang menyampaikan ajaran Allah SWT kepada manusia.¹⁵⁰

Antara hikmah perutusan rasul AS ke dunia ini ialah untuk mengajak manusia beribadat dan mentauhidkan Allah SWT yang sekali gus menjadi asas dakwah perutusan mereka. Rasul AS merupakan pembawa berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan pembawa berita yang menakutkan kepada orang-orang yang kafir. Di samping itu, rasul AS ialah manusia yang di utuskan Allah SWT untuk menyampaikan wahyu-wahyu Allah SWT dan sekali gus menerangkan kepada manusia perkara-perkara yang wujudnya perselisihan antara mereka dan rasul AS. Hikmah perutusan rasul AS juga ialah membawa rahmat kepada orang yang beriman dan membersihkan amalan-amalan syirik dan maksiat yang berlaku dalam kalangan umat Islam dan juga membawa kebenaran dari Allah SWT (al-Quran) serta mengeluarkan manusia daripada kekufuran kepada keimanan dan menunjukkan mereka jalan yang lurus.¹⁵¹ Jelaslah di sini bahawa terdapat pelbagai hikmah yang akan diperolehi dengan beriman dan percaya dengan rasul AS yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat-Nya.

2.2.4.3 Beriman kepada Malaikat

Kepercayaan kepada malaikat ialah satu prinsip kepercayaan yang diwajibkan ke atas seluruh umat Islam.¹⁵² Kepercayaan ini penting demi untuk melengkapkan kepercayaan mereka kepada Allah SWT. Keimanan kepada malaikat dapat difahami oleh manusia

¹⁴⁹ *Ibid.*

¹⁵⁰ Akhmal Hj. Mohd. Zain, *Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak* (Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, 2015), 99

¹⁵¹ Said Haji Ibrahim, "Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah" 168.

¹⁵² Ab. Aziz Mohd Zin et al., "Tamadun Islam dan Tamadun Melayu" 105.

setelah ianya diberi penjelasan oleh Allah SWT melalui kitab-Nya. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ دَابَّةٍ وَالْمَلَائِكَةُ وَهُمْ لَا

يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٤٩﴾ تَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِنْ فَوْقِهِمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٥٠﴾

Al-Nahl 16:49-50

Terjemahan: Dan bagi Allah SWT jualah tunduk sujud apa Yang ada di langit dan Yang ada di bumi, dari makhluk-makhluk Yang bergerak serta Malaikat; sedang mereka (Malaikat-malaikat itu) tidak berlaku sombong takbur (daripada beribadat dan sujud kepadanya). Mereka takut kepada Tuhan mereka Yang mengatasi mereka (dengan kekuasaan-Nya), serta mereka mengerjakan apa Yang diperintahkan.

Beriman kepada malaikat bermaksud meyakini bahawa Allah SWT mempunyai malaikat-malaikat dan Allah SWT menciptakannya daripada cahaya. Mereka dicipta untuk sentiasa taat kepada Allah SWT dan tidak pernah membangkang terhadap semua perkara yang diperintah oleh Allah SWT kepadanya. Malaikat sentiasa bertasbih kepada Allah SWT siang dan malam.¹⁵³ Malaikat tidak makan dan tidak minum, bukan lelaki atau perempuan, tidak mempunyai ibu dan bapa malah mereka ialah hamba-hamba Allah SWT yang mulia. Mereka tidak pernah menderhaka kepada Allah SWT bahkan mereka sentiasa mentaati segala perintah Allah SWT terhadap mereka.¹⁵⁴ Perkara ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam al-Quran:

¹⁵³ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 14-15.

¹⁵⁴ Akhmal Hj. Mohd. Zain "Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak" 76.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُورًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ



Al-Tahrim 66:6

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka Yang bahan-bahan bakar: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat Yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah SWT Dalam Segala Yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan Segala Yang diperintahkan.

Malaikat ialah perkataan daripada bahasa Arab yang berbentuk *jamak* yang berasal daripada perkataan *mālak*. *Mālak* bermaksud satu malaikat. Malaikat ialah makhluk Allah SWT yang berbentuk spiritual. Malaikat tidak berbentuk seperti tubuh manusia. Malaikat diciptakan Allah SWT dari cahaya.¹⁵⁵ Perkara ini berdasarkan satu hadith riwayat Imam Muslim:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خُلِقَتِ الْمَلَائِكَةُ مِنْ نُورٍ
وَخُلِقَ الْجَانُّ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ وَخُلِقَ آدَمُ مِنْمَا وَصِفَ لَكُمْ

Terjemahan: dari „Aisyah berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Malaikat diciptakan dari nur (cahaya), jin diciptakan dari bara apa dan Adam AS diciptakan dari tanah.¹⁵⁶

¹⁵⁵ Samsul Bahri et al., “Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar ” 14.

¹⁵⁶ Hadith Riwayat Muslim, Kitab Sahih Muslim, Bab Fi Ahadith Mutafarriqah, no.Hadith 2996.

Disebabkan malaikat tidak berbentuk seperti tubuh manusia maka malaikat mempunyai kemampuan untuk bergerak dengan sangat cepat. Malaikat juga di anugerahkan oleh Allah SWT untuk berubah bentuk dalam waktu yang singkat serta memiliki tenaga yang sangat kuat. Jumlah malaikat sangat banyak dan tidak diketahui oleh manusia jumlah keseluruhannya.¹⁵⁷ Perkara ini tidak dapat diketahui dengan akal fikiran manusia kerana kemampuannya amat terbatas. Disebabkan hal itu Allah SWT menegah manusia untuk membincangkan secara terperinci mengenai perkara tersebut.¹⁵⁸ Walau bagaimanapun, hanya Allah SWT yang mengetahui kesemua malaikat ciptaan-Nya.¹⁵⁹

Sumber wahyu menjelaskan bahawa malaikat berperanan dalam menjalankan urusan pentadbiran Allah SWT di alam ini berdasarkan semua yang diperintahkan oleh Allah SWT. Disebabkan hal itu, prinsip kepercayaan kepada malaikat boleh menjelaskan kedudukan malaikat sebagai perantara antara Allah SWT dengan manusia. Perkara ini boleh dilihat dengan jelas apabila malaikat membawa dan menyampaikan wahyu Allah SWT kepada para rasul untuk disampaikan pula kepada umat masing-masing. Penjelasan ini dapat membuktikan bahawa wahyu yang dikemukakan oleh para rasul AS kepada manusia ialah suci dan terpelihara daripada unsur-unsur lain selain daripada unsur ketuhanan.¹⁶⁰

Daripada sudut yang lain pula, prinsip kepercayaan ini turut menjelaskan kedudukan malaikat sebagai pekerja Allah SWT dalam kerajaan-Nya. Melalui malaikat diturunkan azab Allah SWT dan rahmat-Nya keatas manusia di dunia ini, malah melaluinya juga Allah SWT menamatkan riwayat hidup manusia di dunia ini. Begitu

¹⁵⁷ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 14.

¹⁵⁸ Akhmal Hj. Mohd. Zain, "Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak", 77.

¹⁵⁹ *Ibid.*, 15.

¹⁶⁰ Ab. Aziz Mohd Zin et al., "Tamadun Islam dan Tamadun Melayu" 106.

juga dengan peranan-peranan lain yang dijalankan oleh malaikat bagi pihak Allah SWT.¹⁶¹

Hikmah beriman kepada malaikat dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam kehidupan seorang mukmin. Antaranya ialah dapat menjauhkan seseorang itu daripada terjerumus dengan perkara-perkara khurafat dan kepercayaan dongeng kerana Allah SWT telah memperkenalkan dan mengajarkan kita mengenai roh-roh malaikat yang *ngaib* serta tugas-tugas mereka.

Kemudiannya, hikmah beriman kepada malaikat juga dapat menjadikan kita beristiqamah terhadap perintah Allah SWT kerana dengan tertanamnya dalam diri mengenai kewujudan malaikat dan pengawasan mereka terhadap kita menjadikan kita malu untuk mengingkari perintah Allah SWT. Seterusnya, menjadikan kita sabar, tidak berputus asa, menimbulkan ketenangan dalam diri. Perasaan ini akan hadir di dalam diri seseorang itu jika beriman dengan malaikat dengan sepenuh hati.¹⁶² Terdapat pelbagai hikmah yang boleh di peroleh dengan beriman dengan malaikat yang diciptakan Allah SWT.

2.2.4.4 Beriman kepada Kitab

Kitab ialah sekumpulan wahyu Ilahi yang diturunkan kepada rasul-rasulnya yang mengandungi undang-undang yang lengkap yang menyentuh mengenai soal-soal ibadah, akidah, mu^{am}alah, akhlak dan perkara-perkara *sam^{iyāt}* (syurga, neraka, *mizān* dan lain-lain). Di samping kitab, terdapat lagi kumpulan wahyu yang lain iaitu yang dipanggil suhuf. *Sūhuf* ialah sekumpulan wahyu seperti lembaran kertas yang mengandungi hukum-hukum yang tidak lengkap.¹⁶³

¹⁶¹ *Ibid.*

¹⁶² Muhammad Naim Yasin, *Iman, Rukun, Hakikat dan Pembatalannya* (Kedah: Pustaka Darussalam Sdn Bhd, 2001), 77-78.

¹⁶³ Akhmal Hj. Mohd. Zain, "Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak", 85.

Beriman kepada kitab membawa maksud seseorang itu meyakini bahawa Allah SWT benar-benar telah menurunkan sejumlah kitab suci kepada sepanjang sejarah hidup manusia. Kitab-kitab suci tersebut mengandungi petunjuk daripada Allah SWT yang dapat memandu kehidupan manusia.^{164 165} Kitab-kitab suci tersebut merupakan petanda sebahagian daripada kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-Nya. Daripada kasih sayang tersebut, Allah SWT telah menganugerahkan nikmat yang dapat dimanfaatkan oleh manusia melalui penurunan kitab-kitab-Nya.¹⁶⁶

Nikmat kehidupan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada hambaNya antaranya ialah ajaran agama yang diturunkan melalui pewahyuan kitab-kitab suci. Melalui kitab-kitab suci inilah sebahagian daripada nikmat Allah SWT yang diperlukan oleh manusia. Keperluan kepada kitab suci ini semakin dirasakan oleh manusia terutamanya ketika manusia menghadapi pelbagai persoalan mengenai kehidupan.¹⁶⁷

Sebagai contoh, dalam keadaan-keadaan tertentu, manusia akan berebut untuk mendapatkan bekalan hidup demi untuk mempertahankan kehidupan masing-masing. Dalam proses perebutan tersebut secara tidak langsung akan munculnya konflik di antara manusia. Cara penyelesaian terhadap konflik tersebut amat diperlukan agar kehidupan manusia lebih aman dan tenteram. Tata cara penyelesaian terhadap masalah tersebut terdapat di dalam kitab-kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT.¹⁶⁸ Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ

مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ

¹⁶⁴ *Ibid.*

¹⁶⁵ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 23.

¹⁶⁶ *Ibid.*

¹⁶⁷ *Ibid.*, 24.

¹⁶⁸ *Ibid.*

فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۗ فَهَدَى اللَّهُ

الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ ۗ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ

إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٢١٣﴾

Al-Baqarah 2:213

Terjemahan: Pada mulanya manusia itu ialah umat Yang satu (menurut agama Allah SWT Yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah SWT mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang Yang beriman Dengan balasan syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang Yang ingkar Dengan balasan azab neraka); dan Allah SWT menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab suci Yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa Yang mereka perselisihkan dan (sebenarnya) tidak ada Yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang Yang telah diberi kepada mereka Kitab-kitab suci itu, Iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan Yang jelas nyata, - mereka berselisih semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri. maka Allah SWT memberikan petunjuk kepada orang-orang Yang beriman ke arah kebenaran Yang diperselisihkan oleh mereka (yang derhaka itu), Dengan izin-Nya. dan Allah SWT sentiasa memberi petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa Yang dikehendaki-Nya ke jalan Yang lurus (menurut undang-undang peraturanNya).

Beriman kepada kitab bererti membenarkan secara mutlak bahawa Allah SWT mempunyai sejumlah kitab suci yang diturunkan kepada para rasul-Nya. Kitab-kitab tersebut merupakan kalam Allah SWT yang hakiki. Allah SWT mempunyai kalam yang dilafazkan sendiri. Kalam Allah SWT merupakan satu cahaya dan petunjuk kepada

seluruh manusia. Semua kandungan di dalam kitab-kitab Allah SWT merupakan kebenaran, kejujuran dan keadilan yang wajib diikuti dan dilaksanakan.¹⁶⁹

Kitab suci al-Quran itu memiliki keistimewaan-keistimewaan yang berbeza daripada kitab-kitab suci yang lain. Antara keistimewaan tersebut ialah al-Quran mengandungi ringkasan-ringkasan yang kitab-kitab suci yang lain seperti Taurat, Injil dan lain-lain. Al-Quran juga mengandungi ajaran-ajaran daripada Allah SWT yang berupa wasiat. Al-Quran juga menceritakan mengenai kebenaran yang pernah diajarkan oleh kitab-kitab suci terdahulu yang berkaitan dengan soal ibadat kepada Allah SWT, beriman kepada rasul, soal hari akhirat, keharusan dalam menegakkan hak dan keadilan serta berakhlak dengan akhlak yang baik dan berbudi mulia.¹⁷⁰

Terdapat beberapa hikmah beriman kepada kitab-kitab Allah SWT. Antaranya ialah, seseorang itu akan semakin bersyukur kepada Allah SWT atas segala anugerah dan nikmat yang dikurniakan Allah SWT. Satu daripada nikmat tersebut ialah tatacara kehidupan yang terkandung di dalam kitab-kitab yang diturunkan melalui perantaraan para rasul-Nya. Di samping itu, seseorang itu mengetahui bahawa Allah SWT sangat menyayangi hamba-Nya sehingga memberikan tatacara kehidupan untuk mereka sepanjang masa sesuai dengan masa dan tempat.

Selain itu, hikmah beriman kepada kitab-kitab Allah SWT menjadikan seseorang itu mengetahui bahawa kalam Allah SWT sangat tinggi nilainya dan tiada seorang pun yang dapat menandingi kalam Allah ini.¹⁷¹ Di samping itu juga, hikmah Allah SWT menurunkan kitab sebagai satu pembuktian dari rasul-rasul yang diutusNya dan sebagai langkah untuk bimbingan kepada manusia.¹⁷² Terdapat pelbagai hikmah yang diperolehi jika seseorang itu beriman, yakin dan percaya dengan kitab yang diturunkan oleh Allah SWT di dunia ini.

¹⁶⁹ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 25.

¹⁷⁰ Sayid Sabiq, "Akidah Islam" 263-264.

¹⁷¹ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 27-28.

¹⁷² Akhmal Hj. Mohd. Zain, "Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak" 87.

2.2.4.5 Beriman kepada Hari Akhirat

Perkataan kiamat diambil daripada bahasa Arab iaitu *al-qiyāmah* yang bererti berdiri atau bangkit. Di dalam ilmu tauhid, perkataan kiamat bermaksud kengkitan semula di alam setelah hancurnya alam semesta ini. Masa berlakunya kiamat itu ialah setelah ditiupkan sangkakala (trompet) yang pertama oleh malaikat Israfil sehingga setiap manusia mengetahui balasan terhadap segala amalan masing-masing semasa hidup di dunia.¹⁷³

Beriman kepada hari akhirat merupakan salah satu bahagian utama dalam akidah Islam.¹⁷⁴ Beriman kepada hari akhirat membawa maksud meyakini bahawa alam semesta ini akan di musnah oleh Allah SWT pada satu saat nanti. Pada ketika itu, semua makhluk yang hidup akan dimatikan pada saat itu sehingga tiada seorang pun yang akan tertinggal melainkan Allah SWT. Kemudian, Allah SWT akan menciptakan alam baru yang berbeza keadaannya dengan alam semesta ini. Manusia akan dihidupkan dan dibangkitkan kembali untuk diadili dan bertanggungjawab di atas semua perbuatan yang dilakukan selama hidup di dunia.¹⁷⁵

Beriman kepada hari akhirat juga merupakan keyakinan seseorang terhadap tahap-tahap kehidupan yang akan dilalui oleh manusia selepas kematian. Manusia yang meninggal dunia akan di tempatkan di alam *barzakh*. *Barzakh* bermaksud pemisah atau perantara, di sebut sebagai pemisah atau perantara kerana kedudukannya berada di antara dua alam iaitu alam dunia dan alam akhirat. Alam *barzakh* tidak hanya bermaksud kepada pengertian kubur atau makam manusia. Hal ini kerana, sekiranya seseorang itu meninggal dunia dan tidak dikebumikan dia tetap di alam *barzakh* juga.¹⁷⁶

¹⁷³ *Ibid.*, 249.

¹⁷⁴ Sayid Sabiq, "Akidah Islam" 427.

¹⁷⁵ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 46.

¹⁷⁶ *Ibid.*, 47.

Hari akhirat merupakan salah satu prinsip akidah Islam. Kepercayaan tentang wujudnya pengadilan dan penghakiman pada hari akhirat secara jelas menegaskan bahawa setiap individu bertanggungjawab atas semua perbuatannya di dunia ini.¹⁷⁷ Kepercayaan kepada kebangkitan manusia pada hari akhirat ialah merujuk kepada kepercayaan tentang adanya kehidupan manusia selepas mereka mati. Prinsip kepercayaan ini menegaskan bahawa kehidupan manusia di dunia ini ialah tidak kekal, tetap akan berakhir dengan kemusnahan alam yang disebut sebagai hari kiamat.¹⁷⁸ Setiap mukalaf wajib mempercayai dengan sepenuhnya bahawa hari kiamat itu pasti berlaku tetapi masanya tidak dapat ditentukan.¹⁷⁹

Manusia akan dibangkitkan semula pada hari akhirat dan mereka akan menjalani proses pengadilan Tuhan untuk menentukan bentuk balasan mereka sama ada baik atau buruk atas segala perbuatan mereka semasa hidup di dunia. Semua amalan baik akan di balas dengan syurga manakala semua amalan buruk akan di balas dengan neraka.¹⁸⁰

Allah SWT ada menyebut mengenai hari akhirat dalam al-Quran:

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَلِقَاءِ الْآخِرَةِ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ هَلْ يُجْزَوْنَ

إِلَّا مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٧﴾

Al-A'raf 7:147

Terjemahan: Dan orang-orang Yang mendustakan ayat-ayat Kami dan pertemuan hari akhirat, gugurlah amal-amal mereka (yang baik). Mereka tidak diberikan balasan (pada hari akhirat) melainkan (bagi) apa Yang mereka telah kerjakan (dari perbuatan kufur dan maksiat).

¹⁷⁷ *Ibid.*, 105

¹⁷⁸ *Ibid.*, 104

¹⁷⁹ Akhmal Hj. Mohd. Zain, "Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak" 250.

¹⁸⁰ *Ibid.*

Terdapat pelbagai hikmah yang akan seseorang itu dapat jika seseorang itu beriman dengan hari akhirat dengan sepenuh hati. Antara hikmahnya ialah menimbulkan keinginan yang tinggi untuk melakukan ketaatan dan sentiasa berusaha melakukan pelbagai amalan yang boleh mendatangkan pahala. Selain itu, menimbulkan rasa takut dalam diri seseorang itu untuk melakukan perbuatan maksiat dan meredai perbuatan maksiat tersebut kerana takut keseksaan hari akhirat. Sesungguhnya, beriman kepada hari akhirat merupakan asas kebahagiaan bukan sahaja dalam kehidupan individu malah masyarakat juga.¹⁸¹ Yakin dan percaya kepada datangnya hari akhirat akan menjadikan seseorang itu bersungguh-sungguh untuk melakukan amal ibadat demi untuk mencapai kebahagiaan hidup bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak.

2.2.4.6 Beriman kepada Qada' dan Qadar

Kepercayaan kepada qada' dan qadar merupakan prinsip terakhir dalam akidah Islam. Agama Islam menuntut supaya umatnya mempercayai kepada qada' dan qadar Allah SWT. Qada' dan qadar bermaksud pengetahuan Allah SWT semenjak azali lagi tentang ketentuan sesuatu peristiwa yang berlaku ke atas diri manusia. Seterusnya, sesuatu perkara atau peristiwa itu berdasarkan pengetahuan Allah SWT yang selari dengan ketentuan-Nya.¹⁸²

Beriman dengan qada' dan qadar ialah salah satu bahagian daripada akidah.¹⁸³ Qadar secara bahasa ialah ukuran dan ketentuan. Salah satu pengertian qadar yang diberikan oleh ulama ialah ketentuan Allah SWT yang bersifat azali yang didasarkan pada pengetahuan-Nya tentang semua persoalan yang akan terjadi.¹⁸⁴ ¹⁸⁵ Manakala qada' mengikut bahasa ialah keputusan dan ketetapan. Definisi qada' secara syarii ialah keputusan dan ketetapan Allah SWT terhadap semua makhluknya sama ada

¹⁸¹ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 64.

¹⁸² Ab. Aziz Mohd Zin et al., "Tamadun Islam dan Tamadun Melayu" 106.

¹⁸³ Sayid Sabiq, "Akidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman" 150.

¹⁸⁴ *Ibid.*, 149

¹⁸⁵ Akhmal Hj. Mohd. Zain, "Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak", 295.

menjadikan, menafikan atau mengubahnya.¹⁸⁶ Qada" juga bermaksud hukum Allah SWT tentang mewujudkan sesuatu dengan sifat-sifatnya sebagai contoh tinggi, rendah, hitam, putih dan sebagainya.¹⁸⁷

Daripada pengertian tersebut dapat difahami bahawa qadar mempunyai maksud yang berbeza dengan qada". Qadar ialah menentukan sesuatu perkara itu sebelum ianya berlaku manakala qada" ialah penghasilan ketentuan tersebut di alam yang nyata. Ini bermaksud qadar akan terjadi dahulu dan kemudiannya qada" akan menyusul selepas itu. Justeru itu, qadar Allah SWT ialah bersifat kekal dan sudah wujud sebelum penciptaan alam semesta manakala qada" ialah perkara yang berlaku di alam semesta.¹⁸⁸

Allah SWT melakukan sesuatu perkara yang dikehendaki-Nya mengikut qadar yang tertentu supaya seimbang dengan kemampuan manusia untuk menerima qada" dan qadar daripada-Nya.¹⁸⁹ Perkara ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam al-Quran:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا
تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِكْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ
عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۗ وَاعْفُ عَنَّا
وَاعْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Al-Baqarah 2:286

Terjemahan: Allah SWT tidak memberati seseorang melainkan apa Yang terdaya olehnya. ia mendapat pahala kebaikan Yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan Yang diusahakannya. (Mereka berdoa Dengan berkata): "Wahai Tuhan

¹⁸⁶ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 65.

¹⁸⁷ Akhmal Hj. Mohd. Zain, "Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak", 295.

¹⁸⁸ Samsul Bahri et al., "Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar" 65.

¹⁸⁹ Syed Sabiq, *Aqidah Islamiah* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1988), 98.

kami! janganlah Engkau mengirakan Kami salah jika Kami lupa atau Kami tersalah. Wahai Tuhan Kami! janganlah Engkau bebaskan kepada Kami bebanan Yang berat sebagaimana Yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang Yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau pikulkan kepada Kami apa Yang Kami tidak terdaya memikulnya. dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah Kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum Yang kafir".

Qadar ialah peraturan-peraturan atau sukatan-sukatan yang telah ditentukan Allah SWT sejak dari azali dan peraturan umum yang dilakukan oleh Allah SWT terhadap hamba-Nya melalui sebab dan musabab.¹⁹⁰ Perkara ini amatlah sesuai dengan sifat Allah SWT yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang itu sudah tentu Allah SWT tidak akan membebaskan hamba-Nya dengan bebanan yang tidak mampu dipikul oleh hamba-Nya.¹⁹¹

Beriman kepada qada" dan qadar ini hukumnya wajib dan sebagi orang yang beriman kita wajib sabar dan reda menerimanya walau pada takdirnya kita akan menerima kesusahan. Pada hakikatnya di sebalik kesusahan itu kita akan memperoleh kebahagiaan.¹⁹² Sesungguhnya beriman dengan qada" dan qadar itu ialah sebahagian daripada akidah Islam. Segala undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT ialah bertujuan untuk mengatur dan mentadbirkan segala urusan di dunia ini. Malah semua perkara yang berlaku di dunia ini ialah menurut peraturan dan undang-undang yang telah disediakan oleh Allah SWT kepada seluruh hamba-Nya.¹⁹³

¹⁹⁰ Syed Sabiq, "Aqidah Islamiah" 104

¹⁹¹ *Ibid.*, 98.

¹⁹² Akhmal Hj. Mohd. Zain, "Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak" 295-296.

¹⁹³ *Ibid.*, 105.

Kewajipan beriman dengan qada" dan qadar menurut perspektif Islam tidak boleh difahami sebagai satu prinsip atau pegangan yang menganjurkan umat Islam agar sekadar menunggu berlakunya ketetapan itu tanpa melakukan apa-apa usaha tau ikhthiar. Hal ini disebabkan berlakunya ketetapan itu adalah melalui hukum sebab-musabab dalam Islam. Sebagaimana hal ini dapat difahami dan di hayati menerusi pernyataan Allah SWT dalam al-Quran dan pernyataan Rasulullah SAW menerusi hadithnya amat menuntut umat Islam bekerja dan berusaha untuk memperoleh sesuatu perkara itu.¹⁹⁴

Terdapat beberapa hikmah yang besar jika seseorang itu beriman dengan qada" dan qadar. Antaranya ialah dapat mendorong kekuatan jiwa manusia dan daya pemikirannya untuk mengenal dan memahami segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Seterusnya ialah jika manusia beriman dengan qada" dan qadar itu akan dapat melihat sesuatu takdir ataupun ujian hidup yang menimpa ke atas dirinya, seseorang itu akan sanggup menghadapinya dan menerimanya dengan penuh cecal tanpa ada perasaan takut ataupun gentar.¹⁹⁵ Di samping itu juga, beriman kepada qadar Allah SWT menyedarkan manusia kepada segala yang berlaku sesuai dan berlandaskan dengan kebijaksanaan dan rahsia-rahsia Allah SWT.¹⁹⁶ Secara ringkasnya, terdapat pelbagai hikmah dengan beriman dengan qada" dan qadar yang berlaku dalam hidup seseorang itu yang menjadikan hidup lebih bermakna dan bermanfaat.

2.2.5 Kedudukan Akidah menurut pandangan Islam

Akidah adalah satu tunjang utama dalam menentukan nilai dan membentuk keperibadian seseorang Muslim. Justeru itu, hasil daripada akidah yang mantap akan diterjemahkan melalui akhlak seseorang itu. Dengan akidah akan merangsang dan

¹⁹⁴ Ab. Aziz Mohd Zin et al., "Tamadun Islam dan Tamadun Melayu" 107.

¹⁹⁵ Syed Sabiq, "Aqidah Islamiah" 112.

¹⁹⁶ Ismail Hj. Ali, *Risalah Tawhid* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1996), 139.

memotivasikan seseorang itu untuk melakukan amalan mulia dalam kehidupannya. Akidah boleh membentuk nilai akhlak dan peribadinya yang mencorakkan dan mewarnakan *sulūk* amali sama ada dalam lingkungan individu mahupun dalam lingkungan kemasyarakatan. Seterusnya dalam lingkungan yang lebih luas lagi demi untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah di muka bumi.¹⁹⁷

Seterusnya, apabila manusia mengetahui tanggungjawabnya sekali gus manusia tidak akan melakukan perbuatan yang sia-sia dalam hidupnya. Hal ini kerana akidah yang mantap akan menghasilkan natijah yang positif dalam hidup seseorang itu. Oleh itu, orang yang beriman dengan kewujudan Allah SWT dan sentiasa menyedari bahawa hidupnya tidak terlepas daripada nilai dan pemerhatian-Nya akan menimbulkan kesedaran dalam dirinya. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan dia akan sentiasa meningkatkan pencapaian akhlaknya. Dengan ilmu yang mantap dan mempunyai keyakinan akidah yang kuat dalam diri akan menghindarkan manusia dari melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral.¹⁹⁸

Akidah memainkan peranan besar dalam membentuk manusia yang sempurna, sebuah masyarakat yang harmoni serta negara yang aman dan sejahtera. Akidah juga memainkan peranan dalam mencetus dan menggerakkan seluruh keupayaan mental dan fizikal manusia kearah melaksanakan seluruh perintah Allah SWT dalam kehidupannya.¹⁹⁹

Menurut Muhammad „Abduh di dalam kitabnya *Risālah at-Tawhīd*, sebagaimana mafhum dari keterangan nas-nas al-Quran dan yang dapat disaksikan dari sejarah perjalanan hidup Rasulullah SAW dan para sahabatnya RA ucapan syahadah yang diucapkan oleh setiap Muslim bukan sekadar ucapan biasa, tetapi ianya merupakan

¹⁹⁷ Khairul Hamimah binti Mohammad Jodi, “Sejauhmana Bahan Bacaan Mempengaruhi Pemahaman Akidah Remaja: Satu Kajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)” (makalah, Proceeding of the International Conference on Arabic Studied and Islamic Civilization, Kuala Lumpur 4-5 Mac 2014).

¹⁹⁸ *Ibid.*

¹⁹⁹ Mohd Fauzi bin Hamat, “Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini” (makalah, Seminar Pemikiran dan Penghayatan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002).

penyaksiannya bahawa “tiada tuhan melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW itu pesuruh-Nya”. Ucapan yang membawa maksud bahawa “Allah SWT” mengisi tempat utama dalam kehidupan, tindakan serta pemikiran setiap Muslim, di mana segala kemewahan dan sejarah, kepelbagaian budaya dan ilmu pengetahuan, kebijaksanaan dan tamadun Islam terkandung kesemuanya dalam kalimah syahadah.²⁰⁰

Berdasarkan kepada kefahaman sebegini, setiap mukmin wajib meletakkan keutamaan dalam soal akidah dalam seluruh aktiviti kehidupannya di dunia ini.²⁰¹ Ahmad Mohd Salleh dan Mohd Farid Hafidz Ahmad menyatakan dalam bukunya yang bertajuk *Islam Agama Rabbani: Dasar Pendidikan Islam Teras Untuk KPLI dan PPISMP* bahawa akidah dari aspek keislaman ialah suatu simpulan kepercayaan yang teguh di dalam hati seseorang terhadap rukun-rukun keimanan seperti yang terdapat di dalam wahyu Allah SWT iaitu al-Quran dan hadith tanpa sebarang keraguan. Akidah merupakan asas dan dasar Islam yang merupakan keimanan dan keyakinan seseorang Muslim terhadap nilai-nilai yang murni dan mutlak yang terikat kukuh dalam sanubari seseorang dan tidak mungkin terurai dengan paksaan manusia, pertukaran masa dan tempat kecuali atas kehendak sendiri dan izin Allah SWT.²⁰² Jelaslah di sini bahawa akidah merupakan satu asas yang perlu ada dalam diri setiap Muslim. Dengan adanya keyakinan kepada Allah SWT sekali gus menjadikan Muslim itu dekat dengan pencipta-Nya.

²⁰⁰ *Ibid.*

²⁰¹ *Ibid.*

²⁰² Ahmad Munawar et al., “Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu,” *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 143-154.

2.3 Konsep Akhlak Menurut Islam

2.3.1 Pengertian Akhlak Islam

(a) Dari segi Bahasa

Akhlak merupakan istilah yang diperkenalkan oleh orang Islam yang berasal daripada bahasa Arab iaitu dari perkataan *khulūq*²⁰³. Perkataan *khulūq* merupakan perkataan daripada al-Quran. *Khulūq* membawa erti sifat semula jadi, tabiat, agama atau ringkasnya gambaran batin seseorang.²⁰⁴ *Khulūq* juga bererti satu keadaan jiwa yang kukuh yang menghasilkan perbuatan baik atau buruk tanpa (seseorang itu perlu) memikirkannya (terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara).²⁰⁵

Akhlak juga salah satu daripada tiga dasar utama dalam ajaran Islam dan berada di kedudukan yang sangat penting. Akhlak ialah hasil terjemahan dari proses penerapan akidah dan pelaksanaan syariat. Seterusnya, akhlak terwujud dalam diri jika seseorang itu mempunyai akidah dan syariat yang baik dan sebaliknya.²⁰⁶ Perkataan akhlak berasal daripada bahasa Arab yang merujuk kepada perangai, tabiat dan budi pekerti.²⁰⁷ Akhlak dibahagikan kepada dua iaitu akhlak baik dan akhlak buruk.²⁰⁸ Tujuan akhlak ialah agar setiap orang berbudi pekerti yang baik, bertingkah laku dengan sopan serta berperangai dengan baik selari dengan ajaran Islam.²⁰⁹

Mohd Nasir Umar menjelaskan di dalam bukunya yang bertajuk *Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat* mengenai maksud akhlak secara literal yang didefinisikan oleh Dr. Miqdād Yaljān. Beliau meringkaskan definisi akhlak kepada tiga

²⁰³ Mohd Nasir Omar, *Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1986), 22.

²⁰⁴ *Ibid.* 22.

²⁰⁵ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, *al-Asmā' al-Husnā dan Modal Insan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 54-55.

²⁰⁶ Azlina Muhammad, "Faktor Salah Laku Dalam Kalangan Remaja: Kajian di Raudhatus Sakinah," *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial* 1 (Jun 2014).

²⁰⁷ Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar, "Memperlasa Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam dalam Pengajaran Akhlak," *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 23-35.

²⁰⁸ Drs M. Ali Hasan, *Tuntunan Akhlak* (Johor Bahru: Thinker's Library Sdn Bhd, 1984), 10.

²⁰⁹ *Ibid.*, 11.

aspek yang utama. Aspek yang pertama ialah sifat semula jadi yang dimiliki oleh seseorang di dalam dirinya secara fitrah. Manakala, aspek yang kedua ialah sifat yang dimiliki oleh seseorang itu melalui latihan atau sebagainya yang kemudian diterima sebagai adat atau tabiat. Seterusnya, aspek yang ketiga ialah akhlak meliputi dua dimensi, batin iaitu kejiwaan dan zahir (perbuatan/kelakuan). Akhlak dari segi istilah bererti satu keadaan di dalam jiwa yang menghasilkan tingkah laku dan perbuatan manusia.^{210 211}

Akhlak juga merujuk kepada sifat semulajadi, adat, kebiasaan, maruah dan gaya hidup seseorang individu atau sekumpulan individu di dunia ini. Di samping itu, sistem kepercayaan atau agama yang di anuti oleh seseorang juga sering di masukkan di bawah takrif akhlak. Hal ini kerana agama banyak mewarnai tingkah laku seseorang individu.²¹² Akhlak atau sifat semula jadi ini merupakan tabiat yang dimiliki oleh seseorang secara fitrah. Perkara itu adalah seperti perasaan cepat marah, cepat ketawa, mudah tersinggung dan sebagainya. Selain itu, tabiat yang dimiliki melalui latihan, pendidikan, disiplin diri dan *riyāḍah* sehingga sesuatu sifat kebaikan menjadi darah daging atau adat kebiasaan kepada seseorang²¹³.

Dapat difahami di sini bahawa akhlak berasal daripada perkataan arab yang membawa maksud sifat semula jadi, perilaku, tingkah laku yang wujud dalam diri seseorang itu. Perilaku ini boleh menjadi perilaku yang baik atau perilaku yang tidak baik. Perkara ini bergantung kepada tahap keyakinan individu itu sendiri kepada agama. Seseorang akan berakhlak dengan akhlak yang mulia jika mempunyai akidah dan syariat yang tinggi di dalam dirinya.

²¹⁰ Ibid., 23

²¹¹ Miqdād Yaljān, *al-Ittijāh al-Akhlāqī fī al-Islām* (Mesir: Maktabah Kahriji, 1973), 34.

²¹² Mohd. Nasir Omar, *Akhlak dan Kaunseling Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 13.

²¹³ Ibid., 13.

Pandangan dari dua tokoh utama akhlak Islam, Ibn Miskawayh (m.421H) dan Imam al-Ghazālī (m.505H) mengenai takrif akhlak.²¹⁴ Menurut Ibn Miskawayh, akhlak adalah suatu hal ataupun situasi kejiwaan yang mendorong seseorang insan melakukan sesuatu perbuatan dengan senang tanpa perlu berfikir dan perencanaan yang rapi.²¹⁵

Situasi tersebut terbahagi kepada, iaitu yang pertama bersifat tabii dan semula jadi seperti seseorang cepat marah di sebabkan oleh perkara yang kecil. Di samping itu, seseorang itu mudah merasa takut untuk menghadapi sesuatu perkara remeh, seperti takut dengar bunyi bising atau takut dengan berita yang didengar. Selain itu, seseorang itu mudah ketawa secara keterlaluan disebabkan oleh sesuatu perkara kecil atau mudah tersentuh hati dan berduka cita disebabkan sesuatu masalah kecil yang menimpa.²¹⁶

Jenis akhlak yang kedua adalah merupakan situasi kejiwaan yang diperoleh oleh seseorang itu melalui adat kebiasaan dan disiplin diri. Akhlak jenis ini mungkin bermula hanya dalam pemikiran seseorang, tetapi lama kelamaan dan dengan wujudnya amalan yang konsisten, kemudiaannya ia beransur berubah menjadi tabiat akhlak.²¹⁷

Imam al-Ghazālī,²¹⁸ pada dasarnya bersetuju dengan takrif akhlak yang diberikan oleh Ibn Miskawayh sebagaimana di atas namun beliau membuat sedikit modifikasi. Menurut definisi Imam al-Ghazālī, akhlak bukan ilmu (makrifat) tentang kebaikan dan keburukan kerana seseorang tidak dilabel berakhlak atau tidak berakhlak kerana ilmunya. Akhlak juga bukan satu kekuasaan (kudrat) yang membolehkan seseorang melakukan sesuatu perbuatan sama ada baik ataupun buruk. Malah perbuatan yang dilakukan oleh seseorang juga tidak boleh dinamakan akhlak.

²¹⁴ Zakaria Stapa, *Akhlak dan Tasawuf Islam* (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1995), 3.

²¹⁵ Ibn Miskawayh, ed. C.K. Zurayk, *Tahdhīb al-Akhlāq* (Beirut: American University of Beirut, 1966), 31.

²¹⁶ *Ibid.*

²¹⁷ *Ibid.*

²¹⁸ Mohd. Nasir Omar, "Akhlak dan Kaunseling Islam" 14.

Di samping itu, akhlak ialah suatu disposisi yang mantap dalam jiwa (*al-nafs*) manusia dan daripadanya segala perbuatan akan terhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran. Sekiranya disposisi tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia, maka disposisi tersebut dinamakan akhlak yang baik. Tetapi jika sebaliknya berlaku, iaitu perbuatan buruk atau perbuatan yang dikeji oleh akal dan syariat maka disposisi kejiwaan tersebut dinamakan akhlak yang buruk.²¹⁹

Definisi al-Ghazālī ini mensyaratkan bahawa dua keadaan yang penting sebelum sesuatu disposisi atau hal kejiwaan manusia boleh dinamakan sebagai akhlak. Keadaan yang pertama ialah wujudnya kestabilan dalam melakukan sesuatu perbuatan. Mengikut syarat ini, orang berakhlak mulia seperti dermawan.²²⁰

Seterusnya, keadaan yang kedua pula ialah sesuatu perbuatan itu mestilah direalisasikan dengan spontan. Mengikut syarat ini, orang yang layak di beri gelaran dermawan ialah orang yang mendermakan sebahagian daripada harta mereka kepada orang lain dengan ikhlas, mudah dan spontan, tanpa susah payah dipaksa atau terpaksa.²²¹

Kemudian, al-Ghazali di dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* memberi pengertian akhlak sebagai sifat yang tertanam di dalam jiwa seseorang yang daripadanya muncul perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu. Kalau keadaan jiwa tersebut boleh melahirkan perbuatan yang baik, yang diiktiraf oleh syarak, menurut beliau ia dinamakan sebagai akhlak yang baik dan jika melahirkan perbuatan yang jahat, maka dinamakan sebagai akhlak yang buruk.²²²

Berdasarkan dua takrif yang dijelaskan oleh dua tokoh besar Islam di atas, maka ciri-ciri utama yang mendasari istilah akhlak tersebut dapat di fahami bahawa akhlak merupakan perlakuan atau perbuatan yang sudah sehati dalam diri seseorang. Perbuatan

²¹⁹ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulūm al-Dīn* vol 3 (Kaherah: Mu'assasah al-Halabi wa-Syurakah lil al-Naṣr wāl-Tawzi, 1976), 68.

²²⁰ Mohd. Nasir Omar, "Akhlak dan Kaunseling Islam" 14-15.

²²¹ *Ibid.*

²²² Zakaria Stapa, "Akhlak dan Tasawuf Islam" 3.

itu sudah menjadi satu kebiasaan sehingga apabila dia mahu melakukan sesuatu, dia sudah tidak perlu lagi berfikir terlebih dahulu malah dia boleh melakukannya dengan cara yang spontan. Walau bagaimanapun, menurut perspektif Islam akhlak yang mesti dilakukan hanyalah perbuatan yang bersifat baik yang sudah sebatik dalam diri seseorang, kerana itu merupakan matlamat perutusan Nabi Muhammad SAW ke dunia ini.²²³

Seterusnya, menurut Dr. Yūsuf al-Qarāḍawī mengenai akhlak, beliau membahagikan konsep akhlak kepada dua konsep utama. Konsep tersebut ialah konsep akhlak yang bersifat *diniyyah* dan konsep akhlak *Islamiyyah*. Akhlak yang bersifat keagamaan ialah akhlak yang didorong melalui kepatuhan dan ketaatan berdasarkan tuntutan syarak yang bukan keluar daripada jiwa insan. Manakala akhlak Islam pula merangkumi ruang lingkup yang amat luar dan seterusnya perkara itu menjadi kebiasaan dan tabiat dalam diri manusia dan perkara itu diterjemahkan melalui perilakunya.²²⁴

Oleh itu, akhlak bukan hanya kepada perbuatan baik atau buruk yang dilakukan oleh seseorang, namun ia juga satu dimensi rohani seseorang manusia menyuruh melakukan sesuatu perbuatan sama ada baik ataupun buruk. Akhlak merupakan dalaman (kejiwaan) seseorang, manakala perbuatan bahagian luaran. Akhlak menjadi penyebab berlakunya sesuatu perbuatan, manakala perbuatan pula memmanifestasikan keadaan atau adanya situasi kejiwaan tersebut. Menurut tokoh ini, akhlak atau situasi jiwa yang baik sudah tentu akan merealisasikan perbuatan baik, manakala akhlak yang jahat pula akan merealisasikan perbuatan buruk dan keji.²²⁵

Melalui sorotan al-Quran, dapat di lihat bahawa hanya terdapat dua kelompok manusia atas dunia dengan sikap yang berbeza. Satu golongan ialah mukmin yang disifatkan dengan akhlak mulia manakala satu golongan lagi ialah kafir yang bersifat

²²³ *Ibid.*

²²⁴ Yūsuf al-Qarāḍawī, *al-Khaṣā'is al-Āmmah li al-Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1989), 108-109.

²²⁵ Mohd. Nasir Omar, "Akhlak dan Kaunseling Islam" 15-16.

dengan akhlak tercela. Kesemua ini dijelaskan dalam al-Quran dengan pendekatan yang pelbagai.²²⁶ Akhlak adalah satu gambaran mengenai keadaan atau suasana yang terdapat di dalam diri atau kejiwaan seseorang yang sudah mantap dan sehati dalam dirinya.²²⁷ Secara keseluruhannya, dapatlah difahami dengan jelas bahawa pengertian akhlak menurut tokoh-tokoh Islam mempunyai persamaan yang jelas walaupun tidak ketara.

2.3.2 Sumber Akhlak Islam

Persoalan akhlak bukanlah perkara asing pada masa sekarang malah persoalan mengenai perkara ini telah lama dibincangkan seawal wujudnya kejadian manusia. Perkara ini dijelaskan dalam al-Quran pada surah al-Ma'idah ayat 27-32 mengenai kisah Habil AS dan Qabil AS. Mereka ini merupakan putera Nabi Adam AS yang bersengketa dan akhirnya menyebabkan Habil AS terbunuh. Seterusnya, Habil AS dilambangkan sebagai seorang yang jujur dan baik manakala Qabil AS dilambangkan sebagai seorang yang penuh kejahatan.²²⁸ Perkara ini membuktikan bahawa akhlak sudah dibincangkan sejak dahulu lagi.

Dalam Islam, yang menjadi dasar atau pengukur untuk menyatakan seseorang itu bersifat dengan baik atau buruk ialah al-Quran dan hadith. Semua perbuatan atau perkara yang baik menurut al-Quran dan hadith menjadi pegangan dalam kehidupan. Sebaliknya, semua perbuatan atau perkara yang buruk menurut al-Quran dan hadith wajib dijauhi. Peribadi Nabi Muhammad SAW ialah contoh yang paling terbaik untuk dijadikan teladan dalam membentuk peribadi seseorang Muslim.²²⁹

²²⁶ Nazneen binti Ismail dan Nurzatil Ismah bt Azizan, "Perspektif Islam dalam Pembentukan Masyarakat" (makalah, Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah, Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015).

²²⁷ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmīd Muḥammad bin Muḥammad, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Mesir: al-Dār al-Miṣriyah al-Lubnāniyah, t.t), 59.

²²⁸ Faridah Che Husain dan Fakhrul Adabi Abdul Kadir, "Sukatan Pendidikan Akhlak dan Moral di Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia: Satu Tinjauan Umum" *Al-Basirah* (2011) Vol.1, No. 1, 79-9.

²²⁹ Drs M. Ali Hasan, "Tuntunan Akhlak" 11.

Begitu juga dengan sahabat-sahabat Rasulullah SAW boleh dijadikan contoh teladan dalam kehidupan Muslim kerana akhlak mereka semua mengikut ajaran yang terkandung di dalam al-Quran dan hadith. Jika di dalam masyarakat itu terdapat adat kebiasaan, maka untuk menentukan baik atau buruk adat kebiasaan itu, perkara itu harus dinilai dengan ajaran-ajaran yang terdapat di dalam al-Quran dan hadith. Jikalau perkara itu selari dengan ajaran Islam, maka perkara itu harus dikembangkan dan jikalau sebaliknya, maka perkara itu harus ditinggalkan.²³⁰

Kemuliaan akhlak adalah matlamat utama dalam ajaran Islam sebagaimana yang ditegaskan oleh Baginda Rasulullah SAW tentang tujuan pengutusan baginda²³¹:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Terjemahan: Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak.²³²

Seterusnya, perkara ini ditegaskan lagi di dalam ayat al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا

الْأَنْهَارُ إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ

Al-Hajj 22:14

Terjemahan: Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang Yang beriman dan beramal soleh ke Dalam syurga Yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; Sesungguhnya Allah melakukan apa Yang ditentukan-Nya.

²³⁰ *Ibid.*

²³¹ Fathi Yakan, *Āpa Ertinya Saya Menganut Islam* (Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 1996), 45.

²³² Hadith Riwayat Ahmād, Kitāb Tasbīḥ al-ʿAqāid al-Islāmiyah, Bab al-Islām wamakārim al-Akhlāk, no. Hadith 287.

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا

بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلَيْكُمْ الْأُمُورِ

Al-Hajj 14:41

Terjemahan: Iaitu mereka (umat Islam) Yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara Yang mungkar. dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan Segala urusan.

Kemuliaan akhlak ialah tanda keimanan seseorang kerana akhlak merupakan buah dari keimanannya. Islam bukan sahaja agama yang mendasarkan aspek spiritual kepada keimanan sahaja tetapi juga sistem-sistem sosial, politik dan moral. Daripada perspektif akhlak, keimanan memainkan peranan penting dalam membina konsep, pandangan hidup, sikap, gaya berfikir dan tindakan seseorang individu. Keimanan kepada Allah SWT merupakan asas yang kukuh untuk melahirkan generasi Muslim yang bermoral.²³³

Boleh difahami di sini bahawa perbincangan mengenai akhlak Islam bersumberkan dengan al-Quran dan hadith. Terdapat banyak perbincangan mengenai persoalan akhlak di dalam kedua-duanya. Di dalam al-Quran menyuruh manusia melakukan kebaikan dan meninggalkan segala kejahatan. Segala ajaran cara-cara untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan terdapat di dalam kedua-dua kitab ini. Jelaslah di sini, bahawa ajaran Islam meliputi seluruh aspek kehidupan manusia.

²³³ Mohd. Nasir Omar, "Akhlak dan Kaunseling Islam" 81-82.

2.3.3 Ciri-ciri Akhlak Islam

Imam Ghazali telah mengelaskan akhlak kepada beberapa ciri utama. Ciri yang pertama ialah hubungan yang erat antara akhlak dengan iman. Perkara ini membawa maksud iman merupakan teras kepada akhlak atau semua jenis amalan dalam Islam. Sebagai contoh, sifat sabar itu disebut sebagai separuh daripada iman. Seterusnya keimanan kepada Allah SWT merupakan asas yang paling penting dalam pembentukan generasi Islam yang berakhlak mulia.²³⁴

Ciri yang kedua ialah akhlak Islam bersifat *syumūl* dan *takammul* yang membawa maksud menyeluruh dan lengkap. Perkara ini meliputi seluruh aspek perbuatan manusia sama ada zahir atau batin yang merangkumi diri sendiri, masyarakat, negara dan antarabangsa.²³⁵ Ciri akhlak yang ketiga ialah penerapan akhlak Islam dalam semua tindak tanduk sama ada dari segi tujuan mahupun cara dan kaedahnya. Niat atau tujuan yang baik tidak menghalalkan jalan yang haram. Islam sangat menentang prinsip *Machiavellian* iaitu “*the end justifies the means*” demi tujuan atau mencapai matlamat semua cara dihalalkan. Prinsip lain ada juga membincangkan untuk mendapatkan sesuatu yang baik dengan cara yang jahat dibolehkan.

Seterusnya, ciri yang keempat akhlak Islam ialah wujudnya hukuman dalam bentuk *targhīb* dan *tarhīb* yang bererti menggembirakan dan memperingatkan. Setiap ketaatan terhadap segala perintah Allah SWT dijamin akan mendapat pahala dan ganjarannya di akhirat nanti. Manakala, setiap pelanggaran terhadap segala perintah Allah SWT diancam dengan azab dan seksa api neraka di akhirat. Namun begitu, hukuman terhadap orang yang melanggar perintah Allah SWT dengan akhlak yang buruk juga dilakukan di dunia ini. Sebagai contoh, hukuman takzir dapat dijatuhkan kepada mereka yang mencaci, berkhianat dan mengemukakan saksi palsu. Hukuman

²³⁴ Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, “*Sejarah dan Tamadun Islam*” (Kedah: Pustaka Darul Salam, 2007), 391.

²³⁵ *Ibid*, 391-392.

yang tertentu juga akan dijatuhkan kepada orang yang melakukan kesalahan akhlak yang lain.²³⁶

Ciri yang dijelaskan oleh al-Ghazāli ini dapatlah dirumuskan oleh pengkaji bahawa wujudnya perkaitan antara iman dan akhlak. Kemudiannya, akhlak Islam ini bersifat menyeluruh yang meliputi seluruh kehidupan manusia. Seterusnya, ciri akhlak Islam ialah matlamat tidak menghalalkan cara. Yang terakhir ialah segala perbuatan manusia di dunia ini mendapat balasan daripada Allah SWT sama ada balasan syurga atau neraka.

2.3.4 Kedudukan Akhlak menurut pandangan Islam

Akhlak ialah sifat semula jadi manusia secara fitrah atau secara latihan sehingga ia menjadi tabiat yang meliputi aspek kejiwaan dan lahiriah. Akhlak membawa pengertian yang menyeluruh meliputi perbuatan lahiriah yang di hasilkan daripada dorongan batiniah dalam jiwa manusia. Berakhlak mulia amat di tuntutan dalam Islam kepada seluruh penganutnya. Hal ini kerana, jika akhlak hilang dalam diri manusia akibatnya akan wujud keruntuhan hidup yang fitrah dalam masyarakat kesan daripada tidak berakhlak mulia.²³⁷

Nilai akhlak ialah tunggak utama dalam membina keperibadian dalam masyarakat Islam. Manakala, nilai buruk dan keji mestilah dijauhi dalam kehidupan. Islam meletakkan nilai ukur yang jelas untuk mengawal akhlak individu dan masyarakat Islam agar selari dengan kehendak Allah SWT dan rasul-Nya. Wajib dan sunat merupakan nilai ukur bagi menggalakkan pemupukan akhlak yang baik dalam kehidupan umat Islam. Manakala, haram dan makruh ialah nilai ukur terhadap perlakuan yang tidak baik dan ditolak dalam Islam.²³⁸

²³⁶ *Ibid.*, 392.

²³⁷ Ab. Azizi Mohd Zin et al., *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 249.

²³⁸ *Ibid.*

Kepentingan akhlak dalam Islam amat terserlah dalam kehidupan seharian. Ajaran Islam menyulami kehidupan manusia secara menyeluruh termasuklah pergaulan sesama manusia. Keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT akan terserlah melalui budi pekerti seseorang ketika bergaul dengan manusia yang lain. Budi pekerti yang baik juga merupakan akhlak yang mulia. Akhlak yang mulia terpancar dalam diri seseorang apabila berinteraksi dengan dirinya sendiri atau dengan orang lain.²³⁹ Penghayatan terhadap ajaran Rasulullah SAW dapat dilakukan dengan sempurna apabila manusia mampu menghiaskan diri dengan akhlak terpuji mengikut apa yang diperintahkan Allah SWT melalui perutusan-Nya.²⁴⁰

Berdasarkan kitab yang ditulis oleh Fathi Yakan, akhlak salah satu asas yang penting dalam risalah Islam selain daripada akidah. Perkara ini bersesuaian dengan hadith yang mengatakan bahawa Nabi Muhammad SAW di utuskan untuk menyempurnakan akhlak. Manakala, akidah merupakan tunjang utama dalam kehidupan orang Islam. Dari akidah akan lahirnya segala sifat-sifat dan perbuatan manusia yang meliputi seluruh perlakuan dalam kehidupan sama ada baik atau buruk dan perkara itulah yang dinamakan sebagai akhlak.²⁴¹ Seperti yang dibincangkan sebelum ini, akhlak merupakan inti pati daripada akidah Islam. Disebabkan akhlak dan akidah berkait rapat di antara satu sama lain, maka pemisahan antara kedua-duanya ialah sia-sia kerana tidak membawa masyarakat kepada matlamat beragama yang sebenar.²⁴²

Akhlak mulia merupakan himpunan sifat mulia dan terpuji dalam diri. Perkara ini menjadi asas perhubungan manusia dan menjamin keselamatan, keamanan dan kebahagiaan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Manakala akhlak yang jahat ialah hasil budi pekerti yang buruk. Hal ini dapat dilihat dengan tindakan individu

²³⁹ *Ibid.*

²⁴⁰ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, *al-Asmā' al-Husnā dan Modal Insan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 46.

²⁴¹ Fathī Yakān, *Mādhā Ya 'nī Intimā'ī lil-Islām* (Muassasah Islam: cetakan ke3, 1982), 37-38.

²⁴² Abul A'la al-Maududi *Cara Hidup Islam*. Wan Salim Muhammad Nur (terj.), (Kuwait: International Islamic Federation of Student Organizations, 1976), 31-32.

tersebut yang bertentangan dengan peraturan agama. Segala kejahatan yang dilakukan, bukan sahaja akan merosakkan diri mereka bahkan akan menghancurkan kepercayaan masyarakat kepada mereka.²⁴³

Secara keseluruhannya dapatlah di fahami bahawa akhlak merupakan sifat semula jadi yang wujud dalam diri manusia. Akhlak boleh menjadi akhlak yang baik atau akhlak yang buruk. Perkara ini bergantung kepada keyakinan dan keimanan dalam diri individu itu sendiri. Berakhlak dengan akhlak yang mulia amatlah di tuntutan dalam Islam. Islam juga ada menyebut bahawa antara sebab pengutusan Rasulullah SAW adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi bahawa Islam amat menitik beratkan umatnya untuk berakhlak dengan akhlak yang di tuntutan dalam al-Quran dan hadith. Justeru itu, untuk menjadi Muslim yang baik, seseorang itu hendaklah berakhlak dengan akhlak yang mulia dan baik yang telah dinyatakan di dalam al-Quran dan hadith.

2.4 Akhlak Dan Hubungannya Dengan Akidah

Berakhlak mulia merupakan satu perkara yang dituntut ke atas setiap orang Muslim. Iman yang paling tinggi dalam diri setiap Muslim ialah mengakui keesaan Allah SWT yang layak di sembah sehingga kepada perkara yang paling kecil, iaitu sifat malu atau membuang duri di tengah jalan. Oleh yang demikian, iman bukan hanya merangkumi enam rukun sebagaimana yang dibincangkan di atas bahkan ia lebih daripada itu.²⁴⁴

Sebagaimana yang dijelaskan dalam hadith Rasulullah SAW:

الإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً، فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،

وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَدَى عَنِ الطَّرِيقِ، وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

²⁴³ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, "al-Asmā' al-Ḥusna dan Modal Insan" 56.

²⁴⁴ Ab. Latif Muda dan Rosmawati bt Ali @ Mat Zin, "Perbincangan Akidah Islam" 99.

Terjemahan: Iman memiliki lebih dari tujuh puluh atau enam puluh cabang. Cabang yang paling tinggi adalah perkataan „Lâ ilâha illallâh,“ dan yang paling rendah adalah menyingkirkan duri (gangguan) dari jalan. Dan malu adalah salah satu cabang Iman.²⁴⁵

Jelaslah bahawa hadith ini menerangkan mengenai kedudukan iman daripada yang setinggi-tinggi sehinggalah yang paling rendah. Hadith pertama menerangkan mengenai sifat malu termasuk separuh daripada iman. Sifat malu merupakan separuh daripada amalan-amalan dalam Islam. Manakala, hadith yang kedua Rasulullah SAW menamakannya sebagai iman kerana Rasulullah SAW mahu menunjukkan bahawa iman itu merangkumi seluruh aspek kehidupan daripada sebesar-besar perkara sehinggalah amalan yang kecil iaitu sifat malu dan membuang duri di jalan.²⁴⁶

Perkara ini dapat diertikan bahawa seseorang tidak mungkin akan menjadi seorang Muslim yang sempurna melainkan dengan berakhlak mulia. Hubungan antara iman, Islam dan akhlak seperti hubungan pokok dan buah. Pokok akan hanya akan tumbuh jika ada benih tetapi pokok tersebut hanya menghasilkan buah yang bermutu jika benihnya daripada baka yang baik dan terpilih.²⁴⁷

Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, amat jelas di sini bahawa akidah dan akhlak merupakan gabungan yang bersifat fitrah dalam Islam itu sendiri. Akidah yang wujud dalam diri seseorang Muslim itu disempurnakan dengan akhlak yang mulia. Jika kurangnya pegangan akidah dalam diri seseorang Muslim itu, maka jelaslah di sini bahawa seseorang Muslim itu tidak berakhlak dengan akhlak yang mulia. Islam merupakan agama yang terdiri daripada akidah dan syariah. Dalam erti kata lain, akidah merupakan keimanan dan syariah merupakan akhlak. Akhlak merupakan manifestasi

²⁴⁵ Hadith Riwayat Muslîm, Kitab Şahîh Muslîm, Bab 12 Sha‘ab al-Imân, no. Hadith 35.

²⁴⁶ *Ibid.*, 99-100.

²⁴⁷ *Ibid.*

daripada akidah Muslim itu. Dapat difahami di sini bahawa akidah dan akhlak saling sempurna dan menyempurnakan antara satu sama lain.

Masalah akhlak dalam masyarakat Malaysia sudah menjadi sebahagian daripada masalah Negara. Perbincangan tentang faktor dan punca masalah sosial telah banyak dibahaskan. Pelbagai pendekatan telah diambil untuk memastikan masalah yang berlaku dapat di tangani dengan baik. Namun setiap tahun jenayah dan masalah akhlak tetap meningkat.²⁴⁸

Islam mengaitkan akhlak dengan keimanan seseorang dengan menganggap orang yang paling sempurna darjat keimanannya ialah orang yang paling baik akhlaknya.²⁴⁹ Pembentukan akhlak amat penting kerana berkait rapat dengan iman.²⁵⁰ Inti pati kepada akhlak ialah iman dan takwa.²⁵¹

Rasulullah SAW menjelaskan bahawa dengan wujudnya iman dalam diri dapat melahirkan akhlak dan budi pekerti yang baik dan jika sebaliknya maka rosaklah akhlak. Hakikatnya, dewasa ini masalah akhlak yang berlaku dalam masyarakat hari ini telah membuktikan bahawa rasa malu yang sepatutnya menjadi lambang keimanan seseorang telah hilang dan sekali gus telah mencemarkan identiti Islam.²⁵²

Seseorang yang memiliki keteguhan akidah yang tinggi dalam diri serta tekun beribadah seharusnya memiliki akhlak yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulannya sesama manusia. Perkara ini jelas dinyatakan di sini bahawa akhlak saling berkait dengan akidah.²⁵³ Allah SWT telah memberi jaminan dalam al-Quran bahawa:

²⁴⁸ Ab. Azizi Mohd Zin et al., "Tamadun Islam" 250.

²⁴⁹ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, "al-Asmā' al-Husna dan Modal Insan" 46.

²⁵⁰ Siti Norlina Muhamad, Mohd Nasir bin Ripin dan Mohd Dani Muhamad, "Pemupukan akhlak muslim menurut pandangan Ibnu Miskawayh" (makalah, Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC), 4-6 September 2004).

²⁵¹ Asmawati bt Suhid, "Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam dalam Menangani Era Globalisasi" *Jurnal Kemanusiaan* 6 (2005).

²⁵² Azizah binti Mat Rashid, Nor Adha binti Abdul Hamid dan Norul Huda binti Bakar, "Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang sebagai Benteng Menanganinya," *Jurnal Pendidikan dan Inovasi* 2 (2015)

²⁵³ Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, "*Sejarah dan Tamadun Islam*" (Kedah: Pustaka Darul Salam, 2007), 388.

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Al-Ankabut 29:45

Terjemahan: Bacalah serta Ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa Yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan Yang keji dan mungkar; dan Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa Yang kamu kerjakan.

Berdasarkan firman Allah SWT, sesungguhnya sembahyang itu boleh mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar. Seseorang yang mempunyai keteguhan akidah serta tekun beribadah seharusnya memiliki akhlak yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulan sesama manusia.²⁵⁴

Penerapan nilai akhlak bermula daripada inti pati tauhid kepada Allah SWT demi melahirkan insan soleh dan berakhlak. Kuat atau lemahnya iman seseorang itu dapat diukur dan diketahui dengan perilaku akhlaknya. Hal ini kerana iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia manakala iman yang lemah akan melahirkan akhlak yang buruk dan keji. Dalam erti kata lain, agama merupakan asas kepada pembentukan akhlak. Tanpa ikatan agama, suatu pendidikan akhlak itu tidak akan mantap.²⁵⁵

²⁵⁴ Azizah binti Mat Rashid, Nor „Adha binti Abdul Hamid dan Norul Huda binti Bakar, “Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang sebagai Benteng Menanganinya,” *Jurnal Pendidikan dan Inovasi* 2 (2015)

²⁵⁵ Asmawai Suhid, “Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan,” *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 8(2007), 167-178.

Aspek akhlak sangat ditekankan dalam Islam, malah ia merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Untuk memelihara kehidupan yang harmoni, maka penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah SWT. Hal ini kerana kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya.²⁵⁶ Jelaslah di sini bahawa akhlak dan akidah mempunyai ikatan yang teguh di antara satu sama lain. Seseorang itu akan berakhlak dengan akhlak yang mulia jika di dalam dirinya wujud akidah yang teguh di dalam diri. Hal ini kerana akhlak merupakan satu manifestasi kepada akidah yang wujud di dalam diri seseorang itu.

2.5 Peranan Akidah Islam Dalam Kehidupan Muslim

Seorang Muslim bukan benar-benar Muslim dan Mu'min melainkan dengan adanya kepercayaan yang teguh terhadap isi kandungan al-Quran dan hadith. Di dalam al-Quran dan hadith kedua-duanya mengandungi perkara-perkara seperti akidah tauhid, segala kefardhuan dan ketetapan-Nya yang berkaitan dengan sistem hidup, syariat perundangan, kehakiman. Kandungan wahyu daripada Allah SWT dalam al-Quran merupakan hadith yang mutawatir. Seterusnya keyakinan itu hendaklah diterjemahkan dalam bentuk perkataan, amalan dan niat dalam kehidupan.²⁵⁷

Akhlak merupakan salah satu dari tiga kerangka utama dalam ajaran Islam dan sekali gus mempunyai kedudukan yang sangat penting yang merupakan hasil dari proses penerapan akidah dan pelaksanaan syariah. Akhlak akan wujud dalam diri jika seseorang itu memiliki akidah dan syariah yang baik. Tujuan nabi Muhammad SAW di utus di muka bumi ini adalah untuk menyempurnakan akhlak.²⁵⁸ Hal ini jelas dalam sabda Rasulullah SAW: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak

²⁵⁶ Asmawati bt Suhid, “Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam dalam Menangani Era Globalisasi,” *Jurnal Kemanusiaan* 6 (2005).

²⁵⁷ Ramli et al., *Akidah Dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan*, 107.

²⁵⁸ Azlina Muhammad, “Faktor Salah Laku Dalam Kalangan Remaja: Kajian di Raudhatus Sakinah”, *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial 1* (Jun 2014).

yang mulia. Daripada keterangan hadith ini ini dapatlah dilihat dengan jelas betapa eratnya perhubungan agama, iman dan akhlak seolah-olah tidak ada perpisahan antara mereka. Dalam erti kata lain, jika dipisahkan juga akan rosaklah agama dan pupuslah iman serta hancurlah akhlak.²⁵⁹

Muslim yang berakidah menerima seluruh ketetapan al-Quran serta hadith dengan penuh ikhlas dan reda tanpa ada rasa kepayahan walaupun sedikit di dalam hatinya.²⁶⁰ Sesuai dengan firman Allah SWT dalam al-Quran:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي

أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿١٥﴾

Al-Nisa 4:65

Terjemahan: Maka Demi Tuhanmu (Wahai Muhammad)! mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan Engkau hakim Dalam mana-mana perselisihan Yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa Yang telah Engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

Muslim yang benar dalam akidahnya meletakkan keseluruhan hidupnya berdasarkan hukum dan ketetapan yang termaktub dalam al-Quran dan hadith. Mereka juga sentiasa mendahulukan dan mengutamakan ucapan Rasulullah SAW daripada mana-mana ucapan manusia di dunia ini. Di samping itu, mereka juga mengutamakan zikir-zikir yang diamalkan Nabi Muhammad SAW daripada mana-mana zikir yang diamalkan oleh manusia. Mereka juga mengutamakan hukum dan peraturan yang

²⁵⁹ Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar, "Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam dalam Pengajaran Akhlak," *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012).

²⁶⁰ Ramli et al., *Akidah Dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan*, 108.

dibawa oleh Nabi Muhammad SAW daripada mana-mana hukum yang dibuat oleh manusia.²⁶¹

Ajaran Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Justeru berakidah dengan akidah Islam mestilah mencakupi seluruh aspek Islam bukan sebahagian sahaja. Amalan menerima Islam hanya sebahagian dan menolak sebahagian yang lain daripada ajaran Islam adalah akidah yang sesat dan termasuk dalam perangai orang Yahudi. Mereka beriman kepada sebahagian kitab Taurat dan menolak sebahagian yang lain. Ajaran dan hukum-hukum yang sesuai dengan nafsu mereka diterima sebaliknya hukum yang tidak sesuai dengan nafsu mereka ditolak. Mereka yang menerima Islam dalam aspek-aspek tertentu sahaja dan menolak aspek-aspek yang lain bukanlah daripada pegangan akidah Islam. Kesempurnaan ajaran Islam ini meminta kesemua penganutnya beriman dengan kesyumulannya sekali gus mempraktikkan dalam kehidupan.²⁶²

Kepentingan iman kepada umat Islam adalah asas yang menentukan segala amalan dan perilakunya diterima Allah SWT. Tiada gunanya seseorang itu berakhlak dengan akhlak yang mulia tetapi seseorang itu tidak mempercayai dan patuh kepada peraturan dan hukum Allah SWT.²⁶³ Justeru itu, jelas di sini bahawa akidah di dalam diri seseorang itu memainkan peranan penting dalam kehidupan hariannya terutamanya dalam menjadikan seseorang itu berakhlak dengan akhlak yang mulia.

2.6 Kesimpulan

Akhlak dan akidah mempunyai hubungan yang signifikan antara satu sama lain. Seseorang yang berakhlak dengan akhlak yang mulia merupakan satu manifestasi kepada akidah yang dimiliki dalam dirinya. Akhlak merupakan satu sifat semula jadi yang wujud dalam diri seseorang insan itu. Manakala, akidah ialah satu keyakinan di dalam diri secara jizam bahawa Allah SWT merupakan tuhan Yang Esa yang layak di

²⁶¹ Ramli et al., Akidah Dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan,"108-109.

²⁶² *Ibid.*,109-110.

²⁶³ Asmawati bt Suhid, "Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam dalam Menangani Era Globalisasi" *Jurnal Kemanusiaan* 6 (2005).

sembah tanpa wujudnya syak dan ragu di dalam diri. Akhlak terbahagi kepada akhlak yang baik dan akhlak yang buruk. Islam mengajar dan menyuruh umatnya agar berakhlak dengan akhlak yang baik dan menjauhi akhlak yang buruk untuk memastikan dirinya mendapat kebahagiaan hidup bukan saja di dunia malah di akhirat jua.

Universiti Malaya

BAB III: MASALAH AKHLAK PELAJAR

3.1 Pengenalan

Remaja merupakan satu komponen penduduk yang penting dalam sesebuah negara disebabkan jumlah remaja sangat ramai. Alam remaja merupakan satu situasi perantaraan antara alam kanak-kanak dan alam dewasa.²⁶⁴ Remaja merupakan golongan manusia yang masih mentah dari sudut jiwa dan emosi.²⁶⁵ Golongan remaja dilihat mempunyai struktur nilai moral dan sistem yang kompleks.²⁶⁶

Apabila remaja beralih kearah pertengahan ke akhir remaja, pada ketika ini nilai-nilai moral dan sistem remaja mudah menyerap ke dalam diri mereka. Pengaruh yang gagal ditepis secara rasional menyebabkan tindakan dan reaksi golongan ini dilihat bertentangan dengan norma dan nilai masyarakat. Antara norma dan nilai masyarakat yang dapat dilihat seperti tidak berdisiplin, memberontak, rapuh dengan pegangan agama, tidak patuh dengan peraturan dan lebih cenderung kepada pergaulan bebas.²⁶⁷

Remaja apabila sudah terjebak dengan satu jenis kesalahan moral selalunya akan lebih terdorong untuk melakukan kesalahan-kesalahan lain. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kesalahan moral yang melibatkan golongan remaja. Antaranya ialah pendidikan di rumah, pendidikan di sekolah, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sosiobudaya dan pengaruh media massa.

Alam remaja dikatakan satu saat yang rapuh bagi golongan remaja kerana pada peringkat ini, mereka terdedah dengan pelbagai pengaruh dan tekanan luar yang kebanyakannya merupakan perkara yang boleh menjerumuskan mereka kepada pelbagai perkara yang negatif. Apabila mereka terjerumus kepada perkara ini secara tidak

²⁶⁴ Azlina binti Muhammad, "Penghuni Raudhatu Sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang dan Faktor Salahlaku" (tesis ijazah sarjana, 2012), 31

²⁶⁵ Muhammad Said Ramadhan Al-Butiy, *Menangani Pergolakan Jiwa Remaja* (Batu Caves: Pustaka Ilmi, 1997), 52.

²⁶⁶ Azlina binti Muhammad, *op cit*, 39

²⁶⁷ *Ibid.* 40.

langsung akhlak mereka mudah rosak sehingga menimbulkan pelbagai masalah seperti salah laku dan juvenil.²⁶⁸

Pelbagai masalah juvenil (jenayah yang dilakukan oleh golongan remaja sekolah) seperti samseng, menyertai geng motosikal, memeras ugut, menumbuk guru, merosakkan harta benda sekolah, mencuri, menipu, merogol, berjudi dan mabuk. Semua masalah ini secara tidak langsung mencerminkan kelemahan institusi sekolah sebagai mekanisme dalam mengawal masalah sosial pelajar.²⁶⁹ Di samping itu, permasalahan ini juga jelas menunjukkan bahawa terdapat konflik dalaman dalam diri remaja itu sendiri. Seperti perkaitan dengan didikan ibu bapa di rumah, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan lain-lain yang mendorong remaja melakukan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak.²⁷⁰

Meningkatnya pelbagai jenis gejala sosial ataupun dikenali juga dengan masalah akhlak menunjukkan manifestasi krisis dan keruntuhan moral yang tinggi dalam masyarakat. Masalah akhlak remaja merupakan produk sosial masyarakat secara keseluruhannya.²⁷¹ Remaja merupakan sumber aset negara yang bakal mencorakkan masa depan negara. Mereka ini akan memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan negara. Namun begitu, masalah akhlak remaja menjadi satu ancaman kepada sumber tenaga manusia yang merugikan negara dalam jangka masa yang panjang. Disebabkan perkara ini menyebabkan kesan pada jangka masa yang panjang, semua masalah akhlak yang dihadapi oleh remaja pada hari ini mestilah di bendung dan diatasi supaya tidak terus mengancam masa depan negara.²⁷²

²⁶⁸ Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad, *Panduan Mengurus Remaja Moden* (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2004), 79.

²⁶⁹ *Ibid.*, 80

²⁷⁰ Azlina binti Muhammad, 55

²⁷¹ *Ibid.*, 80.

²⁷² *Ibid.*, 80-81.

Justeru itu, dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan tentang masalah akhlak yang melibatkan pelajar sekolah secara umum. Pengkaji mengekalkan kepada beberapa subtopik utama berdasarkan kepada soal selidik dalam kajian ini. Pengkaji tidak mengkhususkan perbincangan dalam bab ini kepada masalah akhlak yang berlaku semasa pelajar berada di sekolah sahaja tetapi pengkaji juga memfokuskan kepada masalah akhlak yang melibatkan pelajar di luar waktu sekolah.

Hal ini kerana, pengkaji percaya terdapat juga masalah akhlak yang melibatkan pelajar semasa di luar waktu sesi persekolahan. Di sebabkan perkara ini, bab ini akan membincangkan secara menyeluruh mengenai masalah akhlak yang melibatkan pelajar. Seterusnya dalam bab ini juga pengkaji menjelaskan mengenai pandangan agama Islam mengenai masalah akhlak yang berlaku pada masa kini meliputi mengenai hukum Islam. Pengkaji membincangkan masalah akhlak dan perkaitannya dengan akidah tanpa melihat kepada hukum Islam secara mendalam.

3.2 Masalah Akhlak Semasa Di Sekolah

3.2.1 Ponteng Sekolah

Ponteng sekolah merupakan salah laku disiplin pelajar yang telah berlaku sekian lama dalam arena pendidikan. Di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan buku *Panduan bagi Mengatasi Masalah Ponteng Sekolah* pada tahun 1994 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995 Menangani Masalah Ponteng Sekolah.²⁷³ Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati jumlah murid yang terlibat dengan permasalahan disiplin adalah pada kadar 2.03 peratus sejak dari tahun 2010 hingga tahun 2016. Ponteng sekolah merupakan isu utama dalam salah laku disiplin pelajar.²⁷⁴ Ponteng sekolah merupakan isu yang dominan dan yang paling menonjol dalam salah

²⁷³ Nor Hafizah Samsudin, ed., *Pengurusan Disiplin Murid* (Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2011), 387.

²⁷⁴ Muzdalifah Mustapha, "402 Sekolah Dalam Pemerhatian," 22 Jun 2017.

laku pelajar. Data Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan bilangan pelajar yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah ini semakin meningkat dari tahun ke tahun.²⁷⁵

Secara umum ponteng sekolah atau tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan di luar pengetahuan ibu bapa dan penjaga. Sungguh pun begitu, terdapat juga pelajar yang tidak hadir ke sekolah tetapi dalam pengetahuan ibu bapa atau penjaga. Ponteng juga sering dikaitkan dengan isu yang melibatkan pelajar yang tidak berdisiplin dan bermoral rendah. Ponteng sekolah adalah sejenis penyakit yang telah lama berakar umbi dalam masyarakat kita dalam alam persekolahan. Ponteng sekolah dapat dibahagikan kepada beberapa tingkat. Tingkat tersebut ialah tingkat hati, ponteng disebabkan bangun lambat, ponteng kelas dan ponteng sekolah. Walaupun pelbagai peraturan yang ketat yang diperkenalkan oleh pihak sekolah tetapi gejala ponteng dalam kalangan pelajar tetap berlaku.²⁷⁶ Ponteng hati dapat dirumuskan sebagai ponteng yang wujudnya gangguan dalam diri pelajar itu sendiri yang menyebabkan pelajar tidak fokus ketika berada di dalam kelas. Menurut pendapat pengkaji ponteng hati menjadi satu kesalahan bagi seseorang pelajar dalam aspek menuntut ilmu dan kepada guru.

Kebanyakan pelajar yang terlibat dengan ponteng sekolah datangnya dari sekolah-sekolah yang terletak di pinggir-pinggir bandar. Hal ini kerana pelajar yang tinggal di pinggir bandar selalunya berhadapan dengan masalah dari segi persekitaran tempat tinggal, sosioekonomi keluarga dan pergaulan antara rakan-rakan.²⁷⁷ Ponteng sekolah dapat di bahagikan kepada dua jenis ponteng iaitu ponteng sekolah dan ponteng kelas. Ponteng sekolah diertikan sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa kebenaran

²⁷⁵ Arsaythamby Veloo dan Ng Chooi Kim, "Jenis Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Sabah," *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 29 (2014), 125-139.

²⁷⁶ Azizi Yahaya et al., "Faktor-Faktor yang Memengaruhi Gejala Ponteng di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor" (makalah, *Journal of Science Mathematics Education*, 2007), 1-20.

²⁷⁷ Johari bin Hassan dan Nik Selma bt Muhammad, "Faktor-faktor yang Menyebabkan Masalah Ponteng Sekolah di Sekolah Menengah di Daerah Kualijaya, Johor" (makalah, *Fakulti Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia*, 2010).

daripada pengetua atau guru besar. Manakala ponteng kelas pula bermaksud perbuatan keluar atau tidak berada di dalam kelas tanpa kebenaran guru.²⁷⁸

Seterusnya, antara faktor yang dikenal pasti yang mempengaruhi aktiviti ponteng ini ialah berpunca daripada pelajar itu sendiri. Hal ini kerana terdapat pelajar yang tidak mempunyai motivasi diri untuk belajar dan kurang minat untuk bersekolah. Seterusnya, faktor suasana dan persekitaran sekolah juga memainkan peranan penting kepada gejala ini. Hal ini kerana suasana sekolah yang kondusif, tenteram dan wujudnya suasana pengajaran guru yang positif serta peraturan sekolah dan pelaksanaan disiplin yang efektif akan dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan sekali gus mencapai kecemerlangan akademik.²⁷⁹

Di samping itu, faktor pengaruh rakan sebaya juga memainkan peranan penting dalam gejala ponteng ini. Penulis percaya ajakan daripada rakan sebaya untuk ponteng sekolah akan berjaya mempengaruhi minda pelajar yang tidak mampu berfikir secara rasional. Justeru itu, perkara ini akan menyebabkan mereka menurut ajakan daripada rakan mereka untuk ponteng sekolah dengan alasan pelajaran di sekolah membosankan dan aktiviti ponteng sekolah ini dapat menenangkan fikiran.²⁸⁰

Di samping itu, ibu bapa juga menjadi faktor kepada penyebab gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Hal ini disebabkan kesibukan ibu bapa bekerja dan sekali gus menyebabkan kebajikan anak-anak terabai. Perkara ini menyebabkan anak-anak merasa terabai dan menyebabkan mereka cuba mencari alternatif lain untuk mendapatkan perhatian melalui ponteng sekolah.²⁸¹ Faktor lain dalam isu ponteng sekolah ini mungkin kerana wujudnya perasaan ingin mencuba sesuatu yang tidak

²⁷⁸ Arsaythamby Veloo dan Ng Chooi Kim, "Jenis Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Sabah,".

²⁷⁹ Norhasilah Mat Nor et al., "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2, Skudai," *Journal of Educational Psychology and Counseling* 5, (5 Mac 2012), 12-29.

²⁸⁰ *Ibid.*

²⁸¹ *Ibid.*

pernah mereka lakukan sebelum ini tanpa mengambil kira kesan baik atau buruk daripada perbuatan tersebut.²⁸²

Secara ringkasnya, pengkaji berpendapat ponteng kelas merupakan satu masalah akhlak yang sudah terlalu sebatu dalam kalangan pelajar sekolah dan pengkaji yakin lama kelamaan masalah ini sukar untuk di bendung jika tidak di atasi dengan segera. Islam menuntut umatnya agar berakhlak dengan akhlak yang baik dengan menghormati guru dan menghormati ilmu. Justeru itu, jika seseorang pelajar ponteng kelas menunjukkan beliau tidak beradab dengan guru yang mengajar dan dengan ilmu yang di pelajari. Jelaslah di sini bahawa Islam begitu mengambil berat terhadap perkara yang melibatkan adab.

3.2.2 Vandalisme Terhadap Peralatan Sekolah

Vandalisme ialah satu sikap yang ada dalam diri seseorang suka merosakkan harta benda orang lain, hasil-hasil seni dan juga keindahan alam. Orang yang melakukan vandalisme ini tidak memikirkan kesan dan akibat daripada perbuatannya itu. Mereka melakukan vandalisme itu tanpa sebarang sebab dan mereka juga tidak mendapat sebarang keuntungan daripada perbuatan mereka itu. Pada kebiasaannya, mereka melakukan vandalisme ini kerana ingin meluahkan perasaan sahaja.²⁸³

Di Malaysia, aktiviti vandalisme yang sering dilakukan ialah menconteng di merata tempat dengan gambar dan bahasa yang lucu, memecah dan merosakkan harta benda awam seperti telefon, perhentian bas, papan kenyataan dan sebagainya. Manakala, di sekolah pula pelajar yang bersikap vandalisme seperti memecahkan

²⁸² Johari bin Hassan dan Nik Selma bt Muhammad, "Faktor-faktor yang Menyebabkan Masalah Ponteng Sekolah di Sekolah Menengah di Daerah Kualijaya, Johor" (makalah, Fakulti Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, 2010).

²⁸³ Mohd Yusuf Ahmad, *Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003), 155.

kerusi, pondok telefon, papan kenyataan, lampu-lampu, taman sekolah, cermin tingkap, alatan sukan dan lain-lain.²⁸⁴

Aktiviti vandalisme ini juga di lakukan oleh pelajar di sekolah. Perkara ini terbukti berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Gan Swee Eng yang menjelaskan menurut laporan disiplin (2009) bahawa seramai 1,893 orang pelajar yang melakukan jenayah vandalisme ini. Antara aktiviti yang dilakukan oleh mereka seperti menggaris dan mencalarkan perabot dengan pelbagai perkataan atau simbol yang tidak senonoh. Bukan sahaja di perabot sekolah malah juga turut di conteng di tandas-tandas sekolah.²⁸⁵

Pengkaji percaya perkara ini boleh menjadi bukti bahawa wujudnya masalah aktiviti yang tidak sihat ini dalam kalangan pelajar sekolah. Aktiviti ini merupakan salah satu masalah akhlak yang boleh menyebabkan seseorang individu itu berkelakuan dengan lebih teruk lagi pada masa hadapan. Pelajar tersebut tidak berakhlak dengan baik kerana melakukan kerosakan harta benda orang lain dan sekali gus mengganggu ketenteraman awam. Islam tidak menganjur umatnya merosakkan harta benda orang lain.

3.2.3 Merokok

Merokok membahayakan kesihatan, kesemua orang memperakui pernyataan ini. Malah, pada setiap kotak rokok tercatat amaran dari Kerajaan Malaysia bahawa „Merokok Membahayakan Kesihatan“. Merokok ialah isu serius yang sudah menjadi satu wabak yang agak sukar untuk di bendung. Malahan, tabiat merokok dalam kalangan belia Malaysia kini meningkat dengan begitu cepat. Menurut Kementerian Kesihatan, masalah ini memerlukan perhatian yang serius daripada pihak kerajaan kerana merokok

²⁸⁴ *Ibid.*

²⁸⁵ Gan Swee Eng, “Tingkah Laku Vandalisme dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Labis, Johor” (tesis ijazah sarjana, Fakulti Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, 2013), 8-9.

boleh memudaratkan kesihatan dan rokok dianggap punca kematian utama yang dapat dielak. Tabiat merokok juga boleh membawa pelbagai penyakit yang merbahaya.²⁸⁶

Setiap tahun, lebih 10,000 kematian di Malaysia adalah disebabkan merokok. Bilangan ini jauh lebih tinggi daripada gabungan jumlah kematian akibat AIDS, tibi, malaria, pneumonia dan kemalangan jalan raya. Penyebab kematian ialah penyakit jantung, kanser, strok dan penyakit saluran pernafasan. Untuk maklumat tambahan. 4 juta kematian pada tahun 2002 dijangka meningkat kepada 8.4 juta menjelang tahun 2002.²⁸⁷

Menurut portal rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, statistik menunjukkan bahawa rakyat Malaysia menghisap 23.7 bilion rokok setahun dan jumlah ini merupakan satu peningkatan yang besar daripada 18 bilion batang rokok pada tahun 1998. Dianggarkan juga pada setiap hari 50 remaja memulakan tabiat buruk ini. Menurut kajian yang telah dilakukan sebelum ini, pada sebatang rokok itu mengandungi 4000 jenis bahan beracun yang disedut dalam tubuh badan jika seseorang itu merokok.²⁸⁸

Dalam pada itu juga, menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, mendapati perokok yang berumur 15 tahun ke atas telah direkodkan sebanyak 4.7 juta orang. Justeru itu, gejala ini juga telah menimbulkan kebimbangan kerana turut memberi kesan ekonomi kepada rakyat kerana mereka telah membelanjakan untuk kegiatan ini sebanyak RM375 sehari.²⁸⁹ Perkara ini secara tidak langsung telah menunjukkan kesan yang negatif terhadap gejala yang tidak sihat ini di kalangan masyarakat.

Rokok ialah satu-satunya produk pengguna yang membunuh sekiranya ia digunakan seperti mana yang disyorkan oleh pembuatnya. Kecanggihan reka bentuk sebatang rokok adalah hasil daripada kajian rapi oleh pembuatnya. Kajian ini bagi

²⁸⁶ Zainal Madon et al., "Panduan Mengurus Remaja Moden" 95.

²⁸⁷ *Ibid.*, 96.

²⁸⁸ My metro, "Hisap 23.7 Bilion Setahun", laman sesawang *My Metro*, dicapai 6 Mac 2018, <https://www.hmetro.com.my/node/53292>.

²⁸⁹ Mudzalifah Mustafa, "4.7 Juta Perokok Rakyat Malaysia: KKM Pandang Serius," 24 Mei 2017.

mengoptimalkan kemampuan produk itu yang menyebabkan ketagihan dengan cara yang berkesan kepada pengguna rokok. Rokok mengandungi lebih 4,000 bahan kimia beracun, 63 daripadanya terbukti menyebabkan kanser kepada manusia dan haiwan.²⁹⁰

Merokok boleh mendatangkan masalah kesihatan yang serius secara tidak langsung merokok boleh menjejaskan prestasi remaja untuk berjaya dalam bidang yang diceburi. Hal ini kerana, remaja yang merokok biasanya lebih terdedah kepada gangguan penyakit pernafasan seperti batuk, *bronchitis* dan masalah *gastrousus*. Mereka yang menghisap rokok ketika berumur 11 ke 12 tahun lebih terdedah kepada gangguan *kardiovaskular* sebaik sahaja memasuki alam dewasa. Penggunaan rokok sejak remaja didapati mempunyai kaitan rapat dengan peningkatan risiko mendapat penyakit barah pada peringkat umur muda.²⁹¹

Walaupun tidak semua pengguna rokok terlibat dengan pengambilan dadah jenis lain, tetapi kebanyakan remaja yang terlibat dengan dadah heroin selalunya mengambil rokok sebagai dadah awalan. Selepas terbiasa dengan suasana penagihan dadah nikotin, mereka akan mula berjinak-jinak dengan dadah-dadah jenis lain. Pemilihan dadah jenis lain pada kebiasaannya berkait rapat dengan faktor penemuan dadah itu dalam masyarakat dan juga faktor sosiobudaya masyarakat itu sendiri.²⁹²

Umumnya, remaja ialah golongan yang paling banyak menghadapi konflik perkembangan diri, keluarga dan masalah persekitaran. Keadaan ini menyebabkan gangguan emosi dalam diri remaja. Apabila remaja itu mengalami tekanan perasaan dan disebabkan faktor pemikiran yang singkat, berpunca daripada tekanan perasaan itu remaja itu akan mula merokok untuk melupakan semua masalah yang di hadapinya. Selain dari ingin mengurangkan tekanan emosi, remaja merokok sebagai salah satu cara

²⁹⁰ *Ibid.*, 97.

²⁹¹ *Ibid.*, 101.

²⁹² *Ibid.*, 102

untuk melarikan diri daripada kongkongan perasaan dan mendapat perhatian.²⁹³ Ini merupakan salah satu punca kepada munculnya masalah akhlak dalam diri remaja itu.

Merokok bukan sahaja menjejaskan kesihatan malahan dari sudut agama juga merupakan satu perkara yang tidak elok. Menurut kitab *Yas alūnaka Fiddin wal Hayāh* menyatakan terdapat perbezaan ulama dalam menetapkan hukum merokok. Terdapat sesetengah ulama mengatakan hukumnya harus kerana mengikut kaedah asal menetapkan hukum ialah harus. Namun, sesetengah ulama menetapkan hukum haram kerana merokok membahayakan kesihatan dan sesetengah ulama mengatakan makruh kerana berlakunya pembaziran harta pada perkara yang tidak berfaedah. Mazhab Syafie menetapkan hukum makruh merokok berdasarkan perkara di atas dan boleh menyebabkan mulut berbau busuk dan tidak memberi keselesaan pada orang ramai terutamanya ketika menunaikan solat berjemaah di masjid.²⁹⁴

Namun begitu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), telah mewartakan rokok sebagai haram sejak tahun 1995 dan pengharaman itu kekal sehingga sekarang. Pengharaman merokok ini disebabkan merokok membahayakan kesihatan penggunanya, mendatangkan kemudaratan kepada orang sekeliling perokok dan alam sekitar. Merokok juga satu perbuatan yang menjuruskan penggunanya kepada amalan pembaziran. Punca kepada pengharaman rokok yang dikeluarkan oleh JAKIM berdasarkan sebab-sebab tersebut.²⁹⁵

Secara keseluruhannya, merokok merupakan satu amalan yang tidak sihat kepada setiap manusia. Justeru itu, Islam melarang semua umatnya mengambil sesuatu yang boleh memudaratkan dan boleh membinasakan diri sendiri. Jika seseorang itu melanggar suruhan Allah SWT dan Rasulullah SAW, jelaslah menunjukkan bahawa individu tersebut tidak berakhlak dengan baik kepada penciptanya yang memberi rezeki

²⁹³ *Ibid.*, 103

²⁹⁴ Laman sesawang JAKIM, dicapai pada 16 April 2018, http://kemusykilan.islam.gov.my/v2/index_jawapan.php?ids=35434&q=

²⁹⁵ Utusan Online, "Fatwa Hukum Merokok Bercanggah", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 16 April 2018, <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info/esp>

dan kesihatan yang baik dalam dirinya. Justeru itu, untuk menunjukkan tahap kesyukuran yang tinggi kepada Allah SWT, seseorang itu haruslah berakhlak dengan akhlak yang baik dengan mengikuti segala suruhan dan meninggalkan segala larangannya.

3.3 Masalah Akhlak Berkaitan Aktiviti Sosial Lain

3.3.1 Cinta Monyet dan Salah laku Seksual

Cinta sering kali menjadi topik hangat dalam kalangan manusia terutamanya dalam kalangan remaja dan belia. Pelbagai perkara di kaitkan dengan cinta sama ada di dalam majalah, novel mahupun media massa. Majalah, novel dan filem yang menggunakan mesej cinta semestinya akan mendapat sambutan yang hangat. Manusia secara fitrahnya tidak boleh lari dari perasaan cinta. Menurut pandangan Islam cinta tidak terhad kepada manusia sahaja tetapi cinta kepada Pencipta (Allah SWT), diri, ibu bapa, guru, rakan-rakan, keluarga, haiwan, tumbuhan dan alam sekitar. Cinta ini boleh menimbulkan kasih sayang antara satu dengan yang lain. Semua hubungan, cinta haruslah dikaitkan dan menuju ke arah keredaan Allah SWT dan sekali gus membawa kebaikan bersama.²⁹⁶

Sejak lahir, perasaan cinta kepada ibu bapa mewujudkan kasih sayang antara anak dan ibu bapa. Banyak kajian menunjukkan, kasih sayang ini membolehkan pertumbuhan anak menjadi lebih positif seperti tumbesaran badan yang sihat, emosi yang stabil dan mampu menunjukkan kematangan mental yang baik. Manakala anak yang tidak mendapat kasih sayang yang secukupnya akan terencat pertumbuhannya.²⁹⁷

Cinta monyet ialah ungkapan yang sinonim dengan perasaan yang sering timbul dalam kalangan remaja apabila wujud perasaan meminati atau menyukai orang lain. Apabila perkara ini berlaku, akan timbul beberapa masalah terutamanya kemerosotan

²⁹⁶ Zainal Madon et al., "Panduan Mengurus Remaja Moden" 199.

²⁹⁷ *Ibid.*, 199-200.

pelajaran dan hilang tumpuan dalam kelas ataupun ketika mengulang kaji pelajaran. Cinta monyet ialah perasaan suka, kasih dan sayang antara remaja lelaki dan perempuan ataupun lebih khusus kepada remaja sekolah. Pada kebiasaannya, pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah terlibat dengan cinta monyet ini dan kebiasaannya cinta ini hanya sekadar untuk suka-suka dan tidak kekal lama.²⁹⁸

Cinta monyet ini meninggalkan beberapa kesan negatif kepada hidup pelajar. Kebanyakan pelajar yang terlibat dengan cinta monyet ini mengalami kegagalan dalam pelajaran. Kesibukan melayan pasangan dan perasaan sendiri menyebabkan mereka leka pada tugas yang diberi. Tumpuan pelajaran terganggu kerana jiwa mereka bergelora dan terlalu asyik dengan dunia percintaan. Kesan daripada keasyikan melayan perasaan menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian pada pelajaran. Di samping itu, ketika bercinta banyak masa yang diperuntukkan bagi memenuhi tuntutan pasangan masing-masing. Perkara ini menyebabkan pelajar cenderung untuk melakukan perkara-perkara yang melanggar peraturan sekolah seperti ponteng, tidak melakukan kerja sekolah, malas belajar, tidak mendengar nasihat guru dan sebagainya.²⁹⁹

Naluri ingin mencuba benda baru juga menyebabkan pelajar terlibat dengan perlakuan yang tidak bermoral. Pasangan yang bercinta terlalu leka dengan dunia mereka dan secara tidak langsung mampu mendorong mereka berpegangan tangan dan berdua-duaan di tempat yang sunyi boleh berlaku pada bila-bila masa. Malah, sampai satu tahap jika pasangan ini tidak mampu mengawal nafsu perkara yang lebih buruk boleh terjadi.

Seterusnya, jenayah seksual remaja dapat didefinisikan sebagai perbuatan meliwat, merogol, melakukan kelucahan melampau, membunuh dan menyeksa mangsa menggunakan kekerasan. Semua perbuatan ini salah di sisi undang-undang dan juga

²⁹⁸ *Ibid.*, 201.

²⁹⁹ *Ibid.*, 203-204.

agama.³⁰⁰ Kurangnya didikan agama dalam kalangan remaja menjadi punca berlakunya salah laku seksual dan seks bebas. Ajaran akhlak dan adab di pandang ringan oleh ibu bapa dan remaja menjadi punca tercetusnya masalah ini. Pendidikan agama boleh mempengaruhi cara pemikiran dan tingkah laku dalam hidup remaja.³⁰¹

Kesimpulannya, didikan agama amat penting dalam diri seseorang itu bagi memastikan kebahagiaan hidup seseorang itu sama ada di dunia mahupun di akhirat. Dalam konteks cinta monyet yang bertentangan dengan ajaran Islam dan salah laku seksual ini, pengkaji berpendapat kedua-dua perkara ini merupakan satu masalah akhlak adalah kerana kedua-dua perkara ini melibatkan adab dan akhlak seseorang itu bukan sahaja adab kepada Allah SWT malah adab kepada diri sendiri.

Justeru itu, jika seseorang itu tidak beradab dengan diri sendiri dan kepada penciptanya mereka tergolong dalam golongan yang melanggar perintah Allah SWT. Menurut pengkaji juga, tidak mustahil dengan tidak berakhlak dengan Allah SWT yang dipandang ringan ini tidak mustahil semakin hari menjadi semakin teruk dan sekali gus akan menimbulkan satu masalah yang besar lagi seperti berzina dan seterusnya hamil di luar nikah dan mungkin juga sampai tahap membuang bayi itu. Di sebabkan itu, untuk mengelakkan perkara sedemikian akidah yang kukuh perlu wujud dalam diri dan sekali gus mempamerkan akhlak yang baik dalam kehidupan.

3.3.2 Perlumbaan Haram

Lumba haram merupakan satu perlumbaan yang bermotor yang dijalankan di atas jalan raya awam tanpa mempunyai kebenaran daripada pihak berkuasa, yang kebiasaannya dijalankan pada waktu malam. Kegiatan lumba haram merupakan satu kesalahan disisi undang-undang jalan raya kerana boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain. Menonton perlumbaan haram juga merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang.

³⁰⁰ Zainal Madon et al., "Panduan Mengurus Remaja Moden" 167.

³⁰¹ *Ibid.*, 174.

Kebanyakan perlumbaan haram yang dijalankan melibatkan motosikal dan kereta. Namun begitu, terdapat juga perlumbaan haram yang melibatkan kenderaan berat seperti lori dan bas ekspres. Kenderaan yang terlibat dengan perlumbaan haram diubahsuai kelajuan hingga mencapai kelajuan melebihi 160 km/j dan akibat daripada pemanduan yang tidak berhemah mudah menyebabkan kemalangan jalan raya berlaku dan kebiasaannya kemalangan jika tidak dapat dielakkan.³⁰²

Di samping itu, pelajar sekolah juga tidak terkecuali terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat ini.³⁰³ Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti yang agak merisaukan yang berlaku di Malaysia kerana aksi-aksi yang melibatkan perlumbaan haram ini menjadi ikutan di kalangan kanak-kanak yang masih mentah. Kebanyakan kanak-kanak ini masih bersekolah rendah sudah pandai melakukan aksi-aksi yang berbahaya dengan menggunakan basikal.³⁰⁴ Jika diteliti daripada sudut penglibatan remaja terhadap perlumbaan haram terutamanya yang masih bersekolah dan bergelar pelajar, perkara ini boleh mencetuskan kebimbangan dalam masyarakat.³⁰⁵

Seperti yang kita sedia maklum, gejala sosial merupakan satu masalah yang berlaku sejak dahulu lagi dan amat sukar untuk di bendung terutamanya yang melibatkan remaja yang masih bergelar pelajar. Antara faktor yang dapat dikenal pasti punca kepada gejala ini ialah keterlibatan dengan perlumbaan haram ini disebabkan oleh ganjaran yang diterima seperti wang, wanita dan sebagainya. Antara faktor lain ialah wujudnya pengaruh rakan dan keinginan untuk mengisi masa lapang dengan berseronok.³⁰⁶

³⁰² https://ms.wikipedia.org/wiki/Lumba_haram#Jenis_perlumbaan_haram. Dicapai pada 6 Mac 2018.

³⁰³ Nor Raidah Awang, "5 Ditahan Sertai Lumba Haram" laman sesawang BH Online, dicapai pada 6 Mac 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/367345/5-ditahan-sertai-lumba-haram>.

³⁰⁴ Mohd Afif bin Yahya, "Keterlibatan Remaja Dalam Lumba Haram Di Daerah Larut dan Matang, Perak: Kajian daripada Perspektif Pembangunan Insan" (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2011) 33-34.

³⁰⁵ Bernama, "Pelajar 15 tahun Antara Ditahan Kerana Merempit" laman sesawang, dicapai pada 6 Mac 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/406529>.

³⁰⁶ Rozmi Ismail dan Norhayati Ibrahim, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keterlibatan Remaja dalam Perlumbaan Motorsikal Haram dan Hubungannya dengan Jenis Personaliti, Sokongan Sosial dan *Coping Skill*" (Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, 2007).

Menurut Abdullah Nasih al-Ulwan, hubungan yang renggang antara manusia dengan penciptanya menjadi punca kepada berlakunya masalah akhlak.³⁰⁷ Oleh sebab itu, pengkaji bersetuju bahawa kurangnya agama dalam diri seseorang itu menyebabkan anasir-anasir yang negatif mudah mempengaruhi mereka. Justeru itu, perlumbaan haram ini tergolong dalam masalah akhlak yang boleh mendatangkan kemudaratan bukan sahaja kepada diri sendiri malah kepada orang lain. Islam amat melarang keras umatnya berakhlak dengan akhlak yang tidak baik yang boleh mendorong mereka daripada membelakangkan agama dan melakukan sesuatu perkara berdasarkan hawa nafsu mereka sendiri. Oleh itu, amatlah penting bagi seseorang agar mengelak daripada melakukan perkara yang boleh mendapat murka dari Allah SWT.

3.3.3 Penyalahgunaan Dadah

Dadah bermaksud sebarang bahan ataupun bahan kimia yang digunakan pada tubuh manusia ataupun haiwan bagi menyasat, merawat, mencegah penyakit ataupun memperbaiki keadaan. Penyalahgunaan bermaksud penggunaan bahan kimia berlebihan pada tubuh. Oleh itu, penyalahgunaan dadah ditakrif sebagai penggunaan dadah yang berlebihan.³⁰⁸

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan jumlah penagih dadah pada tahun 2010 hingga 2016 sebanyak 158, 450 penagih telah dikesan di Malaysia. Pada tahun 2016 negeri yang mencatatkan bilangan penagih yang tertinggi ialah di negeri Selangor yang mencatatkan sebanyak 5, 081 penagih manakala negeri Kelantan merupakan negeri ketiga yang tertinggi bilangan penagih yang telah direkodkan iaitu sebanyak 3, 233 penagih.³⁰⁹ Perkara ini jelas menunjukkan bahawa penagih dadah yang dikesan mengalami peningkatan saban tahun.

³⁰⁷ Abdullah Nasih al-Ulwān, *Dawr al-Shabāb fī Hamlī Risālah al-Islām* (Dar as-Salām: Kaherah), 16.

³⁰⁸ Zainal Madon et al., "Panduan Mengurus Remaja Moden" 110.

³⁰⁹ Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Laporan Dadah 2010-2016, laman sesawang *Agensi Anti Dadah Kebangsaan*, didapati 6 Mac 2018, <https://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah/>.

Jika dirujuk statistik yang dikeluarkan oleh pihak AADK, penagih yang dikesan dalam kalangan pelajar juga tidak dikecualikan. Pada tahun 2010 hingga 2016 bilangan pelajar yang dikesan terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah ini mencatatkan bilangan sebanyak 9,880 penagih.³¹⁰ Bilangan ini agak membimbangkan kerana di peringkat remaja sudah terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat.

Penyalahgunaan dadah akan menyebabkan gangguan fikiran seperti perhatian kepada fikiran, ingatan dan membuat keputusan. Di samping itu, ia juga menyebabkan hilang kawalan seperti tidak berdaya melepaskan diri daripada bahaya. Dadah juga boleh bertindak dengan menukar bentuk ekspresi emosi. Kadangkala, individu yang biasa menggunakan dadah akan beraksi seperti kanak-kanak apabila marah dan lain-lain bentuk emosi lagi. Dadah juga mempunyai kesan yang ketara kepada sistem saraf (otak dan saraf tunjang). Ia juga membawa kepada pergantungan fizikal dan psikologi serta mendatang kesan-kesan buruk atau bahaya pada kesihatan dan juga sosial.³¹¹

Golongan remaja ialah penyumbang terbesar kepada pertambahan bilangan penagih dadah. Sebilangan besar penagih menggunakan heroin dan morfin. Di samping itu, ganja juga adalah dadah yang digemari oleh penggunanya. Penyalahgunaan bahan psikotropik seperti pil-pil *methaqualone*, *amphetamine*, barbiturate dan lain-lain juga turut berlaku.³¹²

Menurut Islam, setiap perkara yang memabukkan adalah haram dan termasuklah dadah. Pengharaman dadah ini tidak bergantung kepada nama atau jenama sesuatu dadah itu tetapi bergantung kepada akibat dan kesan terhadap pengambilan dadah itu. Disebabkan perkara ini, dadah termasuk dianggap najis oleh Mazhab Syafie.³¹³ Islam

³¹⁰ *Ibid.*

³¹¹ Zainal Madon et al., "Panduan Mengurus Remaja Moden" 110.

³¹² *Ibid.*, 111

³¹³ Sabir bin Abdul Ghani et al., "Penilaian Penyalahgunaan Dadah Menurut Fatwa Ulama dari Perspektif Islam," *Journal of Business and Social Development* Vol.2 1 (2014), 57-62.

sangat mencegah penyalahgunaan dadah kerana dadah disamakan sebagai najis.³¹⁴

Kenyataan bawah setiap yang memabukkan itu najis berdasarkan firman Allah SWT yang berbunyi:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ وَالْاَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاَجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿١٠١﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! Bahawa Sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib Dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Di dalam kajian Sabir bin Abdul Ghani et al., Syeikh al-Azhar, Mahmud Syaltut dalam karyanya *al-Fatawā* mengeluarkan fatwa dengan mengatakan ulama feqah telah bersepakat mengenai pengharaman dadah. Hal ini kerana dadah meninggalkan kesan buruk kepada manusia. Beliau menggunakan pernyataan yang dikeluarkan oleh Ibn Qayyim yang menegaskan bahawa semua benda yang memabukkan termasuk dalam hukum pengharaman arak. Oleh sebab itu, semua jenis dadah seperti heroin, kokain, ganja dan seumpamanya adalah haram kerana diqiaskan dalam perkara yang memabukkan.³¹⁵

Di dalam jurnal Sabir bin Abdul Ghani et al. juga ada memetik kata-kata daripada tokoh kontemporari Islam iaitu Yusuf al-Qaradawi dengan menyatakan bahawa semua jenis dadah seperti ganja, kokain, heroin dan seumpamanya meninggalkan kesan yang negatif kepada diri si penghisap dan juga masyarakat. Pengharaman mengenai dadah telah disepakati ulama feqah sejak daripada zaman

³¹⁴ Mohd Johari Baharum, "Islam Haram Salah Guna Dadah" laman sesawang Sinar Online, dicapai pada 16 April 2018, <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-haram-salah-guna-dadah-1.476662>

³¹⁵ Sabir bin Abdul Ghani et al., "Penilaian Penyalahgunaan Dadah Menurut Fatwa Ulama dari Perspektif Islam," *Journal of Business and Social Development* Vol.2 1 (2014), 57-62.

dahulu lagi. Dadah dikenali sebagai *al-Khabāith*. Menurut beliau juga, Ibn Taymiyyah ada mengatakan bahawa ganja ialah haram sama ada memabukkan atau tidak. Menurut beliau lagi, ganja hanya digunakan oleh orang jahat sahaja sedangkan orang baik tidak akan menggunakannya.³¹⁶

Seterusnya, pengharaman mengenai dadah juga turut dikeluarkan oleh fatwa Malaysia. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa JAKIM yang bersidang pada 15-16 April 1982 telah mengeluarkan fatwa yang mengatakan sebarang penyalahgunaan dadah hukumnya ialah haram dan dadah hanya boleh digunakan untuk tujuan perubatan yang sah mengikut syarak sahaja.³¹⁷

Pengharaman dadah menurut Islam *difiaskan* kepada perkara yang memabukkan dan semua perkara yang memabukkan ialah haram di sisi Islam. Pengharaman dadah termasuklah semua jenis dadah sama ada jenis baru atau sebagainya. Hal ini kerana, penyalahgunaan dadah meninggalkan kesan yang buruk dan membawa kemudaratan yang besar terutamanya kepada penagih.³¹⁸

Seperti yang telah di bincangkan di atas, penyalahgunaan dadah merupakan satu perkara yang dilarang dalam Islam. Hal ini kerana, ia boleh memudaratkan diri sendiri dan juga orang lain. Menurut pengkaji, penyalahgunaan dadah tergolong dalam masalah akhlak adalah kerana wajib bagi Muslim beradab dengan adab Islam di dalam kehidupan hariannya. Disebabkan perkara ini, jika seseorang mengambil dadah secara tidak langsung beliau tidak menghormati perintah Allah SWT dan hal ini sekali gus menunjukkan yang beliau tidak berakhlak dengan akhlak Islam.

Perkara ini menjadi satu masalah akhlak di sebabkan boleh mengganggu ketenteraman awam. Hal ini kerana, jika seseorang itu mengambil dadah masalah-masalah lain akan muncul seperti mencuri, peras ugut, bunuh dan lain-lain lagi. Jika perkara ini berterusan tanpa di pantau boleh menimbulkan kekacauan dan kegusaran

³¹⁶ *Ibid.*

³¹⁷ *Ibid.*

³¹⁸ *Ibid.*

masyarakat setempat. Justeru itu, amat penting bagi seseorang itu mendekati diri dengan Allah SWT supaya dirinya kuat dalam menghadapi godaan syaitan. Di samping itu, amat penting juga bagi masyarakat supaya terus memberi dorongan dan sokongan jika para penagih yang ingin berubah supaya mereka tidak rasa putus asa dengan diri mereka sendiri.

3.4 Masalah Akhlak Berkaitan Tanggungjawab Agama

3.4.1 Pengabaian Solat Fardu

Solat merupakan tiang agama yang merupakan satu cara bagi umat Islam untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ ، مَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ ، وَمَنْ هَدَمَهَا فَقَدْ هَدَمَ
الدِّينَ

Terjemahan: Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat, sesungguhnya dia sudah menegakkan agama dan barang siapa yang meninggalkan solat, sesungguhnya dia meruntuhkan agama.³¹⁹

Solat menurut syarak didefinisikan sebagai perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan diakhiri dengan serta berserta dengan syarat-syarat yang ditentukan. Solat lima waktu sehari semalam merupakan satu kewajipan kepada seluruh umat Islam yang berakal dan baligh sehingga ke akhir hayat.³²⁰

³¹⁹ Hadith Riwayat Ṭabranī, Kitab Taswīr al-Qurʿānī lilqim al-Khalqiyah wa al-Tashrīʿiyah, Bāb al-ʿIbādāt wa Atharuhā fī bināʿil al-Qim al-Ijtimaʿiyah, no.Hadith 270.

³²⁰ Sharifah Nur binti Abu, “Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak” (makalah, International Seminar on Research in Islamic Studies 11 (ISRIS 11), Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 15-16 Februari 2012).

Kewajipan solat terhadap pelajar tidak cukup atas dasar kewajipan sahaja tetapi ia juga memerlukan kefahaman dan penghayatan untuk menjadikan ibadah solat itu mampu meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa. Dengan melakukan ibadah solat, dapat mendidik jiwa dan rohani manusia untuk menjadi insan yang lebih mulia di sisi Allah SWT dan sekali gus mengangkat martabat dan darjat di sisi pencipta-Nya. Menjaga ibadat solat dan dalam masa yang sama menghayatinya mampu mencegah seseorang itu daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar. Untuk mencapai matlamat itu, ibadah solat itu hendaklah dilakukan dengan sepenuh tumpuan dan keikhlasan serta penuh kecintaan kepada Allah SWT.³²¹

Seterusnya, pengkaji juga ingin menyentuh mengenai pengabaian solat Jumaat pada kaum lelaki khususnya. Hal ini kerana, berdasarkan pemerhatian pengkaji wujudnya golongan yang mengabaikan suruhan wajib ini. Solat Jumaat ialah solat dua rakaat selepas dua khutbah di dalam waktu Zohor pada hari Jumaat. Dalam sebuah hadith Rasulullah SAW pernah mengatakan bahawa hari Jumaat ialah penghulu segala hari, hari naik haji orang-orang fakir dan hari raya orang miskin. Hukum solat Jumaat fardhu „ain, iaitu wajib keatas tiap-tiap orang Muslim dengan syarat dia telah dewasa, merdeka dan menetap pada tempat di mana solat Jumaat itu didirikan.³²² Asas wajib soalan Jumaat ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا نُودِيَ لِلصَّلٰوةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا اِلَىٰ ذِكْرِ
اللّٰهِ وَذُرُوْا الْبَيْعَ ۗ ذٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٦٤﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah SWT (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan

³²¹ *Ibid*

³²² Akhmal Hj. Mohd. Zain, “Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh dan Akhlak” 348.

tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); Yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat Yang sebenarnya),

Hanya orang lelaki mukmin yang dewasa, merdeka dan menetap pada tempat di mana solat itu didirikan yang wajib menunaikan solat Jumaat. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ.

Terjemahan: solat Jumaat itu adalah wajib ditunaikan oleh tiap-tiap orang muslim dengan berjamaah melainkan empat jens manusia: iaitu hamba yang dimiliki, perempuan, kanak-kanak atau orang sakit.³²³

Hadith ini bukan bermakna mereka itu tidak boleh pergi menunaikan solat Jumaat. Sekiranya mereka lakukan solat itu juga sah dan tidak perlu lagi bagi mereka mengerjakan solat Zohor tetapi mereka tidak wajib melakukannya.³²⁴

Antara hikmah solat Jumaat ialah perhimpunan orang-orang Islam pada hari Jumaat ialah dapat menegakkan syiar dan kemuliaan Islam. Dalam perhimpunan itu dapat dilihat kekuatan Islam dan keadaan ini sekali gus dapat menimbulkan hormat dari golongan yang bukan Islam. Di samping itu, dapat mewujudkan persefahaman dan bersatu padu bagi semua peringkat umat tidak kira tentang kedudukan mereka dari segi sosial. Selain itu dapat mengeratkan tali persaudaraan dan ukhwh Islamiyah sesama umat. Dapat juga memperbaharui Iman dan ketakwaan kepada Allah SWT melalui khutbah yang di sampaikan oleh khatib sebelum menunaikan solat Jumaat.

³²³ Hadith Riwayat Abu Dawud, Kitab Tafsir Ibn al-Hanbalī, Bab Qawlūhu Ta‘ala SWT: Iza Nudī lil solāh min Yaum, no.Hadith 433.

³²⁴ Akhmal Hj. Mohd. Zain, “Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh dan Akhlak” 349.

Sebagai rumusnya, solat merupakan satu jalan atau cara untuk seseorang itu mendekati Allah SWT dan boleh menambah keimanan dalam diri seseorang itu. Solat merupakan tergolong dalam akidah dan ibadah. Perkara ini menjadi satu masalah akhlak kerana jika seseorang itu meninggalkan solat menunjukkan tiada pegangan akidah dalam diri dan juga menunjukkan beliau tidak berakhlak dan beradab dengan penciptanya yang memberi rezeki kepadanya sepanjang hidup di dunia ini. Perkara ini akan terus menjadi masalah akhlak jika seseorang itu secara konsisten meninggalkan solat dalam kehidupan hariannya dan sekali gus menunjukkan beliau bukan Muslim yang sejati dan boleh dikategorikan sebagai Muslim yang kufur atas nikmat yang diberikan Allah SWT.

3.4.2 Minum Arak/Alkohol

Minum arak dari sudut agama Islam merupakan satu kesalahan jenayah di bawah kategori jenayah hudud berdasarkan peruntukan undang-undang jenayah Islam.³²⁵ Islam mengharamkan arak bukan hanya meminumnya malah segala aktiviti yang melibatkan arak seperti membuat, mengedar, menjual, menyimpan atau membeli arak. Hukuman sebat akan dikenakan kepada peminum arak dalam kalangan orang Islam. Namun begitu, Islam tetap menjamin hak asasi orang bukan Islam dalam sesebuah negara Islam.³²⁶

Malaysia merupakan negara yang menduduki tangga ke sepuluh dalam kalangan negara yang penduduknya mengambil atau minum minuman yang beralkohol atau juga dikenali sebagai minuman keras. Minuman keras atau beralkohol boleh didapati dalam masyarakat sejak sekian lama. Pada awal kemunculan arak, arak dihasilkan secara tradisional hanya digunakan dalam masyarakat itu sendiri. Namun, kini penghasilan

³²⁵ Abdul Halim El-Muhammady, *Undang-undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri* (Bandar Baru Bangi: Wadah Niaga Sdn. Bhd, 1998).

³²⁶ Jasri Jamal dan Noryati Anuar, "Undang-undang Kawalan Penjualan Arak oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus Di Negeri Selangor Darul Ehsan" (makalah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Disember 2012).

arak ini berubah kepada penghasilan secara besaran dengan jenama yang khusus yang wujud pelbagai jenis.³²⁷

Arak merupakan bahan yang mengandungi alkohol yang memabukkan.³²⁸ Minum arak dalam pengambilan sedikit atau banyak, mabuk atau tidak adalah diharamkan dalam Islam. Namun begitu perbuatan ini dilihat sebagai suatu yang remeh dalam masyarakat pada hari ini. Jika diteliti dengan lebih mendalam, perbuatan ini boleh mendatangkan mudarat bukan sahaja kepada peminumnya malah memberi kesan juga kepada orang lain seperti keluarga khususnya. Perkara ini, jika seseorang itu sudah terjebak dan sekali gus menjadi kaki minum akan mendorong mereka mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap keluarga dan sekali gus akan mengakibatkan kepada masalah keganasan rumah tangga dan penganiayaan terhadap anak-anak.³²⁹ Faktor pengambilan alkohol atau minum arak ini di sebabkan oleh pergaulan dan pengaruh rakan sebaya.³³⁰

Menurut Islam, semua perkara yang memabukkan diharamkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Arak merupakan minuman yang boleh memabukkan peminumnya. Seperti firman Allah SWT di dalam al-Quran mengenai pengharaman arak berbuvi:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا اَلْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ وَالْاَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ

عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاَجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿١٦٠﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! Bahawa Sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan

³²⁷ Ardiah Jamali et al., "Pola dan Faktor yang Mempengaruhi Peminuman Minuman Keras Remaja Dusun Malaysia" *Malaysian Journal of Society and Spaces* 5 (2009), 82-101.

³²⁸ PEACE Islamic Da'wah Centre of Excellence "Hukum Berkaitan Arak dalam Islam: Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi" laman sesawang Indahnya Islam, dicapai pada 16 April 2018, <http://www.indahnyaislam.my/2017/hukum-berkaitan-arak-dalam-islam-dr-yusuf-al-qaradawi/>

³²⁹ Zulkifli Haji Mohd Yusoff, "Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu" (makalah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya).

³³⁰ Nur Hasbuna Saleh dan Norani Mohd Salleh, "Pengambilan Minuman Beralkohol Dalam Kalangan Pelajar dan Kaitannya dengan Pengaruh Rakan" (makalah, Universiti Malaya).

mengundi nasib Dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Antara sebab utama pengharaman arak ialah sifat dan kesan arak itu sendiri yang boleh memabukkan peminumnya sehingga menghilangkan kewarasan akal fikiran mengikut kesepakatan umat Islam. Menurut Ibu Taimiyah, semua perkara yang memabukkan adalah dikira sebagai najis sama seperti arak. Beliau turut mengumpamakan arak seperti air kencing. Disebabkan itu, setiap perkara yang boleh memabukkan adalah dilarang oleh Islam untuk dimakan atau diminum sama ada dengan kadar yang sedikit atau banyak.³³¹ Berdasarkan pernyataan di atas adalah jelas dan nyata mengenai sebab dan akibat pengharaman arak menurut Islam.

Seterusnya, semua minuman yang memabukkan boleh merosakkan akal dan fikiran dan sekali gus menyebabkan manusia boleh kehilangan banyak faedah dan kelebihannya, dalam erti kata lain meninggalkan kesan yang negatif terhadap manusia. Antara kesan tersebut ialah boleh menyebabkan jiwa manusia menjadi lemah, seterusnya dikuasai oleh hawa nafsu, timbulnya dalam hati perasaan benci membenci dan sekali gus menyebabkan timbulnya persengketaan sesama manusia sehingga menyebabkan hubungan tali persaudaraan terputus dan hilangnya rasa kasih dan sayang dalam diri. Akibat yang paling teruk jika seseorang itu minum arak ialah menghalang manusia daripada mengingati Allah SWT dan menjauhkan diri manusia daripada mendapat rahmat kurniaan dan ehsan dari Allah SWT.³³² Perkara ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

³³¹ Sabir bin Abdul Ghani et al., "Penilaian Penyalahgunaan Dadah Menurut Fatwa Ulama dari Perspektif Islam," *Journal of Business and Social Development* Vol.2 1 (2014), 57-62.

³³² Bayan Linnas Siri Ke 117, "Hindari Bahaya Arak" laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dicapai pada 16 April 2018, /ms/artikel/bayan-linnas/659-bayan-linnas-siri-ke-116-hindari-bahaya-arak

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ
وَيَصُدَّكُمْ عَنِ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ ۗ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٦١﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu Dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara Yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?

Secara ringkasnya, arak merupakan satu minuman yang jelas haram di sisi Islam yang haram di sisi Islam. Di sebabkan itu, semua Muslim wajib menghindari diri mereka dari mengambil minuman ini. Namun begitu, masih terdapat Muslim yang mengingkari perintah Allah SWT. Justeru itu, mereka ini tergolong dalam golongan yang mendustakan Allah SWT secara langsung. Di samping itu, minum arak/alkohol termasuk dalam masalah akhlak adalah kerana jika seseorang Muslim mengingkari perintah Allah SWT dan segala larangannya termasuk dalam golongan yang tidak berakhlak dengan akhlak yang baik kepada Allah SWT. Perkara itu sekali gus menunjukkan tiada akidah yang kukuh dan jitu dalam diri. Pengkaji berpendapat, jika wujudnya pegangan akidah yang jitu dalam diri Muslim itu seharusnya mereka berakhlak dengan akhlak yang baik terutamanya dengan Allah SWT.

Dalam perbincangan mengenai subtopik ini, begitu jelas masalah akhlak yang berkaitan dengan tanggungjawab agama merupakan pelanggaran kepada hukum yang ditetapkan dalam Islam. Namun begitu, pelanggaran hukum ini boleh juga dikaitkan dengan akhlak apabila di lihat dari sudut perbuatan dan tindak tanduk serta perlakuan seseorang itu dengan hukum yang telah termaktub dalam al-Quran dan ajaran

Rasulullah SAW. Menurut pandangan pengkaji, di sini boleh dilihat dengan jelas akhlak seseorang itu dengan terhadap ajaran Islam.

3.5 Masalah Akhlak Dan Kaitannya Dengan Akidah Islam

Individu Muslim yang mempunyai akidah yang mendalam dalam diri akan dapat di lihat menerusi akhlaknya sebagai satu manifestasi terhadap ketaatannya kepada Allah SWT dan kecintaannya kepada Rasulullah SAW. Setelah individu itu mengukuhkan akidahnya melalui amalan ibadah dalam syariah dan individu Muslim juga perlu menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan dan ikutan dalam setiap amalan dan perlakuannya.³³³ Perkara ini dilakukan berdasarkan Firman Allah SWT dalam al-Quran:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ

غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Al-Imran 3:31

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Berdasarkan ayat di atas dapatlah difahami bahawa individu Muslim yang meyakini dengan akidah Islam hendaklah mengikuti segala perkara yang diperintah oleh Allah SWT melalui al-Quran yang diturunkan Allah SWT dan sekali gus akan menjauhi segala larangan Allah SWT sepenuhnya.

³³³ Mohd Radhi Ibrahim, *Pengurusan Akidah dalam Kehidupan Muslim* (Nilai: Penerbit USIM, 2013), 123.

Individu Muslim yang mempunyai akidah yang kukuh dalam dirinya akan sentiasa menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh dalam pelbagai aspek kehidupan seperti akhlak Rasulullah SAW dengan Allah SWT, dengan keluarganya, dengan sahabatnya, musuh dan juga ketika di medan peperangan. Akhlak yang mulia merupakan hasil atau natijah dari akidah yang betul dan kukuh. Jelaslah di sini, pengamalan akhlak Islam merupakan satu manifestasi ketaatan seseorang individu kepada Allah SWT. Individu yang mempunyai akidah yang mantap dalam diri seharusnya mempunyai akhlak yang mulia sebagaimana Rasulullah SAW yang merupakan seorang manusia terbaik yang menggabungkan ketiga-tiga aspek agama Islam dalam kehidupan iaitu akidah, syariah dan akhlak.³³⁴

3.6 Kesimpulan

Pada pemerhatian pengkaji untuk mengatasi masalah akhlak yang melibatkan golongan remaja. Perkara ini bermula daripada rumah iaitu pendidikan yang diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak. Perkara ini paling penting kerana dengan didikan yang cukup dan sempurna seseorang itu akan lebih berhati-hati dalam meletakkan batas dalam pergaulan seharian. Bukan itu sahaja, wujudnya pegangan agama yang kukuh dalam diri boleh menjauhkan seseorang itu daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan diri dan agama terutamanya.

Hasil dapatan yang dapat pengkaji persembahkan dalam bab ini ialah kehidupan remaja boleh ialah persediaan awal sebelum meningkat ke alam dewasa. Pada kehidupan ini merupakan tempoh yang terbaik untuk mempraktikkan diri menjalani kehidupan muslim yang berakhlak dengan akhlak yang mulia seperti yang di sarankan oleh agama dengan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan dan contoh teladan.

³³⁴ *Ibid.*, 123-124.

Tidak dinafikan kehidupan di alam remaja banyak di sajikan dengan perkara-perkara yang baru. Sifat semulajadi yang wujud dalam diri seseorang yang ingin mencuba perkara baru tidak dapat dinafikan dan dihalang. Pengkaji berpendapat, tidak menjadi satu kesalahan bagi seseorang itu untuk mencuba perkara baru. Namun begitu suruhan dan larangan dalam ajaran Islam haruslah diikuti dan dipatuhi. Perkara ini amat penting supaya tidak melakukan perkara yang bertentang dengan agama Islam dan sekaligus menjadikan seseorang itu Muslim yang beriman dan bertaqwa.

Seterusnya, setelah pengkaji meneliti dengan lebih mendalam dalam masalah akhlak ini, di dapati bahawa situasi pada masa sekarang mendapati bahawa remaja dan masalah akhlak sangat berkait rapat antara satu sama lain. Berdasarkan pemerhatian pengkaji masalah akhlak yang melibatkan remaja makin meningkat dari hari ke hari khususnya yang melibatkan remaja Islam. Munculnya masalah akhlak dalam kalangan remaja ini mempunyai perkaitan yang erat dengan tahap kefahaman akidah dalam diri individu tertentu. Jika di dalam dirinya mempunyai akidah yang jitu, maka amatlah mustahil untuk seseorang individu itu melakukan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan sekali gus berakhlak dengan akhlak yang tidak baik. Islam menuntut umatnya supaya menjauhi segala larangannya dan melakukan segala suruhannya untuk memastikan mendapat kebahagiaan hidup sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak. Hidup ini adalah satu ujian, sesiapa yang melepasi ujian ini dengan jayanya, maka syurgalah tempatnya.

BAB IV: ANALISIS DESKRIPTIF DAN INFERENSI HUBUNGAN AKHLAK DENGAN KEFAHAMAN AKIDAH

4.1 Pengenalan

Akhlak dalam kehidupan orang Islam terangkum pada seluruh aspek kehidupan. Akhlak boleh menjamin wujudnya suatu perhubungan dan suatu ikatan yang menyeluruh di antara manusia dengan Allah SWT dan juga antara manusia dengan makhluk lain.

Bab ini membincangkan hasil analisis berdasarkan kajian ini. Laporan dapatan kajian ini akan dimulakan dengan penerangan mengenai ciri-ciri demografi responden kajian yang terdiri daripada pelajar tingkatan Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan, tahap pengetahuan pelajar terhadap akhlak, sikap pelajar terhadap akhlak, amalan akhlak pelajar dan kefahaman pelajar terhadap akhlak. Pengkaji menganalisis dengan cara analisis deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menghuraikan hasil dapatan kajian ini.

Laporan selanjutnya, pengkaji mengaplikasikan statistik inferensi yang membincangkan tentang hubungan antara masalah akhlak pelajar dengan akidah. Sehubungan itu, statistik inferensi yang digunakan merangkumi korelasi *Pearson* untuk melihat sejauh mana hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar.

4.2 Maklumat Demografi

Responden kajian ialah seramai 225 pelajar tingkatan empat sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah rawak berkelompok. Profil responden yang terlibat dalam kajian dihuraikan kepada dua kategori utama:

1. Profil responden berdasarkan latar belakang peribadi yang melibatkan tempat sekolah, jantina, aliran pengajian, keputusan peperiksaan pendidikan Islam yang terkini dan tempat tinggal.
2. Profil responden berdasarkan latar belakang keluarga yang melibatkan pekerjaan ibu bapa atau penjaga dan tahap pendidikan ibu bapa atau penjaga

4.2.1 Profil Peribadi Responden

Hasil daripada analisis frekuensi dan peratusan seramai 57 (25.3%) responden terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lanas, seramai 95 (42.2%) responden daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli. Seterusnya, seramai 40 (17.8%) responden daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Balah dan responden daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli 2 seramai 33 (14.7%) responden. Di samping itu, seramai 103 (45.8%) responden terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 122 (54.2%) adalah pelajar perempuan.

Selain daripada itu, berdasarkan dapatan kajian ini, profil responden berdasarkan gred keputusan peperiksaan pendidikan Islam yang terkini seramai 33 (9.8%) responden mendapat gred A. kemudian, seramai 39 (17.3%) responden mendapat gred B, seramai 87 (38.7%) responden mendapat gred C dan seramai 77 (34.2%) responden yang mendapat gred D. Di samping itu, dapatan kajian ini menunjukkan seramai 193 (85.8%) responden terdiri daripada pelajar aliran sastera dan 32 (14.2%) responden adalah pelajar aliran sains. Merujuk kepada tempat tinggal pula, hasil dapatan kajian menunjukkan seramai 35 (15.6%) responden tinggal di asrama dan 190 (84.4%) responden tinggal di rumah. Hasil daripada analisis profil peribadi responden dinyatakan dalam jadual 4.1.

Jadual 4.1 Profil Peribadi Responden

Profil Responden	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Sekolah	SMKAL	57	25.3
	SMKJ	95	42.2
	SMKKB	40	17.8
	SMKJ2	33	14.7
Jantina	Lelaki	103	45.8
	Perempuan	122	54.2
Gred Pencapaian	A	22	9.8
	B	39	17.3
	C	87	38.7
	D	77	34.2
Aliran Pengajian	Sastera	193	85.8
	Sains	32	14.2
Tempat Tinggal	Asrama	35	15.6
	Rumah	190	84.4
Jumlah responden		225	200

4.2.2 Profil Latar Belakang Keluarga Responden

Profil latar belakang keluarga responden meliputi pekerjaan bapa, pekerjaan ibu, tahap pendidikan bapa dan tahap pendidikan ibu. Merujuk kepada Jadual 4.2, hasil analisis frekuensi dan peratusan mendapati seramai 9 (4.0%) bapa responden bekerja sebagai guru manakala 15 (6.7%) ibu responden bekerja sebagai guru. Seramai 22 (9.8%) bapa responden bekerja sebagai petani dan 6 (2.7%) ibu responden bekerja sebagai petani. Selain itu, seramai 28 (12.4%) bapa responden berniaga, manakala seramai 24 (10.7%) ibu responden berniaga. Seterusnya, seramai 163 (72.4) ibu responden suri rumah sepenuh masa. Di samping itu, lain-lain pekerjaan yang dilakukan oleh bapa responden mencatatkan 166 (73.8%), manakala lain-lain pekerjaan yang dilakukan oleh ibu responden mencatatkan sebanyak 17 (7.6%).

Analisis terhadap tahap pendidikan bapa responden menunjukkan seramai 1 (0.4%) mempunyai kelulusan tahap Master. Seramai 11 (4.9%) mempunyai kelulusan di peringkat Ijazah, seramai 16 (7.1%) mempunyai kelulusan di peringkat Diploma.

Seterusnya, seramai 16 (7.1%) berkelulusan peringkat STPM, seramai 122 (54.2%) mempunyai kelulusan di peringkat SPM. Seramai 14 (6.2%) berkelulusan SRP dan 39 (17.3%) berkelulusan sekolah rendah. Seramai 6 (2.7%) mencatatkan bapa responden tidak bersekolah.

Seterusnya, analisis terhadap pendidikan ibu responden pula menunjukkan 1 (0.4) berkelulusan Phd, seramai 14 (6.2%) mempunyai kelulusan Ijazah, yang berkelulusan diploma menunjukkan 8 (3.6%). Seterusnya, seramai 21 (9.3%) berkelulusan STPM, manakala yang berkelulusan SPM seramai 123 (54.7%). Seramai 20 (8.9%) mempunyai kelulusan SRP dan kemudiannya seramai 24 (10.7%) berkelulusan sekolah rendah. Seramai 14 (6.2%) mencatatkan ibu responden tidak mempunyai pendidikan.

Jadual 4.2 Profil Latar Belakang Keluarga Responden

Latar Belakang Keluarga	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Pekerjaan Bapa	Guru	9	4.0
	Petani	22	9.8
	Berniaga	28	12.4
	Lain-lain	166	73.8
Pekerjaan Ibu	Guru	15	6.7
	Petani	6	2.7
	Berniaga	24	10.7
	Suri Rumah	163	72.4
	Lain-Lain	17	7.6
Tahap Pendidikan Bapa	Tidak Bersekolah	6	2.7
	Sekolah Rendah	39	17.3
	SRP	14	6.2
	SPM	122	54.2
	STPM	16	7.1
	Diploma	16	7.1
	Ijazah	11	4.9
	Master	1	.4
Tahap Pendidikan Ibu	Tidak Bersekolah	14	6.2
	Sekolah Rendah	24	10.7
	SRP	20	8.9
	SPM	123	54.7
	STPM	21	9.3
	Diploma	8	3.6
	Ijazah	14	6.2

Phd	1	.4
Jumlah responden	225	100.0

4.3 Kefahaman Akhlak dalam Pembelajaran Pendidikan Islam, Sikap Pelajar Terhadap Akhlak, Amalan Akhlak Pelajar Dan Kefahaman Tentang Akidah

Dapatan bagi sub topik ini adalah bagi memenuhi objektif pertama dan menjawab persoalan kajian yang pertama.

Objektif 3:

Menganalisis masalah akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli Kelantan dan hubungannya dengan kefahaman akidah pelajar.

Persoalan Kajian 3:

Apakah hubungan di antara masalah akhlak dengan kefahaman akidah pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli Kelantan?

Jadual 4.3 di bawah menunjukkan skor min keseluruhan bagi pemboleh ubah yang dikaji. Terdapat empat pemboleh ubah yang dikaji iaitu kefahaman pembelajaran Pendidikan Islam, sikap pelajar terhadap akhlak, amalan akhlak pelajar dan kefahaman tentang akidah.

Jadual 4.3: Skor Min untuk Keseluruhan Pemboleh ubah

Bil	Konstruk	Min	SP	Tahap
1	Kefahaman pembelajaran Akhlak dalam Pendidikan Islam	53.33	4.39	Rendah
2	Sikap pelajar terhadap akhlak	157.77	10.75	Tinggi
3	Amalan akhlak pelajar	99.72	10.32	Tinggi
4	Kefahaman tentang akidah	47.72	7.45	Sederhana

*SP = Sisihan Piawai

Berdasarkan dapatan kajian di atas, skor min menunjukkan nilai yang sederhana serta rendah. Kefahaman pembelajaran Pendidikan Islam berada pada tahap paling rendah iaitu sebanyak (Min=53.33,SP=4.39), manakala pemboleh ubah yang lain berada pada tahap sederhana dan tinggi. Pemboleh ubah bagi sikap pelajar terhadap akhlak menunjukkan tahap tinggi iaitu (Min=53.33,SP=4.39), diikuti dengan amalan akhlak pelajar juga berada pada tahap tinggi iaitu (Min=99.72,SP=10.32), Akhir sekali, kefahaman tentang akidah mencatat nilai min (Min=47.72, SP=7.45) berada pada tahap sederhana.

4.3.1 Kefahaman Pembelajaran Akhlak Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah

Kefahaman pelajar mengenai pembelajaran akhlak dalam pendidikan Islam di sekolah amat penting untuk mengetahui sejauh mana pelajar dapat memahami mengenai Islam yang di ajar di sekolah. Pendidikan Islam di sekolah merupakan subjek yang wajib di ambil oleh semua pelajar. Secara asasnya dalam subjek pendidikan Islam membincangkan mengenai akidah, syariat dan akhlak. Pengkaji memfokuskan kepada subjek pendidikan Islam ini di ajar di semua tahap di sekolah. Disebabkan perkara ini, subjek pendidikan Islam menjadi kayu ukur dalam melihat tahap kefahaman pelajar di sekolah terutamanya mengenai akidah dan akhlak. Dalam Jadual 4.4 menunjukkan mengenai skor min dan tahap kefahaman pembelajaran akhlak dalam pendidikan Islam.

Jadual 4.4: Skor Min dan Tahap Kefahaman Pembelajaran Akhlak dalam Pendidikan Islam

Bil	Konstruk	Skor Min	SP	Tahap
1	Kefahaman Pembelajaran Akhlak dalam Pendidikan Islam	53.33	4.39	Rendah

*SP= Sisihan Piawai

Hasil dapatan kajian, skor min dan tahap kefahaman pembelajaran akhlak dalam pendidikan Islam menunjukkan (Min 2.33, SP 0.47) berada pada tahap yang rendah. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam sistem Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah menengah kini perlu diperkembangkan dan dipertingkatkan lagi supaya dapat melahirkan pelajar yang mampu menguasai ilmu yang bukan hanya bersifat keduniaan semata-mata malah ilmu yang berkaitan dengan nilai-nilai Islam dapat diserapkan dalam diri pelajar dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan harian.

Seterusnya, jadual 4.5 ialah mengenai item-item soalan yang berkaitan dengan kefahaman pelajar mengenai pembelajaran akhlak dalam pendidikan Islam di sekolah.

Jadual 4.5 Kefahaman Pembelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam

Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Min
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
Saya berminat terhadap pelajaran Pendidikan Islam	0	0	2	0.9	42	18.7	107	47.6	74	32.9	4.12
Saya suka guru yang mengajar Pendidikan Islam	0	0	4	1.8	47	20.9	86	38.2	88	39.1	4.14
Saya suka setiap bahagian dalam pembelajaran Pendidikan Islam	0	0	8	3.6	70	31.1	103	45.8	44	19.6	3.81
Saya mendapat keputusan yang baik dalam pelajaran Pendidikan Islam ketika Peperiksaan (70-100)	9	4.0	71	31.6	71	31.6	48	21.3	26	11.6	3.04
Saya mendapat keputusan yang rendah dalam pelajaran Pendidikan Islam ketika peperiksaan (40-69)	28	12.4	48	21.3	69	30.7	61	27.1	19	8.4	2.97
Saya gagal dalam pelajaran Pendidikan Islam ketika peperiksaan (0-39)	113	50.2	58	25.8	31	13.8	17	7.6	6	2.7	1.86

Saya mendapat A dalam bacaan Al-Quran	10	4.4	37	16.4	83	36.9	59	26.2	36	16.0	3.32
Saya tidak tahu membaca Al-Quran	105	46.7	65	28.9	35	15.6	11	4.9	9	4.0	1.90
Saya diajar tentang akhlak dalam pendidikan Islam	1	0.4	11	4.9	29	12.9	91	40.4	93	41.3	4.17
Saya berminat dengan mata pelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam	0	0	7	3.1	45	20.0	99	44.0	74	32.9	4.06
Saya merasakan masa adalah cukup bagi guru agama mengajar akhlak dalam Pendidikan Islam	5	2.2	12	5.3	73	32.4	102	45.3	33	14.7	3.64
Saya suka dengan cara guru saya mengajar akhlak dalam Pendidikan Islam	3	1.3	7	3.1	38	16.9	97	43.1	80	35.6	4.08
Wajib berwuduk sebelum membaca al-Quran	4	1.8	4	1.8	28	12.4	86	38.2	103	45.8	4.24

*N= Jumlah

Merujuk kepada item-item soalan pula item yang paling rendah ialah item saya gagal dalam pelajaran Pendidikan Islam ketika peperiksaan iaitu skor min 1.86. Soalan ini berkaitan dengan gred pencapaian pelajar yang mendapat markah antara 0-39. Pengkaji mendapati bahawa seramai 113 (50.2 %) responden sangat tidak setuju, 58 (25.8 %) responden tidak setuju, 31 (13.8 %) responden sederhana setuju, 17 (7.6%) responden setuju dan 6 (2.7 %) responden sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mendapat lulus dalam pelajaran pendidikan Islam sebanyak 225 (3.04) responden mendapat gred 70-100 dan 225 (2.97) mendapat gred 40-69 dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Walau bagaimanapun, min-min item yang lain di bawah konstruk kefahaman min masih tinggi iaitu antara skor min 4.06 hingga skor min 4.24 item yang tertinggi ialah item berkenaan dengan pengetahuan responden mengenai bacaan al-Quran. Seramai 103 (45.8 %) responden sangat setuju, 86 (38.2 %) responden setuju, 28 (12.4 %) responden sederhana setuju dan hanya 4 (1.8 %) responden mencatatkan tidak setuju dan sangat tidak setuju.

4.3.2 Sikap Pelajar Terhadap Akhlak

Dalam kajian ini, hasil dapatan kajian bagi sikap pelajar terhadap akhlak menunjukkan skor min 2.77 dan sisihan piawai 0.41 berada pada tahap sederhana. Jadual 4.6 menunjukkan konstruk sikap pelajar terhadap akhlak. Manakala, jadual 4.7 menunjukkan item-item kepada konstruk sikap pelajar terhadap akhlak.

Jadual 4.6: Skor Min dan Tahap Sikap pelajar terhadap akhlak

Bil	Konstruk	Min Keseluruhan	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1	Sikap pelajar terhadap akhlak	157.77	10.75	Tinggi

SP = Sisihan Piawai

Sikap merangkumi kognitif, afektif dan tingkah laku. Ketiga-tiga aspek ini akan menentukan sikap seseorang dalam menghadapi sesuatu peristiwa.³³⁵ Oleh itu, sikap memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak seseorang individu.

Jadual 4.7: Sikap pelajar terhadap akhlak

Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Min
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
Saya sentiasa hadir ke kelas (tidak ponteng)	4	1.8	6	2.7	18	8.0	43	19.1	154	68.4	4.49
Saya sentiasa	1	0.4	1	0.4	17	7.6	63	28.0	143	63.6	4.53

³³⁵ Jamilah binti Mohd Noor, "Keberkesanan Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah di Seremban Negeri Sembilan, (tesis sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 2016)

menggunakan harta benda sekolah dengan sebaiknya												
Saya berpakaian mengikut peraturan sekolah.	12	5.3	11	4.9	30	13.3	58	25.8	114	50.7	4.11	
Saya tidak meniru dalam sebarang ujian atau peperiksaan.	5	2.2	13	5.8	52	23.1	78	34.7	77	34.2	3.92	
Saya tidak melawan cakap guru dan ibu-bapa/penjaga.	3	1.3	2	0.9	33	14.7	66	29.3	121	53.8	4.33	
Saya tidak melibatkan diri dalam percintaan.	17	7.6	16	7.1	52	23.1	46	20.4	94	41.8	3.81	
Saya tidak bercerita mengenai seks dengan kawan-kawan	2	0.9	7	3.1	21	9.3	58	25.8	137	60.9	4.42	
Saya tidak melihat sebarang sumber bahan lucah (CD, majalah atau web)	2	0.9	2	0.9	19	8.4	58	25.8	144	64.0	4.51	
Saya tidak menghisap rokok.	9	4.0	13	5.8	13	5.8	18	8.0	172	76.4	4.47	
Saya tidak terlibat dalam perlumbaan haram.	6	2.7	5	2.2	6	2.7	33	14.7	175	77.8	4.62	
Saya tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah	0	0	0	0	2	0.9	19	8.4	204	90.7	4.89	
Saya tidak memandang rendah terhadap hukum Islam seperti <i>hudud</i> , aurat dan yang berkaitan dengan hukum Islam.	2	0.9	5	2.2	9	4.0	34	15.1	175	99.8	4.66	
Saya tidak ponteng solat fardhu.	7	3.1	11	4.9	38	16.9	58	25.8	111	49.3	4.13	
Saya tidak meninggalkan puasa dengan sengaja tanpa menggantikannya.	4	1.8	6	2.7	22	9.8	52	23.1	141	62.7	4.42	
Saya tidak dikenali sebagai pelajar bermasalah di sekolah.	5	2.2	1	0.4	16	7.1	41	18.2	162	72.0	4.57	
Saya mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan.	12	5.3	20	8.9	60	26.7	90	40.0	43	19.1	3.58	
Saya mempelajari pengajian Islam dan	8	3.6	13	5.8	75	33.3	91	40.4	38	16.9	3.61	

hasilnya saya sentiasa beramal ibadat, berzikir, berdoa, bertawakkal, bertimbang rasa.												
Saya sentiasa memikirkan kesalahan atau dosa yang lalu.	12	5.3	16	7.1	59	26.2	88	39.1	50	22.2	3.65	
Saya tidak mengumpat, mengeji, mengkhianati dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap rakan.	8	3.6	16	7.1	77	34.2	67	29.8	57	25.3	3.66	
Saya menjauhi sifat-sifat keji seperti sombong, riak bangga diri, tidak bersyukur dan membazir wang, masa, tenaga.	25	11.1	50	22.2	56	24.9	73	32.4	21	9.3	3.06	
Saya melakukan solat sunat seperti solat hajat, solat tahajud dan sebagainya.	8	3.6	26	11.6	118	52.4	50	22.2	23	10.2	3.24	
Saya sentiasa membaca al-Quran.	4	1.8	29	12.9	107	47.6	56	24.9	29	12.9	3.34	
Saya akan meluangkan masa membaca al-Quran walaupun sibuk.	10	4.4	36	16.0	114	50.7	44	19.6	21	9.3	3.13	
Saya sentiasa ke masjid atau surau untuk mengikuti ceramah atau kelas agama.	16	7.1	59	26.2	102	45.3	36	16.0	12	5.3	2.86	
Saya sentiasa menunaikan solat jemaah samada bersama keluarga atau ke masjid.	12	5.3	44	19.6	97	43.1	51	22.7	21	9.3	3.11	
Saya memberi salam ketika bertemu dengan guru atau rakan.	3	1.3	10	4.4	51	22.7	86	38.2	75	33.3	3.97	
Saya tidak bergaul bebas dengan rakan-rakan saya yang berlainan jantina tanpa mengira waktu dan tempat.	7	3.1	14	6.2	55	24.4	77	34.2	72	32.0	3.85	

*N= Jumlah

Bagi item saya sentiasa hadir ke kelas (tidak ponteng) mencapai skor min 4.49 pada tahap yang tinggi seterusnya, bagi item saya sentiasa menggunakan harta benda sekolah dengan sebaiknya pula mendapat skor min 4.53 berada di tahap yang tinggi di samping itu juga, bagi item saya tidak meniru dalam sebarang ujian atau peperiksaan mendapat skor min 3.92 yang mana item ini berada di tahap yang sederhana tinggi. Bagi item saya tidak melawan cakap guru dan ibu-bapa/penjaga mendapat skor min 4.33 berada di tahap yang tinggi. Bagi item saya tidak melibatkan diri dalam percintaan mendapat skor min 3.81 berada di tahap yang sederhana tinggi.

Seterusnya, bagi item saya tidak bercerita mengenai seks dengan kawan-kawan berada di tahap yang tinggi mencapai skor min 4.42. Bagi item saya mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan mencapai skor min 3.58 berada di tahap yang sederhana tinggi. Bagi item saya sentiasa memikirkan kesalahan atau dosa yang lalu mencapai skor min 3.65 yang mana berada di tahap sederhana tinggi. Kemudian, bagi item saya tidak mengumpat, mengeji, mengkhianati dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap rakan mendapat skor min 3.66 berada di tahap sederhana tinggi. Bagi item saya menjauhi sifat-sifat keji seperti sombong, riak bangga diri, tidak bersyukur dan membazir wang, masa, tenaga mencapai skor min 3.06 berada di tahap sederhana tinggi.

Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian bagi item saya sentiasa ke masjid atau surau untuk mengikuti ceramah atau kelas agama mendapat skor min yang paling rendah iaitu sebanyak 2.86 yang mencapai tahap sederhana rendah. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden mengamalkan akhlak yang baik. Namun begitu, data menunjukkan juga bahawa responden tidak berminat untuk mendengar ceramah atau mengikuti kelas agama di masjid.

4.3.3 Amalan Akhlak Pelajar

Merujuk jadual 4.8 memaparkan skor min dan tahap bagi pemboleh ubah amalan akhlak pelajar. Nilai min menunjukkan sebanyak 2.42 dan sisihan piawai 0.52. Tahap amalan akhlak pelajar berada pada tahap sederhana di peringkat sekolah menengah.

Jadual 4.8: Skor Min dan Tahap amalan akhlak Pelajar

Bil	Konstruk	Min Keseluruhan	Sisihan piawai	Tahap
1	Amalan akhlak pelajar	99.72	10.32	Sederhana

*SP = Sisihan Piawai

Secara keseluruhannya, amalan akhlak pelajar sekolah menengah masih diperingkat sederhana. Hal ini dapat dilihat dalam jadual 4.9 berdasarkan item-item soalan yang diedarkan kepada responden.

Jadual 4.9: Amalan Akhlak Pelajar

Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Min
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
Saya sentiasa mendalami ilmu agama	6	2.7	7	3.1	90	40.0	86	38.2	36	16.0	3.61
Saya menguatkan iman dengan mendekati diri pada Allah SWT	5	2.2	3	1.3	71	31.6	91	40.4	55	24.4	3.83
Saya membaca al-Quran dan memahami maknanya dengan baik	4	1.8	31	13.8	99	44.0	58	25.8	33	14.7	3.37
Saya sentiasa belajar sembahyang dengan betul	3	1.3	16	7.1	50	22.2	110	48.9	46	20.4	3.80
Saya menambahkan pengetahuan agama dalam diri saya	1	0.4	8	3.6	67	29.8	104	46.2	45	20.0	3.81
Saya menguatkan rohani untuk menolak perkara-perkara yang negatif di sekeliling saya	3	1.3	11	4.9	69	30.7	104	46.2	38	16.9	3.72

Saya mempelajari tingkah laku yang sesuai dengan masyarakat	5	2.2	11	4.9	64	28.4	103	45.8	42	18.7	3.73
Saya mengikis semua tabiat buruk dalam diri saya	4	1.8	21	9.3	81	36.0	90	40.0	29	12.9	3.52
Saya menanamkan sifat takwa dalam diri saya	7	3.1	13	5.8	76	33.8	94	41.8	35	15.6	3.60
Saya meningkatkan iman, ilmu dan amal untuk menjadi anak yang soleh/solehah dan insan yang bertakwa.	4	1.8	16	7.1	59	26.2	99	44.0	47	20.9	3.75
Wajib menghindari perbuatan atau percakapan yang menyakiti hati orang lain	8	3.6	22	9.8	55	24.4	84	37.3	56	24.9	3.70
Sekiranya ada tetamu dirumah kita mestilah memakai pakaian yang menutup aurat	4	1.8	5	2.2	27	12.0	78	34.7	111	49.3	4.27
Kita wajib taat kepada ibu bapa walaupun perkara yang disuruh itu dilarang dalam agama	61	27.1	38	16.9	23	10.2	42	18.7	61	27.1	3.01
Tunjukkan bahasa yang kesat untuk menunjukkan perasaan marah kepada orang lain	59	26.2	81	36.0	47	20.9	24	20.7	14	6.2	2.34

*N= Jumlah

Bagi item saya sentiasa mendalami ilmu agama mencapai skor min 3.61 yang berada di tahap yang sederhana tinggi. Seterusnya, bagi item saya menguatkan iman dengan mendekati diri pada Allah SWT hasil dapatan menunjukkan min sebanyak 3.83 berada pada tahap yang sederhana tinggi. Item ini mendapat skor min yang tertinggi berbanding dengan item yang lain. Di samping itu, bagi item saya menguatkan rohani untuk menolak perkara-perkara yang negatif di sekeliling saya, hasil dapatan menunjukkan skor min 3.72. Item ini juga mencapai tahap interpretasi min sederhana

tinggi. Bagi item saya sentiasa mendalami ilmu agama mencapai skor min 3.61 yang berada di tahap yang sederhana tinggi.

Seterusnya, bagi item wajib menghindari perbuatan atau percakapan yang menyakiti hati orang lain menunjukkan skor min 3.70 berada di tahap sederhana tinggi. Walaubagaimanapun, item unjuk bahasa yang kesat untuk menunjukkan perasaan marah kepada orang lain mencapai skor min 2.34 yang mana berada di tahap sederhana rendah. Hasil dapatan kajian yang mencapai skor min 2.34 ini menunjukkan bahawa mengamalkan akhlak Islam dalam diri responden berada di tahap yang sederhana walaupun responden mengetahui dan memahamai tatacara kehidupan Muslim sejati.

4.3.4 Kefahaman Tentang Akidah

Penerapan tentang akidah perlu difahami serta dihayati oleh setiap murid. Memandangkan subjek akidah adalah subjek teras di sekolah menengah. Oleh itu, pengkaji akan mengukur kefahaman pelajar tentang akidah dan dapat dilihat dalam jadual 5.0 seperti berikut.

Jadual 5.0: Skor Min Dan Tahap Kefahaman Tentang Akidah

Bil	Konstruk	Min Keseluruhan	Sisihan piawai	Tahap
1	Kefahaman tentang akidah	47.72	7.45	Sederhana

SP= Sisihan Piawai

Berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan kefahaman tentang akidah berada pada tahap sederhana iaitu nilai min sebanyak 2.68 dan sisihan piawai 0.49.

Jadual 5.1: Kefahaman Tentang Akidah

Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Min
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%	
Saya menghayati akidah Islam dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan saya.	1	0.4	15	6.7	82	36.4	84	37.3	43	19.1	3.68
Saya membaca buku-buku atau bahan-bahan yang berunsurkan akidah Islam	1	0.4	21	9.3	104	46.2	72	32.0	27	12.0	3.45
Saya menyertai program atau aktiviti-aktiviti yang berunsurkan akidah Islam yang diadakan di sekolah ataupun di kawasan tempat tinggal saya.	2	0.9	30	13.3	105	46.7	68	30.2	20	8.9	3.32
Saya percaya bahawa semua yang perkara baik yang berlaku dalam hidup saya adalah ketentuan dari Allah SWT	3	1.3	6	2.7	27	12.0	77	34.2	112	49.8	4.28
Saya percaya bahawa semua yang perkara buruk yang berlaku dalam hidup saya adalah ketentuan dari Allah SWT	6	2.7	9	4.0	28	12.4	84	37.3	98	43.6	4.15
Saya menerima seluruh ketetapan al-Quran dan al-Sunnah dengan penuh ikhlas tanpa ada rasa kesusahan dalam diri.	6	2.7	12	5.3	49	21.8	94	41.8	64	28.4	3.88
Saya menjalani kehidupan harian saya mengikut hukum dan ketetapan yang termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah	1	0.4	16	7.1	83	36.9	89	39.6	36	16.0	3.63
Saya mendahulukan dan mengutamakan ajaran Rasulullah SAW berbanding ajaran-ajaran lain dalam kehidupan	4	1.8	10	4.4	69	30.7	92	40.9	50	22.2	3.77

harian saya.												
Percaya kepada malaikat merupakan salah satu prinsip Akidah Islam.	4	1.8	1	0.4	31	13.8	88	39.1	101	44.9	4.24	
Saya segera bertaubat memohon keampunan daripada Allah SWT jika saya melakukan maksiat dan berbuat dosa.	2	0.9	14	6.2	70	31.1	87	38.7	52	23.1	3.76	
Ketika saya melakukan ibadah, saya merasakan Allah SWT dekat dengan diri saya	3	1.3	4	1.8	46	20.4	87	38.7	85	37.8	4.09	
Saya mengiktiraf bahawa hanya Allah SWT sahaja merupakan pencipta manusia tanpa keraguan dalam diri saya	4	1.8	5	2.2	30	13.3	50	22.2	136	60.4	4.37	
Saya melakukan amal soleh tetapi tiada keikhlasan dalam diri saya.	49	21.8	69	30.7	59	26.2	35	15.6	13	5.8	2.52	
Saya yakin keimanan dalam hati dan amal soleh tidak dapat dipisahkan	3	1.3	7	3.1	59	26.2	99	44.0	57	25.3	3.88	
Saya sentiasa mendekati perkara yang baik dan menjauhi segala larangan daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW	4	1.8	5	2.2	65	28.9	77	34.2	74	32.9	3.94	

*N= Jumlah

Berdasarkan hasil dapatan kajian, bagi item saya menghayati akidah Islam dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan saya mencapai skor min 3.68 berada di tahap sederhana tinggi. Bagi item saya membaca buku-buku atau bahan-bahan yang berunsurkan akidah Islam mendapat skor min 3.45 yang mencapai tahap sederhana tinggi. Seterusnya, bagi item saya menyertai program atau aktiviti-aktiviti yang

berunsurkan akidah Islam yang diadakan di sekolah ataupun di kawasan tempat tinggal saya mencapai skor min 3.32 yang berada di tahap sederhana tinggi.

Di samping itu, bagi item saya percaya bahawa semua yang perkara baik yang berlaku dalam hidup saya adalah ketentuan dari Allah SWT mencapai skor min 4.28 yang sekaligus mencapai tahap tinggi. Bagi item saya percaya bahawa semua yang perkara buruk yang berlaku dalam hidup saya adalah ketentuan dari Allah SWT mendapat skor min 4.15 yang juga mencapai tahap tinggi. Seterusnya, bagi item percaya kepada malaikat merupakan salah satu prinsip Akidah Islam mencapai skor min 4.24 yang berada di tahap yang tinggi.

Seterusnya, bagi item saya segera bertaubat memohon keampunan daripada Allah SWT jika saya melakukan maksiat dan berbuat dosa mencapai min 3.76 berada di tahap sederhana tinggi. Bagi item saya mengiktiraf bahawa hanya Allah SWT sahaja merupakan pencipta manusia tanpa keraguan dalam diri saya mencapai skor min 4.37 dan berada di tahap yang tinggi. Bagi item saya yakin keimanan dalam hati dan amal soleh tidak dapat dipisahkan mencapai skor min 3.88 dan berada di tahap sederhana tinggi. Kemudian, bagi item saya sentiasa mendekati perkara yang baik dan menjauhi segala larangan daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW mencapai skor min 3.94 dan berada di tahap yang sederhana tinggi.

Namun begitu, bagi item saya melakukan amal soleh tetapi tiada keikhlasan dalam diri saya mencapai skor min yang terendah iaitu 2.52 yang sekaligus berada di tahap sederhana rendah. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman akidah responden berada di tahap yang sederhana tinggi. Perkara ini sekaligus menunjukkan bahawa responden memahami akidah Islam secara dasarnya. Namun begitu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa responden ketika melakukan amal soleh tidak disertai dengan keikhlasan dalam diri berada di tahap sederhana rendah.

4.3.5 Masalah Akhlak Dan Hubungannya Dengan Akidah

Jadual 5.2 : Analisis Korelasi Antara Sikap dan Amalan Akhlak dengan Kefahaman Akidah Pelajar

	Sikap Pelajar Terhadap Akhlak	Amalan Akhlak Pelajar	Kefahaman Akidah Pelajar
Sikap Pelajar Terhadap Akhlak	1		
	.670		
	.000		
Amalan Akhlak Pelajar	.395**	1	
	.000	.670**	
Kefahaman Akidah Pelajar	.692**	.683*	1
	.000	.027	.649**
			.002

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed)

Nilai Pekali korelasi adalah untuk mengukur hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Keputusan analisis diperoleh dalam Jadual 5.2 menunjukkan hubungan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap akhlak dengan kefahaman akidah [r , .692**; $P = .05$] pada tahap signifikan .05(2-tailed). Perkara ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai sikap yang baik menggambarkan akhlak mereka menjelaskan bahawa pelajar memahami apakah ciri-ciri akidah seorang muslim yang wajar dipraktikkan. Ini bermaksud apabila akhlak pelajar baik, maka kefahaman mereka terhadap akidah seorang muslim adalah juga baik.

Manakala amalan akhlak pelajar dengan kefahaman akidah juga menunjukkan nilai [$r, .670^{**}$; $P= .05$]. Hal ini turut menjelaskan bahawa amalan akhlak yang baik menunjukkan bahawa pelajar faham mengenai akidah yang sepatutnya diamalkan oleh seorang Muslim. Dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar di SMK Jeli memahami konsep akidah melalui amalan baik yang ditunjukkan dalam kehidupan seharian mereka. Nilai pekali korelasi menunjukkan kekuatan hubungan yang tinggi bagi kedua-dua konstruk. Oleh itu, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa sikap dan amalan pelajar mempunyai hubungan yang kuat dengan kefahaman akidah dalam kalangan pelajar. Ini dapat disimpulkan bahawa masalah akhlak dalam kalangan pelajar mempunyai hubungan langsung dengan pemahaman terhadap akidah. Dalam kajian ini kekuatan hubungan diukur dengan menggunakan pekali korelasi Pearson atau nilai r . Interpretasi korelasi merujuk jadual Guilford's Rules of Thumbs (1973):

Jadual 5.3: Guilford's Rules of Thumbs

Nilai pekali korelasi r	tafsiran hubungan
kurang daripada 0.2	korelasi sangat rendah
0.20 hingga 0.40	korelasi rendah
0.40 hingga 0.70	korelasi sederhana
0.70 hingga 0.90	korelasi tinggi
lebih daripada 0.90	korelasi sangat tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Guildford (1973)

4.4 Kesimpulan

Kajian mengenai masalah akhlak dan hubungannya dengan akhlak pelajar menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara sikap pelajar terhadap akhlak dengan kefahaman pembelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam. Di samping itu, hubungan

antara kefahaman akhlak dalam pembelajaran pendidikan Islam dengan sikap pelajar terhadap akhlak adalah rendah. Manakala amalan akhlak pelajar dengan kefahaman pembelajaran Pendidikan Islam juga menunjukkan rendah. Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil kajian dapatlah dibuktikan bahawa masalah akhlak mempunyai perkaitan dengan akidah dalam diri seseorang pelajar itu.

Universiti Malaya

BAB V: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Akhlak merupakan salah satu komponen penting dalam Islam selain daripada akidah dan syariah. Jika tidak sempurna salah satunya maka secara tidak langsung seseorang individu itu tidak layak di gelar Muslim yang sejati. Untuk mencapai taraf sebagai seorang Muslim yang sejati, seseorang itu haruslah berakhlak dengan akhlak yang mulia dengan cara melakukan segala perintah dan suruhan dan menjauhi segala larangan Allah SWT dan Rasulullah SAW di dalam Al-Quran dan hadith.

Di samping itu, berakidah dengan akidah yang lurus dan tidak terpesong daripada ajaran Islam juga menjadikan individu itu Muslim yang sejati. Seterusnya, Muslim yang sejati juga haruslah bersyariah dengan syariah yang betul mengikut ajaran Islam. Apabila ketiga-tiga elemen penting ini di simpulkan dengan ikatan yang teguh, maka individu itu beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Selain itu, mempunyai kefahaman dan amalan yang dituntut oleh Islam dalam diri dapat menjadikan seorang pelajar itu berdisiplin dalam menuntut Ilmu.

Justeru itu, di dalam bab lima ini, pengkaji akan membuat rumusan yang mendalam mengenai hasil dapatan kajian dan mengetengahkan beberapa cadangan untuk penambaikan kepada permasalahan akhlak ini dan juga beberapa cadangan untuk kajian lanjutan. Akhir sekali pengkaji akan membuat rumusan berdasarkan keseluruhan kajian.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat perkaitan di antara masalah akhlak pelajar dengan akidah Islam. Kajian ini memfokuskan kepada pelajar sekolah menengah. Reka bentuk

kajian ini ialah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik yang dihuraikan oleh pengkaji secara deskriptif. Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah yang terpilih di daerah Jeli, Kelantan. Setiap sekolah diedarkan soal selidik bergantung kepada bilangan pelajar di sekolah tersebut. Kesemua soal selidik itu diedarkan dan dijawab serta dikumpulkan pada hari yang sama. Setelah pengkaji mendapat selesai mengedarkan kesemua soal selidik kepada responden, kemudiannya pengkaji memasukkan kesemua data ke dalam perisian SPSS dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Statistik deskriptif ini dijelaskan menggunakan peratusan, min dan sisihan piawai.

5.3 Rumusan dan Kesimpulan

Pengkaji telah menetapkan tajuk bagi kajian ini ialah “Masalah Akhlak Pelajar dan Hubungannya dengan Akidah: Kajian Terhadap Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Jeli, Kelantan”. Justeru itu, pengkaji telah menetapkan tiga objektif utama yang ingin di capai dalam kajian ini iaitu membincangkan mengenai konsep akhlak dan akidah serta perkaitan antara kedua-duanya menurut perspektif Islam, mengkaji masalah akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan dan akhir sekali menganalisis masalah akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan dan hubungannya dengan akidah pelajar.

Merujuk kepada objektif yang pertama, kajian mendapati terdapat hubungan yang jelas di antara akhlak dan akidah menurut perspektif Islam. Hal ini kerana akhlak, akidah dan juga syariat merupakan tiga tunjang utama dalam Islam. Jika salah satu daripadanya longgar secara tidak langsung memberi kesan yang sama kepada yang lain. Islam mengaitkan akhlak dengan keimanan seseorang dengan menganggap orang yang paling sempurna darjat keimanannya ialah orang yang paling baik akhlaknya. Pembentukan akhlak amat penting kerana berkait rapat dengan iman. Intipati kepada

akhlak ialah iman dan taqwa. Justeru itu, jelaslah di sini jika akidah di dalam diri seseorang itu kukuh maka akan terlahirlah akhlak yang baik. Sesuai dengan saranan Islam supaya melakukan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya yang jelas termaktub dalam al-Quran dan hadith.

Seterusnya, berdasarkan objektif yang kedua, kajian mengelaskan masalah akhlak kepada tiga kategori utama iaitu masalah akhlak semasa di sekolah, masalah akhlak berkaitan aktiviti sosial lain dan masalah akhlak berkaitan dengan tanggungjawab agama. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji berpendapat bahawa masalah akhlak ini di gelar sebagai masalah akhlak kerana ia jelas melibatkan adab yang di ajar dalam Islam. Jika seseorang itu tidak berakhlak dengan akhlak yang mulia sekaligus menunjukkan seseorang itu tidak beradab dengan diri sendiri, dengan guru-guru, dengan ibu bapa dan juga dengan Allah SWT.

Menurut pengkaji seseorang Muslim yang tidak beradab dengan Allah SWT adalah satu perkara yang memalukan kerana Allah SWT yang mencipta dan memberi rezeki kepada kita semua dan Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Peyayang. Di samping itu juga, masalah akhlak ini akan menimbulkan masalah-masalah akhlak lain dalam masyarakat seperti mencuri, memeras ugut, pergaduhan, kekecohan dan lain-lain lagi yang berpunca dari masalah akhlak yang di sebut di atas. Perkara ini sekaligus menyebabkan hidup masyarakat sekeliling tidak aman dan tenteram. Di sebabkan itu, Islam begitu menekankan pentingnya manusia berakhlak dengan akhlak yang mulia dan sekali gus mempunyai iman yang teguh dalam diri demi keharmonian hidup dan mendapat ganjaran pahala yang di janjikan Allah SWT.

Seterusnya, berdasarkan objektif ketiga kajian mendapati berdasarkan hasil dapatan kajian yang dijalankan di sekolah menengah di daerah Jeli, Kelantan menunjukkan hubungan yang signifikan diantara masalah akhlak dan akidah Islam. Nilai Pekali korelasi adalah untuk mengukur hubungan antara pemboleh ubah yang

dikaji. Hasil dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap akhlak dengan kefahaman akidah [$r, .692^{**}$; $P= .05$] pada tahap signifikan .05(2-tailed). Perkara ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai sikap yang baik menggambarkan akhlak mereka menjelaskan bahawa pelajar memahami apakah ciri-ciri akidah seorang muslim yang wajar dipraktikkan. Ini bermaksud apabila akhlak pelajar baik, maka kefahaman mereka terhadap akidah seorang muslim adalah juga baik.

Manakala amalan akhlak pelajar dengan kefahaman akidah juga menunjukkan nilai [$r, .670^{**}$; $P= .05$]. Hal ini turut menjelaskan bahawa amalan akhlak yang baik menunjukkan bahawa pelajar faham mengenai akidah yang sepatutnya diamalkan oleh seorang muslim. Dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar di SMK Jeli memahami konsep akidah melalui amalan baik yang ditunjukkan dalam kehidupan seharian mereka. Nilai pekali korelasi menunjukkan kekuatan hubungan yang tinggi bagi kedua-dua konstruk. Oleh itu, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa sikap dan amalan pelajar mempunyai hubungan yang kuat dengan kefahaman akidah dalam kalangan pelajar. Ini dapat disimpulkan bahawa masalah akhlak dalam kalangan pelajar mempunyai hubungan langsung dengan pemahaman terhadap akidah

Jika diperhalusi, Kefahaman pembelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam Hasil dapatan kajian, skor min dan tahap kefahaman pembelajaran akhlak dalam pendidikan Islam menunjukkan (Min 2.33, SP 0.47) berada pada tahap yang rendah. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam sistem Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah menengah kini perlu diperkembangkan dan dipertingkatkan lagi supaya dapat melahirkan pelajar yang mampu menguasai ilmu yang bukan hanya bersifat keduniaan semata-mata malah ilmu yang berkaitan dengan nilai-nilai Islam dapat diserapkan dalam diri pelajar dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan harian Secara keseluruhan, di

dapati bahawa pembelajaran akhlak dalam subjek Pendidikan Islam berada di tahap yang rendah. Perkara ini perlulah di ambil perhatian khususnya oleh pihak sekolah.

Mungkin perkara ini menyebabkan masalah masih berlaku di dalam kalangan pelajar sekolah kerana hasil dapatan kajian hanya mencapai pada tahap rendah dan sederhana. Perkara ini secara tidak menunjukkan bahawa masalah akhlak bukan lah satu perkara luar biasa dalam kehidupan Muslim yang bergelar pelajar. Pengkaji yakin, jika akidah yang kuat di dalam diri pelajar, mustahil masalah akhlak akan muncul pada hari ini. Islam begitu menekankan kepentingan memelihara diri dengan kekuatan akidah, akhlak dan syariat. Jika akidah dan syariat sering disarankan agar sentiasa dipertingkan dan di hayati malah akhlak juga tidak harus di lupakan. Akhlak juga perlu di bentuk, di pelihara dan di perbaiki agar sentiasa berada di landasan yang betul dan benar.

5.4 Cadangan dan Saranan

Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji tidak dapat menafikan lagi bahawa wujudnya masalah akhlak dalam kehidupan pelajar pada masa kini. Pada pengamatan pengkaji amatlah penting perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya agar dapat membentuk peribadi yang mulia dalam diri seorang pelajar seterusnya menjadi khalifah yang dapat memakmurkan bumi ini dengan baik.

Selain itu, pengkaji juga yakin bahawa pelajar yang berdepan dengan masalah akhlak ini memerlukan sokongan, dokongan dan tunjuk ajar daripada mereka yang lebih berpengalaman. Pengkaji juga pasti terdapat beberapa faktor yang tertentu jika pelajar itu berakhlak dengan akhlak yang tidak baik. Faktor utama yang dapat di ketengahkan di sini ialah kurangnya pemahaman dan amalan mengenai akidah Islam dalam diri. Justeru itu, untuk membendung masalah akhlak ini perlu bermula dengan memantapkan akidah Islam dalam diri mereka.

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, beberapa cadangan dan saranan yang akan dikemukakan oleh pengkaji kepada pihak yang terlibat untuk membantu masalah akhlak ini dalam kehidupan seorang pelajar khususnya. Secara umumnya, pengkaji mengenal pasti empat pihak yang memainkan peranan penting dalam isu ini. Iaitu peranan individu itu sendiri, peranan ibu bapa, peranan sekolah dan peranan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Menurut pengkaji, masalah akhlak dalam kalangan pelajar haruslah di fahami oleh golongan itu sendiri. Hal ini kerana. Diri sendiri lebih mengetahui dan memahami diri mereka sendiri. Justeru itu, pelajar lebih berperanan untuk memelihara diri dari mudah tergoda dengan godaan dunia serta haruslah wujud dalam diri naluri untuk berubah menjadi lebih baik. Di samping itu, pelajar haruslah lebih menyayangi diri sendiri dan tidak membiarkan anasir-anasir negatif mengawal diri.

Kemudiannya, pelajar juga harus mempunyai kekuatan dan motivasi dalam diri untuk menepis dugaan-dugaan dunia serta membimbing jiwa kearah kebaikan hasil dari dorongan ketaatan dan mencapai keampunan dari Allah SWT. Seterusnya, dalam diri pelajar haruslah menghormati dan mengasihani ibu bapa. Hal ini kerana, ibu bapa adalah benteng terbaik dari segala musibah di dunia dan akhirat. Akhir sekali, pelajar haruslah memahami peranan hidup dalam masyarakat dengan mengamalkan konsep amar makruf nahi mungkar.

Seterusnya, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam membendung masalah akhlak dalam kalangan pelajar. Ibu bapa perlulah mempunyai ilmu untuk mendidik anak lelaki supaya bersifat kebapaan dan anak perempuan bersifat keibuan. Hal ini penting supaya mereka menjadi ibu bapa Muslim yang sejati. Selain itu, ibu bapa haruslah memberi kasih sayang dan membentuk disiplin diri anak-anak agar mereka tidak rasa diabaikan dan tidak di kasihi. Elemen penerimaan, menghormati,

mempercayai, memahami, mengambil berat dan memberi perhatian perlulah di terapkan dalam diri anak-anak.

Di samping itu, ibu bapa perlulah mewujudkan peraturan-peraturan tertentu dalam keluarga seperti limitasi dalam perkara tertentu untuk melahirkan anak-anak yang soleh dan solehah. Ibu bapa haruslah menjadi teladan yang baik kepada anak-anak supaya anak-anak dapat mencontohi kebaikan-kebaikan tersebut. Ibu bapa juga perlu sentiasa merujuk kepada pihak sekolah mengenai aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pihak sekolah khususnya aktiviti keagamaan. Dalam perkara ini, ibu bapa perlu memberi galakan kepada anak-anak supaya sentiasa menghadiri aktiviti yang banyak mendatangkan manfaat di dunia dan akhirat. Ibu bapa juga berperanan dalam memberi penerangan tertentu kepada anak-anak supaya mereka tahu mengenai sesuatu kebaikan di sebalik larangan Allah SWT. Akhir sekali, ibu bapa perlulah mengambil tahu segala aktiviti anak-anak mereka bukan sahaja di rumah malah ketika di sekolah supaya dapat mengelakkan mereka terjerumus atau terjebak dengan perkara-perkara yang tidak baik.

Pihak sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam mengatasi masalah akhlak ini. Pihak sekolah perlu menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu bagi menarik minat pelajar untuk bersekolah. Kemudian, pihak sekolah memainkan peranan penting dengan mendekati pelajar-pelajar yang menghadapi masalah supaya timbulnya minat dalam diri mereka untuk belajar. Akhir sekali, pihak sekolah perlu mengadakan aktiviti luar kelas seperti memanggil penceramah luar untuk memperoleh ilmu akhlak di luar sukatan kelas agar penerapan akhlak dalam diri pelajar lebih berkesan.

Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia juga memainkan peranan dalam perkara ini. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu memperkenalkan teknik-teknik pembelajaran yang baru kepada guru-guru agar dapat dipraktikkan di dalam kelas untuk terus menarik minat pelajar meneruskan sesi pembelajaran di sekolah. Seterusnya, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mengadakan atau menganjur kursus-kursu

tertentu kepada guru-guru secara berperingkat dan berterusan. Selain itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu sentiasa menuat lawatan ke sekolah-sekolah walaupun sekolah itu berada di tempat terpencil. Perkara ini penting supaya dapat mengetahui secara terus mengenai permasalahan di sekolah-sekolah. Akhir sekali, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia haruslah sentiasa mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan di peringkat negeri dan mengenal pasti sekolah-sekolah yang menghadapi masalah supaya masalah-masalah yang di hadapi dapat di atasi dengan segera.

5.5 Kesimpulan

Usaha yang berterusan untuk memperkasakan Islam haruslah dipertingkatkan pada setiap masa termasuk dalam hal-hal yang berkaitan dengan aspek dakwah kepada golongan remaja khususnya yang bergelar pelajar. Selain itu, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh para Sarjana Islam wajar di ambil kira dan di teliti dengan baik supaya dapat mengatasi masalah yang wujud pada hari ini dalam masyarakat Islam.

Pengkaji berpendapat bahawa semua pihak perlu memainkan peranan penting yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam mengatasi masalah akhlak dalam kalangan pelajar. Tambahan lagi, pengkaji yakin kegagalan golongan ini memainkan peranan dan umat Islam secara umumnya dalam menghayati ajaran Islam yang sebetulnya pasti akan meninggalkan kesan yang negatif kepada kemuliaan dan kesuciaan agama Islam dan sekaligus agama Islam akan di pandang serong oleh agama-agama lain, sedangkan Islam adalah agama yang sempurna dan menyeluruh yang mengajar umatnya berakhlak dengan akhlak yang baik.

BIBLIOGRAFI

BAHASA ARAB

Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, Mesir: al-Dār al-Misriyyah al-Lubnaniyyah, t.t.

_____. *Ihyā' Ulūm al-Dīn vol 3*, Kaherah: Mu'assasah al-Halabī wa-Syurakah lil-Nashr wal-Tawzi, 1976.

Abdullah Nasih al-Ulwan, *Dawr al-Shabāb fī Haml Risālah al-Islām* (Dār al-Salām: Kaherah).

Ibn Miskawayh, ed. C.K. Zurayk, *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut: American University of Beirut, 1966.

Miqdād Yaljān, *al-Ittijāh al-Akhlāqī fī al-Islām*, Mesir: Maktabah Kahriji, 1973.

Yusuf al-Qaraḍawi, *al-Khaṣā'is al-Āmmah li al-Islām*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1989.

BAHASA MELAYU

Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Ab. Latif Muda dan Rosmawati bt Ali @ Mat Zin, *Perbincangan Akidah Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd, 2007.

Abdul Fatah Abdul Malek dan Mohd. Majid Konting, *Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan*, ed. Ke-4, Universiti Putera Malaysia: Fakulti Pengajian Pendidikan, 1993.

Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar, "Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam dalam Pengajaran Akhlak," Jurnal Hadhari Special Edition (2012).

Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar, "Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam dalam Pengajaran Akhlak," Jurnal Hadhari Special Edition (2012), 23-35.

Abdul Halim El-Muhammady, *Undang-undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*, Bandar Baru Bangi: Wadah Niaga Sdn. Bhd, 1998.

Abu Hassan Othman, "Masalah Penyelidikan di Kota: Suatu Analisa Ringkas," dalam *Kaedah Penyelidikan Sosial*, ed. Wan Hashim, Ting Chew Peh dan Shamsul Amri Baharuddin, Petaling Jaya: Inverta Print Sdn. Bhd, 1980.

- Ahmad Mohd. Salleh, *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1997.
- Ahmad Munawar et al., "Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu," *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 143-154.
- Ahmad Munawar, Zakaria Stapa dan Siti Aishah, "Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu," *Jurnal Hadhari Special Edition*, (2012), 143-154.
- Ahmad Munawwar Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi, *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*, Skudai Johor: UTM Press, 2016.
- Akhmal Hj. Mohd. Zain, *Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak*, Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, 2015.
- Aminuddin bin Hehsan dan Siti Noor bt Muhamad, "Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini: Satu Kajian di Maahad Ahmadi Tanah Merah" (tesis ijazah, Universiti Teknologi Mara, 2010).
- Ardiah Jamali et al., "Pola dan Faktor yang Mempengaruhi Peminuman Minuman Keras Remaja Dusun Malaysia" *Malaysian Journal of Society and Spaces* 5 (2009), 82-101.
- Arsaythamby Veloo dan Ng Chooi Kim, "Jenis Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Sabah," *Asia Pasific Journal of Educators and Education* 29 (2014), 125-139.
- Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi dan Mascilla binti Hamzah, "Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah dan Hubungannya dengan Gaya Keibubapaan," *Journal of Education Psychology and Counselling* 1 (Mac 2011), 77-93.
- Asmawai Suhid, "Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan," *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 8 (2007), 167-178.
- _____. "Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam dalam Menangani Era Globalisasi" *Jurnal Kemanusiaan* 6 (2005).
- Azizah binti Mat Rashid, Nor Adha binti Abdul Hamid dan Norul Huda binti Bakar, "Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang sebagai Benteng Menanganinya," *Jurnal Pendidikan dan Inovasi* 2 (2015).
- Azizi Yahaya et al., "Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Gejala Ponteng di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor" (makalah, *Journal of Science Mathematics Education*, 2007), 1-20.
- Azizi Yahaya, "Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja: Satu Cabaran," dalam *Remaja dan Tingkah Laku*, (Skudai Johor: UTM Press, 2008), 289-299.
- Azlina Muhammad, "Faktor Salah Laku Dalam Kalangan Remaja: Kajian di Raudhatu Sakinah", *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial* 1 (Jun 2014).

- Azlina Muhammad, "Faktor Salah Laku Dalam Kalangan Remaja: Kajian di Raudhatu Sakinah" (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2012).
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham dan Salasiah Hanin Hamjah, "Ciri-Ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur," *Jurnal Islamiyyat* 35(1) 111-119 (2013).
- Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2011.
- Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Islam*, Kedah: Pustaka Darul Salam, 2007.
- Dr. Iman Abdul Mukmin Sa'aduddin, *Meneladani Akhlak Nabi Membangun Kepribadian Muslim*, Bandung: Pt Remaja Rosdakarya, 2006.
- Dr. Tengku Elmi Azlia Tengku Muda, Dr. Nor „Adha Binti Abdul Hamid, Aziziah Binti Mat Rashid, Norul Huda Binti Bakar dan Norashikin binti Azmi, "WAR 08 Kesalahan Akhlak dan Perkaitannya dengan Faktor Kematangan, Kerohanian dan Kesedaran Kendiri Individu," (makalah, World Academic and Research Congress, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9-10 Disember 2015).
- Drs M. Ali Hasan, *Tuntunan Akhlak*, Johor Bahru: Thinker's Library Sdn Bhd, 1984.
- Drs. Munib Hr. Sulistri, *Istilah Agama Islam Popular*, Indonesia: Pt. Hanindita Widya Pratama Jogjakarta, 2002.
- Drs. Sidi Gazalba, *Pola Ajaran dan Amal Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Faridah Che Husain dan Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Sukatan Pendidikan Akhlak dan Moral di Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia: Satu Tinjauan Umum" *Al-Basirah* (2011) Vol.1, No. 1, 79-9.
- Fathi Yakan, *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 1996.
- Gan Swee Eng, "Tingkah Laku Vandalisme dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Labis, Johor" tesis ijazah sarjana, Fakulti Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, 2013), 8-9.
- Haris Abd Wahab dan Siti Hajar Abu Bakar Ah, "Asas Penyelidikan Lapangan," dalam *Kaedah Penyelidikan Kerja Sosial Pengalaman Di Lapangan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.
- Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009.
- Idris Awang, *Penyelidikan Jenis dan Metode*, Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya, 1998.
- Ismail Hj. Ali, *Risalah Tauhid*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1996.

- Jasri Jamal dan Noryati Anuar, “Undang-undang Kawalan Penjualan Arak oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus Di Negeri Selangor Darul Ehsan” (makalah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Disember 2012).
- Johari bin Hassan dan Nik Selma bt Muhammad, “Faktor-faktor yang Menyebabkan Masalah Ponteng Sekolah di Sekolah Menengah di Daerah Kualijaya, Johor” (makalah, Fakulti Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, 2010).
- Johari bin Hassan dan Nik Selma bt Muhammad, “Faktor-faktor yang Menyebabkan Masalah Ponteng Sekolah di Sekolah Menengah di Daerah Kualijaya, Johor” (makalah, Fakulti Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, 2010).
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Dasar Akidah Muslim*, Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2011.
- Kamarul Azmi Jasmi, “Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial” (makalah, Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 Puteri Resort Melaka, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Baru, 28-29 Mac 2012).
- Kamus Dewan*, ed. Baru, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Kamus Dewan*, ed. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Kamus Dewan*, ed. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4*, Selangor: Dawama Sdn Bhd, 2002.
- Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi, “Sejauhmana Bahan Bacaan Mempengaruhi Pemahaman Akidah Remaja: Satu Kajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)” (makalah, Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasis 2014, Kuala Lumpur, 4-5 Mac 2014).
- Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan, “Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes,” *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (2), (2009), 1-14.
- Koentjaraningkat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT-Gramedia, 1986.
Mat, “Karya-Karya Aqidah Islam: Satu Tinjauan Ringkas Terhadap Penulisannya Sepanjang Zaman,” *Jurnal Usuluddin* 8, no. 3 (1998), 25.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai: Penerbit Teknologi Malaysia, 1999.
- Mohammad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak, “Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes” (makalah, Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, Universiti Malaysia Sabah, 11 Disember 2014).

- Mohd Afif bin Yahya, “Keterlibatan Remaja Dalam Lumba Haram Di Daerah Larut dan Matang, Perak: Kajian daripada Perspektif Pembangunan Insan” (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2011) 33-34.
- Mohd Fauzi bin Hamat, “Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini” (makalah, Seminar Pemikiran dan Penghayatan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002).
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, *Al-Asma" Al-Husna dan Modal Insan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.
- Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- _____. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Mohd Nasir Omar, *Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1986.
- _____. *Akhlaq dan Kaunseling Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005.
- Mohd Sabri bin Ismail, *Isu-isu Kontemporari Akidah dan Dakwah*, Batu Pahat: Penerbit Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, 2004, 78.
- Mohd Yusuf Ahmad, *Pengajian Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003.
- Mohamed Najib Abdul Ghafar dan Tay Siok Beng, “Tahap Kefahaman Dan Kepatuhan Pensyarah Wanita KKTM Balik Pulau Pulau Pinang dan KUIS Selangor Dalam Etika Muamalah Islamiyyah,” *Jurnal al-Turath* 2 (2017).
- Muhammad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1999.
- Nawi @ Mohd, Nawi Haji Ismail, *Pemurnian Akidah Islam: Analisis terhadap Ajaran Salah*, Kota Bharu: Percetakan & Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd, 2006.
- Nazneen binti Ismail dan Nurzatil Ismah bt Azizan, “Perspektif Islam dalam Pembentukan Masyarakat” (makalah, Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah, Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015).
- Nor Hafizah Samsudin, ed., *Pengurusan Disiplin Murid*, Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2011.
- Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Selangor: McGrawHill, 2013.
- Norhasilah Mat Nor et al., “Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2,

Skudai,” *Journal of Educational Psychology and Counseling* 5, (5 Mac 2012), 12-29.

Normah Ahmad, “Masalah Keruntuhan Akhlak di Kalangan Pelajar: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Agama (A) Ma’ahad Muhammadi Tanah Merah Kelantan” (Kajian Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, 2003).

Norsaleha Mohd. Salleh, Ab. Halim Tamuri dan Salleh Amat, “Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penghayatan Akidah,” *International Journal of Islamic Thought* 3 (2013), 71-80.

Nur Hasbuna Saleh dan Norani Mohd Salleh, “Pengambilan Minuman Beralkohol Dalam Kalangan Pelajar dan Kaitannya dengan Pengaruh Rakan” (makalah, Universiti Malaya).

Pejabat Pendidikan Daerah Jeli, *Penyalahgunaan Dadah Yang Melibatkan Pelajar*.

Pejabat Pendidikan Daerah Jeli, *Statistik Pelajar Tingkatan Empat Mengikuti Sekolah*.

Ramli Awang, *Akidah dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan*, Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2012.

Ramli Awang, et al., *Akidah dalam Kehidupan Muslim Analisis Aspek-aspek Penyelewengan*, 148.

Rianto Adi, *Metodologi Penelitian Sosial dan Hukum*, Jakarta: Granit, 2004.

Rohana Tan dan Norhasni Zinal Abiddin, “Akidah, Akhlak dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Belia di Institusi Pengajian Tinggi,” *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran* 1, no.1 (2014), 64.

Ronald E. Walpole, *Pengenalan Statistik*, terj, Mohd. Nawi Abd Rahman, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Rozmi Ismail dan Norhayati Ibrahim, “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keterlibatan Remaja dalam Perlumbaan Motorsikal Haram dan Hubungannya dengan Jenis Personaliti, Sokongan Sosial dan *Coping Skill*” (Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, 2007).

Sabir bin Abdul Ghani et al., “Penilaian Penyalahgunaan Dadah Menurut Fatwa Ulama dari Perspektif Islam,” *Journal of Business and Social Development* Vol.2 1 (2014), 57-62.

Said Haji Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah, 1996.

Samsul Bahri et al., *Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar*, Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh, 2012.

- Sayid Sabiq, *Akidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman*, Bandung: CV Penerbit Diponegoro Bandung, 2001.
- Seri Kartini dan Fariza Md Sham, “Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh,” *Jurnal Islamiyyat* 35 (1) (2013), 29-38.
- Sharifah Nur binti Abu, “Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak” (makalah, International Seminar on Research in Islamic Studies 11 (ISRIS 11), Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 15-16 Februari 2012).
- Sheikh Othman bin Sheikh Salim. *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Siti Norlina Muhamad, Mohd Nasir Ripin dan Mohd Dani Muhamad, “Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh” (makalah, Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme SIVIC Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 4-6 September 2004).
- Syed Sabiq, *Aqidah Islamiah*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1988.
- Yusuf Al-Qardawi, *Pengertian Tauhid*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1987.
- Zaharah Husin et al., “Pembangunan Akhlak dan Moral Ke Arah Masyarakat Lestari,” *Al-Hikmah* 7 (2) (2015), 72-87.
- Zaharah Hussin dan Ab. Halim Tamuri, “ Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Pendidikan Akhlak,” dalam *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, ed. Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad, *Panduan Mengurus Remaja Moden*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2004.
- Zainal Mat Saat, *Pengantar Statistik*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985.
- Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, “Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka,” *Journal of Education Psychology & Counselling* 1 (Mac 2011), 115-140.
- Zakaria Stapa, *Akhlak dan Tasawuf Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1995.
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff, “Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu” (makalah, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Universiti Malaya).

BAHASA INGGERIS

A.S. Hornby, *Oxford Fajar*, Kuala Lumpur: Pustaka Fajar, 2001.

Gordon D. Newby, *A Concise Encyclopedia of Islam*, United Kingdom: Oneworld Publication, 2002.

Keith F Punch, *Developing Effective Research Proposals*, London: Sage Publications Ltd, 2000.

Mohd Ghani Awang, Noryanti Muhammad dan Suriya Kumar Sinnaduai, *Research Design & Data Analysis in Social Science Research*, Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2012.

Robert V. Krejcie dan Daryle W. Morgan, "Determining Sample Size For Research Activities," *Journal Educational and Psychological Measurement* 30, (1970), 607-610.

LAMAN AKHBAR

Amran Kasimin, "Punca Keruntuhan Akhlak," *Utusan Online*, 21 Jun 2009.

Bernama "Jenayah Juvana Meningkatkan Di Kelantan," *Mstar*, 3 Februari 2010.

Hariz Mohd, "Revealed: Full list of 402 Malaysian schools with disciplinary, drug issues," *New Straits Times*, 17 Ogos 2017.

Hg Hk Azh, "Usia Tujuh Tahun Sudah Terlibat dengan Jenayah," *Bernama*, 8 Februari 2006.

Mudzalifah Mustafa, "4.7 Juta Perokok Rakyat Malaysia: KKM Pandang Serius," 24 Mei 2017.

_____. "402 Sekolah Dalam Pemerhatian," 22 Jun 2017.

n.n "Bicara Agama, Masalah Moral Remaja," *Utusan Online*, 26 Disember 2012.

n.n "Kes Rogol Di Kelantan Meningkatkan," *Utusan Online*, 4 Januari 2010.

n.n "Statistik Moral Remaja Kita," *MyMetro* 11 Mac 2015.

Nasrudin Hassan, "Jenayah Menular Dikalangan Pelajar," *Sinar Harian*, 22 Ogos 2013.

Wartawan Sinar Harian, "Remaja 17 Tahun Antara Lima Ditahan," *Sinar Harian*, 23 November 2015.

LAMAN SESAWANG

Adi Namri Sidek, "Negeri Manakah Yang Mempunyai Jumlah Sekolah Bermasalah Paling Tinggi di Malaysia?," laman sesawang *Iluminasi*, dikemaskini pada 17 Ogos 2017, dicapai pada 30 Oktober 2017, <https://Iluminasi.Com/Writer/6>.

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Laporan Dadah 2010-2016, laman sesawang *Agensi Anti Dadah Kebangsaan*, didapati 6 Mac 2018, <https://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah/>.

Bernama, “Jenayah di Kalangan Pelajar Membimbangkan” 29 mac 2014, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/jenayah-di-kalangan-pelajar-sekolah-membimbangkan-1.265173>

Bernama, “Pelajar 15 tahun Antara Ditahan Kerana Merempit” laman sesawang, dicapai pada 6 Mac 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/406529>.

British Dictionary, “Definition of Methodology” laman sesawang Dictionary.com, <http://www.dictionary.com/browse/methodology?s=t>.

Laman sesawang JAKIM, kemusykilan.islam.gov.my

Mohd Johari Baharum, “Islam Haram Salah Guna Dadah” laman sesawang Sinar Online, <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-haram-salah-guna-dadah-1.476662>.

My metro, “Hisap 23.7 Bilion Setahun”, laman sesawang *My Metro*, dicapai 6 Mac 2018, <https://www.hmetro.com.my/node/53292>.

Nor Raidah Awang, “5 Ditahan Sertai Lumba Haram” laman sesawang BH Online, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/367345/5-ditahan-sertai-lumba-haram>.

PEACE Islamic Da‘wah Centre of Excellence “Hukum Berkaitan Arak dalam Islam: Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi” laman sesawang *Indahnya Islam*, <http://www.indahnyaislam.my/2017/hukum-berkaitan-arak-dalam-islam-dr-yusuf-al-qaradawi/>.

Utusan Online, “Fatwa Hukum Merokok Bercangah”, laman sesawang *Utusan Online*, <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info/esp>.

Wikipedia Falsafah Pendidikan Malaysia, https://ms.wikipedia.org/wiki/Falsafah_Pendidikan_Malaysia.

Wikipedia Lumba Haram, https://ms.wikipedia.org/wiki/Lumba_haram#Jenis_perlumbaan_haram.